

Bil. 26

**Selasa
13 Mei 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997	(Ruangan	1)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam)	(Ruangan	50)
Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997	(Ruangan	66)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan	12)
-------------------------------------------------------------------------	----------	-----

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupa)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 13 Mei 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANGRANG UNDANG-UNDANG KAWALAN SEWA
(PEMANSUHAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [12 Mei, 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera sila sambung ucapan dan saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat memandangkan masa tidak begitu banyak, selepas Yang Berhormat dari Bukit Bendera berucap, saya minta kementerian menjawab. Ada 12 orang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Sila.

2.32 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, dalam satu ceramah DAP mengenai Akta Kawalan Sewa pada hari Sabtu 26hb. April yang lalu kawan baik saya Yang Berhormat dari Bagan telah mencabar saya dan juga Yang Berhormat dari Bayan Baru supaya berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Kelmarin Yang Berhormat dari Bayan Baru telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan. Kawan saya Yang Berhormat dari Bagan tidak perlu mencabar saya kerana dia tahu saya selalu mengambil bahagian dalam beberapa perbincangan rang undang-undang ini. Jadi, saya berharap kawan saya dari Bagan akan sabar mendengar ucapan saya, tetapi malangnya dia pun tidak hadir pada malam ini dan semua Ahli Parlimen DAP pun tidak hadir. Itulah yang dipanggil 'perjuangan DAP' bagi rakyat Pulau Pinang atas isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu laporan akhbar 'Kong Hua Jit Poh' di Pulau Pinang, pada hari Sabtu 26hb. April, DAP telah mengadakan satu

ceramah khas untuk pemansuhan Akta Kawalan Sewa dan di sana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyatakan bahawa bacaan kali yang kedua pemansuhan Akta Kawalan Sewa pada hari Khamis 24hb. April telah ditangguhkan sehingga 7hb. atau 8hb. Mei. Ini adalah usaha-usaha dari Ahli Parlimen DAP untuk membolehkan rakyat khususnya rakyat Pulau Pinang mendapat dan memberi maklum balas atas isu ini dan memberi masa yang lebih panjang untuk rakyat Pulau Pinang.

Semalam Yang Berhormat dari Senai pun telah membangkitkan tentang isu ini, tetapi dalam ucapan ahli DAP mereka senyap tentang isu ini dan diam, membisu dan tidak mengatakan tentang hal ini. Saya ingin.....

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, apa yang saya sampaikan pada malam tadi adalah satu perkara yang benar. Kalau apa yang saya katakan benar, bolehkah kita mensifatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah seorang 'pembongkang' cuma membohongkan rakyat jelata di Pulau Pinang. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Chia Kwang Chye: Saya memang bersetuju di atas hal ini dan bukan dalam persetujuan sahaja, tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membongkarkan penipuan DAP terhadap rakyat di Pulau Pinang dan saya di sini ada tape berkenaan dengan ceramah ini.....

Seorang Ahli: Buka! Buka!

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau hendak bukti tape ini boleh dimainkan [*pita rakaman kaset dimainkan*] dan dengan izin, saya hendak beritahu kepada semua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sila teruskan ucapan. Saya belum pernah dengar ada Ahli Yang Berhormat yang membunyikan tape dalam Parlimen. [*Ketawa*]

Tuan Chia Kwang Chye: Ini bermaksud saya tidak perlu memberi bukti dalam Dewan ini, tetapi apa yang dikatakan dalam tape ini dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan pun boleh.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Penjelasan! Penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Oh! Boleh.

[*Tuan Lim Hock Seng masuk ke dalam Dewan*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak memperingatkan Yang Berhormat dari Bukit Bendera, Yang Berhormat dari Bagan sudah masuk, bolehkah Yang Berhormat ulang balik, kerana Yang Berhormat dari Bagan tidak dengar tadi. Jadi, untuk penjelasan kerana Bagan sudah ada.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya ingat tidak payah membuang masa Dewan dan mendengarkan ucapan yang sia-sia dan tidak bermakna itu. Tetapi Yang Berhormat dari Bagan memang ada di sini, tetapi dia masih membisu dan senyap tentang hal ini, sama ada DAP menafikan bahawa ada perkataan ini atau mengakui bahawa perkataan yang telah diucap dalam ceramah itu dan di sana.....

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil menuduh saya, kerana saya tidak ada di sini dan saya tidak faham apa Yang Berhormat maksudkan itu. Jikalau Yang Berhormat boleh, sila ulang.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya boleh ulang tetapi.....

Seorang Ahli: Masa tidak ada.

Tuan Chia Kwang Chye: Tidak payah ulang sebab surat khabar pun ada tunjuk, jadi ada bukti dalam surat khabar dan saya tidak mahu ulang, bukan saya tidak ada bukti. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan dan saya pun tidak mahu membuang masa mendengar ucapan yang sia-sia ini.

Tuan Lim Si Cheng: Minta penjelasan Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Semasa Yang Berhormat dari Tanjong memberi ucapan dan ceramah di Pulau Pinang, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya turut hadir juga Yang Berhormat dari Bagan dan Pengerusi DAP Pulau Pinang, kedua-dua mereka juga memberi ucapan di dalam ceramah yang saya sebutkan itu. Yang Berhormat bersetujukah?

Tuan Chia Kwang Chye: Walaupun pihak DAP tidak mengakui tentang kandungan tape ini, tetapi memang ada bukti dalam surat khabar ataupun DAP hendak menafikan bahawa ada satu laporan 'Kong Hua Jit Poh' dan.....

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Mungkin ahli dari DAP hendak membakar surat khabar ini seperti yang dibuat atas surat khabar *Star* pada pilihan raya yang lalu itu.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi, adalah tidak adil untuk menuduh apa-apa, kerana saya tidak ada di sini dan saya tidak faham apa yang dimaksudkan. Jika Yang Berhormat dari Bukit Bendera betul-betul 'anak lelaki' sila ulang. [Ketawa] [Tepuk]

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua nampaknya saya tidak ada 'pilihan raya' untuk memainkan tape ini lagi sekali untuk orang yang tidak mahu faham atau tidak mahu tahu tentang...

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingin membetulkan, bukan ada 'pilihan raya'.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya tidak ada pilihan lain, bukan pilihan raya. Itulah sikap DAP. Saya mengakui saya mungkin tersilap sebut 'pilihan lain', kalau saya sebut 'pilihan raya' saya boleh tarik balik atau membetulkan 'pilihan lain' dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan kerana menjadi cikgu bahasa kepada saya tentang hal ini. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkataan di sana, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan 'bahawa atas usaha ahli-ahli DAP' menggunakan guerilla tactic sebagai 'guerilla warfare'. Ini mengakibatkan Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) tidak dibentangkan pada hari itu dan kalau orang di Pulau Pinang dengar berkenaan dengan 'guerilla warfare' di Dewan ini, mereka menganggap bahawa inilah satu padang permainan untuk kanak-kanak, ada senjata atau menjadi satu hufan di sini. Jadi, saya ingat kalau hendak mengapi-apikan perasaan rakyat di Pulau Pinang, jangan merendahkan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang

Dr. Tan Chong Keng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bukit Mertajam.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Tadi Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat dari Bagan itu adalah kawannya dan Yang Berhormat dari Senai pun dia sebut kawannya. Jadi, saya hendak tahu yang manakah kawan sebenar? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang gentleman, kalau orang ada prinsip, memang semua orang kawan saya dan kalau orang itu mungkin tidak baik dengan Ketua Pembangkang seperti tidak dipilih dalam pilihan raya yang lalu dan dipaksa untuk rakyat memilih, mungkin DAP memilih calon dari Bagan untuk mengganti mendiang P. Patto itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak sekali ialah sehingga sekarang tak ada ahli dari DAP menafikan atau mengakui bahawa kejadian ceramah pada hari Sabtu yang lalu itu di mana Ketua Pembangkang termasuk ahli-ahli yang lain telah mengatakan bahawa di atas usaha DAP dalam ucapan penggalakan pelaburan bahawa Akta Kawalan Sewa terpaksa ditangguhkan sehingga 7hb. atau 8hb. Ahli Dewan semua ada *Hansard* - inilah bukti yang ternyata di sini, kalau kita semua baca *Hansard* pada hari itu, Yang Berhormat dari Tanjong cuma berucap selama 53 minit sahaja dan ahli-ahli lain dari Barisan Nasional sudah berucap lebih dari 108 minit - dua kali ganda. Ini bermakna kalau ada tanggungjawab yang menangguhkan bacaan kali yang kedua Akta Kawalan Sewa ini adalah usaha ahli dari Barisan Nasional, bukan usaha dari DAP. Tetapi ini bukanlah tujuan hendak menangguhkan, ini adalah ikhlas untuk membahaskan dalam satu rang undang-undang yang begitu mustahak kerana negara kita memerlukan lebih pelaburan khasnya untuk MSC supaya negara kita boleh maju lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pihak DAP boleh memutarbelitkan rekod *Hansard* pada hari Khamis 24hb. April itu dan membohong serta menipu rakyat tentang prestasi Ahli DAP di Parlimen ini. Pihak DAP mengatakan bahawa *Hansard* ini salah atau silap dan perlu diubah atau mengakui sama ada *Hansard* ini memang betul. Kalau DAP menganggap rakyat bodoh atau boleh ditipu, biarlah saya ceritakan satu kata-kata dalam bahasa Inggeris yang selalu saya katakan kepada anak saya yang cuma berusia lima tahun sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, you can bluff some people some of the time, you can also bluff some people all the time, you can bluff everybody some of the

time but you can never bluff everybody all the time. Jadi, ini menjadikan satu amaran kepada DAP

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli dari Bukit Bendera. Saya kira rakyat faham tentang masalah dalam DAP sendiri. Maka yang demikian, program Tanjong yang telah beberapa kali dianjurkan oleh DAP telah di tolak. Tanjong I, II, III, IV, V tidak upaya mereka dapat, bermakna orang Pulau Pinang menolak DAP. Begitu juga keseluruhan tanah air kita kecuali kawasan-kawasan tertentu.

Jadi, Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa DAP kena ubah corak dengan lebih sederhana, seperti Kepong dia itu baik sedikit, dia duduk diam sahaja macam orang baru masuk sekolah. [Ketawa] Ahli dari Kota Melaka pun sudah hendak selamat tinggalkan Dewan Rakyat ini, kemudian Bagan pun nampak tertib, jadi, kalau mereka agak sederhana sedikit mungkin boleh bekerjasama dengan kita dan jadi sebuah negara yang aman dan sejahtera, macam mana adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Chia Kwang Chye: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Yan. Tetapi jangan Ahli dari Bagan, saya memang menganggap dia sebagai kawan saya. [Ketawa] Tetapi, berkenaan dengan sikap saya, saya ada agenda yang lain, kita tunggu mungkin dalam akhir ucapan saya berkenaan dengan sikap DAP ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang yang ada pada 24hb. April itu tahu tentang perbahasan yang dijalankan, jadi, saya berharap kawan saya khasnya dari Pulau Pinang, Bayan Baru, Bukit Mertajam dan Balik Pulau balik ke Pulau Pinang memberitahu kepada kawan-kawan kita khasnya kawan-kawan dari akhbar supaya membongkarkan penipuan DAP ini dan saya pun berharap bahawa kawan-kawan kita dalam surat khabar pun boleh membaca *Hansard* ini dan membongkarkan penipuan ini dan memberitahu kepada kawan-kawan sejawat wartawan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lebih ramai Ahli Parlimen mengambil bahagian dalam perbahasan cyber law, barulah semalam 12hb. April kita dapat membahaskan tentang rang undang-undang ini dan ini bermakna sudah lebih kurang 18 hari kelebihan telah diberi oleh kerajaan untuk kita membincangkan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, andai kata bahawa DAP telah berjaya dalam usahanya menangguhkan

perbahasan atau bacaan kali yang kedua Akta Kawalan Sewa ini tetapi kalau kita membaca Order Paper pada hari itu, selepas Akta Penggalakan Pelaburan ialah Akta Kawalan Sewa. Jadi, andai kata DAP berjaya dalam hal ini, tetapi kita menunggu sehingga semalam untuk membincangkan Akta Kawalan Sewa ini, kita boleh bincang pada 28hb. April itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua pun tahu bahawa DAP khasnya dalam ceramah Akta Kawalan Sewa telah memainkan perasaan rakyat dan mengapi-apikan perasaan mereka dan memperagakan menggunakan kesusahan rakyat sebagai modal capital mereka dan ini telah digunakan berkali-kali khasnya di dalam pilihan raya yang lalu itu.

Jadi, saya berharap bahawa kita akan mengatasi segala masalah berkenaan dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini dan kita memahami tentang masalah yang kita hadapi ini. Jangan mengadakan satu pendekatan yang begitu simplistik dan begitu emotional

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera sangat cenderung kepada ceramah yang dianjurkan oleh DAP untuk membincangkan Akta Kawalan Sewa, maka saya juga ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera sama ada beliau tahu kerana beliau ada teks yang mencatatkan segala perbincangan dalam ceramah itu, ada seorang dari antara peserta dalam ceramah itu bangkit untuk menyoal satu soalan. Soalan itu ialah, 'Bolehkah DAP menyiasat sama ada rumah-rumah tua, rumah-rumah yang dikawal oleh Akta Kawalan Sewa ini telah dibeli oleh tauke-tauke dari Barisan Nasional, sebab itulah mereka mendesak kerajaan untuk memansuhkan akta ini supaya mereka boleh mengaut keuntungan yang lebih banyak'.

Itu bukan saya kata, ada seorang peserta dalam ceramah itu bertanya kepada DAP dan saya mengemukakan soalan ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera untuk menyoal soalan ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan macam

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya jawabkan dahulu, nanti saya pun lupa, nanti dia kata saya tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan macam DAP, tidak berani mengakui atau menafikan bahawa laporan ini adalah benar atau tidak. Memang kalau Ahli dari Bagan mengatakan ada seorang dalam ceramah itu bertanya tentang soalan ini, saya memang ada tape dan saya sudah mendengar. Saya mengakui ada orang yang bertanya seperti itu, tetapi seperti tape ini yang diberi oleh seorang penyokong DAP dahulu, ia seorang penyokong, tetapi bila mendengar ucapan-ucapan DAP, dia pun memberi tape ini kepada saya. Saya mengaku bahawa ada soalan serupa itu dan saya pun tahu bahawa itu boleh dikatakan 'planted question' dan seorang ahli DAP menggunakan peluang itu untuk bertanya soalan ini supaya menghina-hinakan kerajaan ataupun menghina parti-parti komponen Barisan Nasional.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera sama ada beliau sedar atau tidak bahawa DAP ini bila dia sudah tidak boleh hendak jawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat maka dia akan pergi kepada satu soalan yang lain iaitu sama ada rasuah ataupun kita menggunakan kesempatan untuk kepentingan kita.

Jadi, Yang Berhormat, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat sedar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bagan, dia tahu perkara yang dibangkitkan ini tidak ada langsung substantive point, dengan izin, maka itulah sebabnya dia pergi kepada soalan tadi seolah-olah bahawa Yang Berhormat bangkitkan perkara ini di Parlimen, Ahli Yang Berhormat ada kepentingan, MCA ada kepentingan, UMNO ada kepentingan, seolah-olah DAP tidak ada kepentingan.

Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat sama ada di kawasan Ahli Yang Berhormat ada atau tidak orang miskin undi kepada Ahli Yang Berhormat. Saya di kawasan Parlimen Gerik, semua di sepuluh kawasan kampung baru saya menang menunjukkan bahawa orang kampung baru yang miskin pun sokong kerajaan, kerajaan bukan disokong oleh orang-orang yang kaya sahaja.

Jadi, Ahli Yang Berhormat daripada Bagan sengaja memainkan sentimen supaya Ahli Yang

Berhormat berada di pihak yang 'defensive'. Sebenarnya, apa yang kita buat ini bukan sahaja untuk orang kaya, tetapi juga untuk orang miskin. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju perkara ini dan sedar?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan sedar tetapi soalnya sangat panjang. [Ketawa] Tetapi, saya pun lupa soalan yang awal, walau bagaimanapun, mungkin DAP selalu membaca buku 'End of War', oleh Tsan Sui itu dan sehingga menggunakan Dewan Rakyat sebagai satu 'guerilla warfare' dan mungkin itu adalah satu cara delaying tactic atau diversionary act, diversionary move untuk mengelakkan isu-isu yang utama itu. Itulah 'guerilla warfare' yang dikatakan oleh pihak DAP, sebagai satu diversionary tactic.

Jadi, berkenaan dengan

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, malam tadi apa saya bangkitkan dan juga kandungan liputan akhbar ini dan Ahli Yang Berhormat sendiri telah mengulangkan perkara ini juga. Jadi, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat mengapa pihak DAP sehingga sekarang tidak berani mengaku atau menafikan isi kandungan yang kita bangkitkan. Apakah sebabnya, bolehkah Ahli Yang Berhormat menerangkan kepada kita.

Tuan Chia Kwang Chye: Apa yang saya katakan adalah benar, kalau apa yang Ahli Yang Berhormat dari Senai katakan adalah benar, macam mana hendak menafikan, semua senyap membisu sahaja. Jadi, tidak ada lain, selain daripada apa yang dikatakan oleh Ahli dari Gerik menggunakan taktik diversionary untuk bertanya persoalan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada hujah-hujah yang lain-lain, penipuan yang telah dikatakan dalam ceramah itu, saya pun tidak mahu membongkarkan lagi kerana satu isu pun tidak boleh dijawab, buat apa hendak membongkarkan isu-isu yang lain lagi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah pandangan Ahli Yang Berhormat, oleh kerana salah seorang Ahli Parlimen dari Pulau Pinang adalah Yang Berhormat dari Tanjong, beliau adalah Setiausaha Agung kepada DAP dan juga Ketua Pembangkang, pada pandangan Ahli Yang Berhormat apakah

komen Yang Berhormat apabila Setiausaha Agung DAP menarik balik saman malu kepada Presiden MCA dan hari ini dilaporkan kena bayar lebih RM29,000. Apakah pandangan, apakah implication, penarikan saman malu Setiausaha Agung DAP kepada Presiden MCA itu? Tidakkah ini membuktikan bahawa yang didakwa dahulu tidak benar sebab itu ditarik balik atau apa, cuba buktikan. Mungkin ini sama rasionalnya dengan kenyataan dalam akhbar yang DAP mendakwa dia yang menangguhkan perbincangan mengenai akta ini sedangkan pada hakikat yang betul adalah tidak benar.

Saya bagi pihak Barisan Nasional, saya dihubungi oleh rakan-rakan daripada Pulau Pinang khususnya, kami yang bertindak untuk menangguhkan hal ini, bukannya DAP, ini satu hakikat yang sebenar-benarnya. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong itulah semua orang tahu, ini bukan kali yang pertama dalam kes dengan Presiden Gerakan sampai hadir dalam mahkamah pun tidak pergi, tidak berani menghadapi mahkamah. Kes itu pun dibuang dari mahkamah. Jadi, kalau ada contoh-contoh yang lain lagi, tetapi saya rasa sudah cukuplah, sudah bisu tidak ada cerita-cerita yang lain, tidak payah membongkarkan lagilah. Jadi, biarlah saya memberitahu khasnya kepada pihak DAP betapa kompleksnya masalah berkenaan dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk dan kandungan rang undang-undang ini adalah mudah difahami dan telah pun dijelaskan oleh pihak-pihak yang terbabit di dalam penggubalan dan pembentangan rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, perhatian, minat dan kekhuatiran di kalangan mereka yang memiliki atau mereka yang menyewa bangunan-bangunan di bawah kawalan sewa di dalam negara ini serta ekspektasi terhadap keuntungan bagi pihak pemilik bangunan ataupun kesangsian terhadap kerugian yang bakal dihadapi oleh penyewa. Maka adalah sangat penting untuk kita di Dewan yang mulia ini memahami dengan teliti butir-butir teknikal, complexity economy dan complexity social yang terikat dengan sejarah kawalan sewa di negara ini yang mana menjadikan kawalan sewa atau pemansuhannya sesuatu perkara yang menarik perhatian teliti dari orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan kawalan sewa sebagai sebuah alat dasar polisi instrumen sejak Akta Kawalan Sewa diperkenalkan telah membangkitkan

soalan-soalan fundamental mengenai keadilannya sama ada kita melihat soalan keadilan dari segi kadar sewa yang dibayar oleh penyewa, pulangan ekonomi yang diterima oleh pemilik bangunan terkawal, keuntungan yang bakal diperolehi oleh pemaju hartanah, jumlah caj dan taksiran yang dipungut oleh majlis perbandaran ataupun faedah-faedah yang dinikmati oleh masyarakat bandar secara keseluruhannya.

Memandangkan bahawa ramai kumpulan sosial yang mewakili pelbagai kepentingan berbeza dan bertentangan bertumpu perhatian terhadap satu isu spesifik seperti kawalan sewa, maka kita di Dewan yang mulia ini peka bahawa satu penyiasatan yang memuaskan, adil dan boleh diterima oleh semua pihak yang terbabit tidak merupakan satu perkara yang senang dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod, subjek kawalan sewa telah lama diperhatikan sebagai satu perkara yang sangat partisan dan simplicity. Izinkan saya memberi satu contoh mengenai keadaan ini. Kebanyakan perbankan kawalan sewa sama ada pembayar nilai cukai, pelabur, pemaju, bank economist atau profesional di bidang hartanah dan pembangunan bandar telah lama memegang pendirian bahawa kawalan sewa adalah halangan kepada pembaharuan hartanah dan pembangunan semula bandar di kawasan-kawasan yang mana pemilihan bandar mungkin diperlukan. Bagi mereka ini, ekonomi pembangunan bandar pada kadar tinggi dan trend ke arah pencapaian kemewahan memerlukan guna tanah yang lebih efisien di kawasan bandar yang mana tanah adalah satu sumber yang kian kekurangan. Dalam mata pemilik hartanah dan pemaju yang ingin memperbaiki atau membangunkan semula tanah bandar tetapi tertahan oleh kawalan sewa, penyahsahan yang berkesan sekali adalah liberalisasi ekonomi yang sebaiknya membiarkan kuasa pasaran secara persendirian untuk menentukan harga dan sewa serta kadar bekalan dan permintaan.

Dengan ringkasnya, ramai pemilik, pelabur dan pemaju menyamakan pemansuhan kawalan sewa dengan kembalinya kuasa pasaran di dalam sektor hartanah bandar sebagai satu sumber dan insentif ekonomi bagi fasa baru dalam pembangunan bandar. Di sebaliknya, bagi kebanyakan penyokong, penerusan kawalan sewa sama ada mereka adalah ketua penyewa, penyewa bersama, penyewa kecil, wakil rakyat atau aktiviti sosial ataupun pakar dalam institusi akademik, mereka ini memilih untuk memberatkan peranan penting kawalan sewa dalam menentukan bekalan perumahan yang mencukupi

dan menstabilisasikan kos perumahan di kawasan lama yang selalunya sangat mundur dari segi ekonomi di kawasan bandar dan pekan.

Peranan tersebut sangat penting semasa tempoh awal pembangunan sosial ekonomi negara ini di mana pada masa itu adalah kritikal dari segi kebajikan sosial dan order politic untuk mengadakan bekalan perumahan bandar yang mencukupi pada kadar sewa yang mampu dibayar. Bagi kebanyakan penyokong kawalan sewa, peranan penting dan bersejarah itu tidak diperkecilkan oleh keadaan urbanisasi dan harga tanah yang kian meningkat di dalam suasana pembangunan ekonomi yang pesat dan berpusat di kawasan bandar.

Dalam perkara ini ada pihak yang menegaskan bahawa memang tepat masanya bagi keperluan kawalan sewa ini dalam suasana di mana sebahagian masyarakat sosial dan ekonomi menghadapi peningkatan tinggi harga hartanah di kawasan bandar. Jika tidak terkawal, harga pasaran akan mengakibatkan keadaan di mana hanya mereka yang berada sahaja dapat menduduki kawasan bandar. Satu pasaran hartanah yang tidak dikawal akan menyebabkan ramai keluarga dan kumpulan sosial yang telah lama menetap di pusat-pusat bandar dan yang mana telah menyumbangkan dalam pembangunan kawasan-kawasan tersebut terpaksa pindah keluar daripada kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan setelah mendengar contoh saya di atas, pihak-pihak tertentu akan menuduh saya cuba memberi gambaran terlalu mudah terhadap satu perkara dan keadaan yang begitu kompleks. Saya tidak berhasrat merupakan sombong dalam perkara ini. Saya boleh menambah hujah-hujah bagi kedua-dua pihak jika saya berasa ini adalah berfaedah untuk memanjangkan dan mengulangkan hujah-hujah partisan yang kita sering dengar di kalangan komersial, sosial dan politik yang menyokong atau membangkang pemansuhan kawalan sewa sebagai satu alat dasar dalam pembangunan bandar dan pengurusan stok perumahan, tetapi adalah tidak berguna kita berbuat demikian di sini.

Pada pendapat saya perbincangan partisan selalunya merupakan simplistic atau percanggahan. Namun demikian, Dewan yang mulia ini mempunyai tanggungjawab besar dan melalui perbincangan rang undang-undang ini kita perlu mewujudkan satu suasana tolak ansur yang dapat memudahkan penyelesaian yang praktikal bagi keseluruhan isu kawalan sewa secara adil selaras dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan sewa bukanlah semata-mata mengenai kepentingan pemilik hartanah dan penyewa sahaja sama ada di masa

dahulu ataupun pada masa kini. Oleh yang demikian, kawalan sewa dan pemansuhannya akan membabit bukan hanya pemilik dan penyewa tertentu di masa hadapan. Sama ada kita terima atau tidak, kita mesti jujur dan berani untuk mempertimbangkan pemansuhan kawalan sewa secara komprehensif iaitu sebagai satu perkara yang mempunyai atau mengakibatkan implikasi sosial dan ekonomi yang jauh luas daripada kepentingan pemilik dan penyewa sahaja. Implikasi-implikasi sosial dan ekonomi memang akan muncul kerana kawalan sewa secara komprehensif adalah terikat dengan pelbagai isu berkenaan.

Maka tidaklah akan menjadi kemungkinan bahawa isu-isu tadi bakal membuka banyak pertelingkahan lain. Kesemuanya dengan kekhuatiran jangka panjang. Bakal pertelingkahan termasuk di antara pemilik dan pemaju di satu belah dengan penyewa di sebelah lain; di antara ketua penyewa, penyewa bersama dan penyewa kecil masing-masing; di antara pemilik dan pemaju dengan pihak berkuasa tempatan; di antara profesional dan pakar perunding di dalam bidang hartanah, pelanggan mereka dan agensi-agensi berkenaan; di antara kerajaan negeri dan semua individu serta kumpulan sosial yang mempunyai kepentingan dan minat di dalam pembangunan pusat yang memanfaatkan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyatakan semua bakal pertelingkahan tadi, saya bukanlah menjadi alarmist yang mudah panik dengan senario yang telah digambarkan tadi. Saya adalah seorang rallist yang percaya dan memegang tanggapan bahawa tidak ada ruangan untuk pandangan partisan yang sempit dan pandang dekat (shortsighted) terhadap kawalan sewa dan pemansuhannya. Pandangan-pandangan partisan ini berdasarkan mimpi-mimpi yang tidak dapat direalisasikan. Yang perlu ialah pandangan realistik, benar dan sempurna yang akan memberi satu peluang untuk memelihara pusat-pusat bandar kita dengan cara yang efisien dari segi ekonomi, bertanggungjawab dari segi sosial dan diterima ramai dari segi politik.

Apa mimpi-mimpi itu? Sesiapa mereka yang bermimpi ini yang mana kita haruslah was-was terhadap mereka. Terdapat pemilik hartanah yang mimpi bahawa pemansuhan kawalan sewa akan memberi kebebasan kepada hartanah mereka dan menjadikan mereka jutawan tanpa menanggung sebarang kos kepada mereka atau apa jua sumbangan kepada mereka. Mereka ini mimpi mengenai satu pasaran hartanah yang wujud mengikut kuasa-kuasa bekalan dan permintaan yang

mana akan membawa harga-harga tinggi kepada aset-aset mereka yang selama ini diberi nilai yang sangat rendah, tetapi pemilik-pemilik ini tersilap. Sekiranya dianggap kawalan sewa sebagai satu halangan besar terhadap pembangunan bandar, maka kita tidak harus mempunyai bandar-bandar dan pekan-pekan besar di Malaysia yang mana kita berbangga sehingga sekarang. Anggapan ini tidak betul dan untuk terus memelihara harmoni dan peraturan (order) di dalam bandar dan pekan kita pada masa depan maka pemilik hartanah mesti rela menerima sekadar pengagihan semula pendapatan (redistribution of wealth) dalam masa-masa selepas pemansuhan kawalan sewa.

Yang kedua, terdapat penyewa yang mimpi bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak-pihak lain selain daripada diri mereka sendiri untuk menjaga keperluan perumahan untuk pejabat, untuk kedai dan untuk ruang industri tanpa perlunya menanggung kadar harga dan sewa yang adil dan saksama di lokasi-lokasi yang sesuai, maka penyewa-penyewa ini juga tersilap. Suasana kemerosotan keadaan sosial dan ekonomi pada masa dahulu yang telah melahirkan Akta Kawalan Sewa tidak lagi wujud pada masa ini. Memang mereka mahukan dan idamkan peningkatan kualiti perumahan dan kemudahan di pusat bandar, tetapi mereka harus sedar bahawa mereka tidak boleh lagi mendapatkan semua ini di dalam masa pada kadar yang selama ini disubsidisekan secara tinggi.

Yang ketiga, terdapat pemaju-pemaju hartanah yang mimpi mengenai projek-projek besar dan raksasa yang akan menguntungkan mereka sendiri sahaja. Mereka bermimpi mengenai demolition secara besar-besaran, diikuti dengan nisbah plot ratio yang sangat tinggi tanpa mereka menanggung sebarang tanggungjawab kewangan atau sosial, maka pemaju-pemaju ini pun telah silap.

Saya percaya sama ada majlis perbandaraan, kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat tidak akan menerima satu situasi di mana keinginan pemaju yang bertujuan keuntungan sahaja tanpa sifat penyayang akan mengancam fabric social masyarakat kita di peringkat tempatan, negeri atau negara.

Yang keempat, terhadap profesional di bidang hartanah dan pembangunan yang bermimpi memanipulasikan pelanggan-pelanggan yang sangat berminat dan pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan kerana mahukan bayaran perundingan apabila pemansuhan kawalan sewa membuka peluang-peluang untuk pembangunan semula.

Profesional-profesional ini pun telah silap. Memangnya perancangan dan pembangunan berterusan di pusat-pusat bandar, akan memerlukan input teknikal daripada profesional dan pakar perunding tetapi input ini haruslah diberi tanggungjawab kreatif dan dengan kepentingan kerjasama ke arah mencapai satu urban commonwealth yang dikongsi bersama di antara pelbagai strata masyarakat dan terdapat juga pegawai-pegawai kerajaan dan juga ahli-ahli politik yang bertanggungjawab di mana selepas bertahun-tahun menghadapi penyalahgunaan dan kelebihan di bawah pelaksanaan Akta Kawalan Sewa mimpi bahawa pemansuhan kawalan sewa akan memulakan satu pasaran hartanah yang bersaing sempurna yang mana akan menyelesaikan pelbagai pertelingkahan sedia ada tanpa pengawalseliaan berterusan oleh kerajaan.

Penswastaan dan liberalisasi ekonomi dalam sektor hartanah dan pembangunan bandar, tidak semestinya bermakna Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri atau tempatan melepaskan peranan kritikal mereka terhadap kawalan selia yang rapi dan teliti. Melalui polisi alat-alat regularisasi garis panduan dan undang-undang kecil untuk membentuk dan menunjuk arah penggunaan masa depan masyarakat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berucap sebagai seorang wakil rakyat kawasan di Pulau Pinang, sebuah negeri yang mana isu adalah mendalam dan luas. Mimpi-mimpi ini mestilah dihentikan sebelum mimpi menjadi mimpi ngeri yang akan menghantui kita pada masa hadapan. Saya percaya bahawa kebanyakan rakyat Malaysia sama ada individu, keluarga korporat, kumpulan-kumpulan kepentingan, jabatan-jabatan atau agensi kerajaan terutamanya mereka yang mana kehidupannya akan disentuh oleh pemansuhan kawalan sewa ini bukanlah mereka yang mempunyai mimpi-mimpi yang saya sebut itu. Mereka ini dan saya juga pasti kebanyakan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini khasnya pihak Barisan Nasional ini sedar bahawa dengan rang undang-undang yang kita bahaskan ini, masyarakat bandar di Malaysia ini terdiri dari tahap trash hold.

Rang undang-undang ini akan membuka peluang untuk menjadikan semula, memperbaharui dan revitalise masyarakat bandar yang selaras dengan matlamat Wawasan 2020 tetapi pada masa yang sama perkara ini memerlukan tanggungjawab, kerjasama dan sumbangan dari semua pihak, isi-isi rumah tangga, sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam

susunan tadi. Berdepan dengan situasi dan realiti masa kini, kita terpaksa memilih sama ada hendak berdepan dengan isu-isu sekarang atau pada masa depan atau tidak sama sekali. Kita perlu menunjukkan bahawa kita mempunyai pandangan jauh untuk berdepan dengan cabaran sekarang di mana masalah-masalah belum lagi timbul dan skop untuk tindakan adalah lebih luas. Ini adalah lebih baik daripada kita terpaksa menghadapi isu-isu ini secara reaktif pada masa depan di mana kemungkinannya kita menghadapi dan mendalami dalam pembangunan dan implikasi yang kita tidak dapat mengawal.

Pada masa depan itu, semasa dan selepas tempoh peralihan yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang yang kita sedang bahaskan ini, perkara-perkara praktik yang kita akan hadapi dan dengan pemansuhan kawalan sewa adalah termasuk isu-isu utama yang berikut:

- Keperluan bagi perumahan yang mencukupi terutama kos rendah dan sederhana di lokasi-lokasi tertentu yang perlu dibekalkan dengan cepat, efisien dan mencukupi.
- Keperluan bagi premis perniagaan terutama kos rendah dan sederhana di pusat-pusat perniagaan di bandar-bandar utama yang perlu dibekalkan dengan cepat, efisien dan mencukupi.
- Keperluan menyediakan premis industri kecil yang berharga berpatutan dan dekat dengan lokasi sedia ada yang perlu dibekalkan juga.
- Keperluan untuk menempatkan semula penduduk dan peniaga-peniaga secara teratur diselaras, bertanggungjawab, penyayang tanpa menjejaskan aktiviti-aktiviti ekonomi.
- Rancangan dan pemulihan teratur bahagian-bahagian pusat bandar yang terbabit selaras dengan rancangan-rancangan badan-badan berkanun dan badan bukan berkanun.
- Pemeliharaan yang bertanggungjawab dan bermakna untuk pemeliharaan aspek dan bahagian warisan bandar, seni bina dan sivik.
- Keperluan untuk mengubahsuai undang-undang kecil dan standard perancangan yang sedia ada.
- Keperluan untuk menggubalkan undang-undang baru dengan segera supaya dapat menghadapi tekanan-tekanan pembangunan semula bandar yang kian meningkat.

- Perancangan jangka panjang dan perancangan berterusan bagi projek prasarana raksasa, utiliti dan kegunaan kemudahan sivik serta sosial yang diperlukan untuk menghadapi pembaharuan pusat bandar secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diperuntukkan satu masa tempoh peralihan daripada 1hb. September, 1997 sehingga 31hb. Disember, 1999 selama 28 bulan, bukan 27 bulan di mana pelbagai pertelingkahan mengenai kadar sewa, tindakan mengosongkan premis dan pendapatan semula akan dipertimbangkan dan diselesaikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tempoh masa peralihan ini adalah amat diperlukan. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa sekiranya kita tidak menyediakan diri untuk menyelesaikan isu-isu tadi secara kreatif dan bertanggungjawab, kita mungkin ketinggalan semasa tempoh peralihan oleh kata-kata yang beremosi dan sensitif mengenai kekurangan tanah dan harga-harga pasaran, kadar sewa yang berpatutan dan harga yang tidak berpatutan, perubahan alternatif dan pampasan yang wajar, inisiatif sektor swasta dan pemansuhan regularisasi dan perumahan yang di 'subsidi'kan dan premis yang berharga berpatutan, memanglah saya tidak bermaksud bahawa penduduk yang terlibat tidak ada hak untuk mengemukakan kes mereka kepada tribunal de-control yang akan ditubuhkan selaras dengan peruntukan di dalam rang undang-undang ini tetapi sekiranya gambaran keseluruhan saya telah cuba menyampaikan di sini dapat mencerminkan betapa kompleksnya situasi yang kita hadapi ini, maka adalah salah bagi sesiapa pun untuk memikirkan bahawa hanya kepentingan persendirian, material dan ekonomi sahaja yang penting dalam pelaksanaan pemansuhan kawalan sewa.

Persoalannya adalah, jika kita menghadapi isu seperti yang telah saya sebutkan tadi, adakah kemungkinan bahawa kadar sewa boleh dikawal sebagai satu perkara biasa yang dapat diselesaikan oleh pemilik premis dengan penyewa-penyewanya secara persendirian di dalam suasana pasaran bebas yang tidak dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan merupakan satu masalah yang serius apabila kawalan sewa dimansuhkan. Kita perlu memahami dengan teliti masalah yang akan dihadapi rakyat sebelum kita dapat merancang dan melaksanakan projek-projek yang bertujuan untuk rakyat yang menghadapi masalah ini. Menurut kajian Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang, daripada sejumlah

16,116 isi rumah yang terlibat secara langsung dengan Akta Kawalan Sewa, lebih kurang 2,790 isi rumah atau 17.3% adalah di dalam kategori owner occupier. Tambahan lagi, 3,990 isi rumah atau 24.7% adalah dalam kategori penyewa tunggal. Jadi, jika kita tolak kedua-dua kategori daripada jumlah isi rumah yang tidak di bawah kawalan sewa, ini bermakna baki isi rumah yang akan menghadapi masalah yang lebih serius adalah 57.9% atau 9,336 isi rumah dan ini termasuk 4,251 isi rumah atau 26.38% yang tidak membayar sebarang sewa.

Ini adalah keadaan yang sekarang mengikut kajian yang telah dijalankan oleh USM pada tahun 1993. Kita mesti memahami keadaan yang berada sekarang sebelum kita cuba mengambil langkah untuk mengatasi masalah yang timbul daripada pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Sekarang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Ahli Undangan Negeri Barisan Nasional yang bekerja bertungkus lumus selama beberapa bulan yang lalu, sedang menjalankan satu kempen pendaftaran isi rumah yang terbabit dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Jadi, Kerajaan Barisan Nasional negeri Pulau Pinang selalu peka dan mengambil perhatian serius tentang apa jua masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, sebagaimana kes tadi, saya ingin mengemukakan dua kes di sini untuk menjadi satu contoh bahawa begitu kompleksnya pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini. Tuan Yang di-Pertua, kes pertama ialah seorang pemilik bangunan rumah dua tingkat di Pulau Pinang. Generasi awal keluarga pemilik ini telah membeli sebuah rumah berderet dua tingkat di Georgetown pada awal tahun 1940-an. Premis ini yang luasnya hampir dua ribu kaki persegi disewa kepada orang lain. Pada tahun 1965, penyewa baru menduduki premis tersebut, sewa yang diterima pada masa itu adalah RM46 sebulan.

Pada tahun 1970-an, sipemilik mendapat tahu bahawa penyewanya telah menyewakan bilik-bilik di dalam premis kepada dua atau tiga keluarga. Maka sipemilik membawa kes kepada Jemaah Pengadilan Sewa pada tahun 1975 untuk cuba mengeluarkan penyewa dari premis kerana telah melanggar syarat-syarat penyewaan. Oleh kerana tiada penyewa kecil yang muncul untuk memberi kenyataan kepada Jemaah Tribunal itu, maka kes ini ditolak dan Pengerusi Jemaah itu meminta mereka mencapai kata sepakat tentang sewa baru. Selepas tawar-menawar, sipemilik terpaksa menerima kenaikan sewa sehingga RM70.00 sebulan ataupun RM840.00 setahun dan

sewa ini tetap sehingga hari ini selama 20 tahun tidak berubah. Tambahan pula si pemilik ini terpaksa membayar cukai taksiran sebanyak RM300 setahun kepada Pejabat Cukai Tanah.

Bagi penyewa utama, berdasarkan anggaran sewa sebilik sebulan ialah RM150.00 dan ketiga-tiga bilik....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, panjangkah lagi ucapan Yang Berhormat? Sudah hampir satu jam. Kalau boleh pendekkan sedikit.

Tuan Chia Kwang Chye: Pendekkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah hampir satu jam.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya akan cuba menggulung, saya akan memendekkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi masalah ini memang sangat kompleks. [Ketawa] Jadi, saya hendak tunjuk khasnya kepada pihak DAP supaya jangan memperkecilkan masalah yang kompleks ini. [Tepuk] Oleh sebab itu, saya mesti memberi satu contoh yang jelas.

Seorang Ahli: Okay. [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Jika ketiga-tiga bilik ini disewa kepada penyewa kecil, maka penyewa utama itu menerima bayaran sewa sebanyak RM450 sebulan, dan setelah menolak RM70.00 bayaran kepada pemilik, beliau menerima keuntungan sebanyak RM380 sebulan. Maka dalam kes ini, Akta Kawalan Sewa merupakan tidak adil kepada pemilik yang memberi perlindungan kepada penyewa utama dan tambahannya membolehkan penyewa utama mendapatkan keuntungan di atas aset yang tidak dimilikinya.

Bagi pemilik, beliau memang mengalu-alukan pemansuhan akta ini. Harga hartanah ini dijangka akan meningkat tinggi setelah akta dimansuhkan. Pada masa sekarang nilai rumahnya adalah lebih kurang RM200,000 tanpa penghuni ataupun 'vacant possession'. Selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa, mungkin nilai rumahnya akan menjadi sebanyak RM400,000 atau setengah juta ringgit. Walaupun pemilik rumah itu boleh menyewakan premisnya dengan bayaran sewa sekurang-kurangnya RM1,200.00.

Tentang tempoh bayaran selama 28 bulan ini, beliau atau pemilik rumah ini berasa ini adalah terlalu panjang dan lama. Mereka memikir bahawa masa itu perlu dipendekkan. Pada pendapat pemilik itu rang undang-undang terlalu 'sympathetic' kepada

golongan penyewa, memandangkan bahawa pihak penyewa khasnya penyewa utama yang dapat manfaat selama ini. Bagi beliau atau pemilik itu, pemansuhan akta merupakan bahawa keadilan akhirnya sampai kepadanya sebagai pemilik premis yang terkawal. Bagi beliau cukup lama beliau menunggu dan men'subsidise'kan, memberi subsidi kepada penyewa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes pertama yang saya sebut itu, nilai tahunan atau 'annual value' sebenarnya seperti yang dicatat dalam senarai cukai taksiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang, nilai tahunan ini adalah RM2,730.00 Malaysia. Dengan menggunakan formula sewa yang pemilik bakal menerima, berdasarkan formula yang diberi sekarang sebanyak RM70.00 sebulan bagi tahun pertama, sewa yang baru ini adalah RM109.00, ini merupakan kenaikan 56%. Pada tahun yang kedua, sewa baru ini ialah RM146.75, kenaikan dari asal 112%. Bagi tahun yang ketiga sewa baru ialah RM188, kenaikan 160% daripada sewa yang asal itu.

Walaupun secara peratusan ini, pemilik bakal menerima kenaikan sewa yang tinggi pada tahun yang ketiga, tetapi secara mutlak sewa RM180 itu merupakan satu kenaikan sewa yang kecil bagi pemilik, kerana sewa yang berbanding dengan sewa pasaran ialah lebih kurang RM1,200.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menceritakan dilema seorang pemilik dan hasratnya terhadap pemansuhan kawalan sewa. Jadi, tidak adil kalau saya tidak memberi satu contoh dari segi satu keluarga penyewa kecil bagi premis terkawal. Dalam kes yang kedua, generasi awal keluarga penyewa ini telah menduduki premis terkawal selama 57 tahun sejak tahun 1940-an. Pada permulaannya penyewa terpaksa membayar duit kopi atau 'booking money' sebanyak RM5,000 untuk memulakan perniagaan kedai kopi. Keluarga penyewa ini membayar sewa kepada orang penyewa utama yang tidak mendiami dalam premis tersebut itu. Sewa pada tahun 1940-an hanya berpuh ringgit sahaja. Lama-kelamaan naik kepada RM800 sebulan pada masa ini. Tetapi penyewa utama hanya membayar RM200 sahaja kepada tuan punya bangunan. Tambah pula sikeluarga penyewa terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk menyelenggarakan dan membaiki premis, kerana tuan punya bangunan dan penyewa utama tidak bersetuju untuk membaiki premis itu.

Maka dalam kes ini Akta Kawalan Sewa tidak memberi perlindungan kepada penghuni penyewa

dan tidak adil kepada tuan premis itu. Malangnya, akta ini telah membolehkan penyewa utama mendapatkan keuntungan kepada perbezaan kadar sewa di antara sewa yang dibayar oleh sikeluarga penyewa, dan sewa yang dibayar kepada pemilik bangunan itu dalam kes ini mempunyai keuntungan RM600 sebulan untuk penyewa utama.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada contoh ini, saya ingin menunjukkan di sini bahawa 'fair rent' atau bayaran sewa sebanyak RM800 seperti yang dibayar oleh penyewa ketika itu atau RM200 seperti yang dibayar oleh penyewa utama itu, mana sewa yang digunakan sebagai satu 'fair rent' dalam rang undang-undang ini? Saya yakin penyewa utama itu akan cepat mendiami dalam premis itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan Yang di-Pertua, boleh gulunglah, lebih satu jam, Yang Berhormat. Minta gulung, kita tidak ada banyak masa. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tetapi dalam kes ini saya hendak....

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun di sebelah belakang.

Tuan Wong Kam Hoong: Penjelasan. Kes-kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera, adakah ini kes benar, 'true case' atau tidak, masih ada kes ini. Kedua, saya ingin merayulah kepada Tuan Yang di-Pertua, bagi saudara seperjuangan saya, beri lebih masa lagi untuk membahas pemansuhan kawalan sewa dengan sehabis-habisnya, sebab DAP akan menggunakan isu ini melancarkan Tanjong Empat untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional Pulau Pinang. *[Ketawa]* Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah diberi masa yang lebih daripada ahli yang lain. Jadi, kita masih ada urusan mustahak.

Seorang Ahli: Tak apa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita tidak ada banyak masa, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya ada sedikit lagi, saya akan cuba pendekkan.

Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini, dalam kes yang kedua di mana kalau kita menggunakan

RM200 sewa ini dan menggunakan 'annual value' yang diberi oleh MPPP, bahawa pada tahun yang pertama mengikut formula ialah RM172. Ini bermakna kurang daripada sewa yang dibayar sekarang. Pada tahun yang kedua, mengikut formula sewa yang perlu dibayar ialah RM144. Ini merupakan satu kadar yang kurang. Pada tahun yang ketiga, sewa ini cuma RM116. Jika menggunakan sewa RM800 yang dibayar oleh penyewa kita, jadi ini menjadi satu negatif. Ini adalah satu masalah yang timbul jika formula yang digunakan di mana sewa yang digunakan yang dibayar itu adalah tinggi daripada nilai annual value ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak berbincang tentang masalah perumahan, mungkin DAP di Pulau Pinang akan mengatakan bahawa kerajaan Pulau Pinang tidak ada membuat apa-apa persediaan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggaris beberapa alternatif bagi mengatasi masalah perumahan yang berbangkit kesan daripada pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Di negeri Pulau Pinang majoriti yang terlibat dengan pemansuhan akta ini adalah di daerah timur laut ataupun kawasan bandar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1994 telah mengeluarkan garis panduan baru khusus bagi daerah timur laut, iaitu perumahan kos sederhana rendah.

Semenjak pelancaran program ini, iaitu pada Mei 1994 sehingga kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima lebih 40 permohonan daripada pemaju dalam program ini, dengan jumlah unit yang akan dibina melebihi 17,000. Pihak MPPP di dipertanggungjawabkan menguasai perkembangan projek-projek di bawah garis panduan ini bagi memastikan ia dapat dijalankan seperti yang telah dijadualkan. Bagi daerah-daerah lain yang juga terlibat dalam pemansuhan Akta Kawalan Sewa, kerajaan negeri telah mengenal pasti tapak-tapak yang akan dibangunkan di bawah program penswastan dan juga melalui sumbangan 30% kos rumah rendah. Melalui program perumahan di bawah dana RM600 juta itu daripada Kerajaan Persekutuan, negeri Pulau Pinang telah mendapat kelulusan membangunkan dua tapak, iaitu di Sungai Rambai di Seberang Perai Tengah, 912 unit dan di Jalan Sungai di kawasan pulau, 529 unit.

Pada bulan November 1996 satu majlis menandatangani MoU di antara pemaju-pemaju swasta dan Kerajaan Pulau Pinang telah diadakan dengan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Sebanyak 47 pemaju swasta telah bersetuju membina unit-unit kos.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya ingat memadailah.....

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah 1 jam 15 minit.

Tuan Chia Kwang Chye: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita masih banyak ada rang undang-undang yang lain, kita hanya ada dua hari sahaja.

Tuan Chia Kwang Chye: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya habiskan muka surat ini, jadi.....

Beberapa Ahli: Mohon menyokonglah! [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye:..... jadi melalui perjanjian ini.....

Seorang Ahli: Sokonglah!

Tuan Chia Kwang Chye:..... jumlah unit yang lebih 40,000 ini akan dibina. Jadi, memang ada lagi, tetapi oleh kerana permintaan yang diminta oleh Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berhenti. Sebelum saya berhenti saya mesti mengatakan di sini bahawa akhirnya dengan kekurangan fahaman DAP yang bersikap negatif dan sempit yang selalu dalam 'belengguan mental', saya berani mengatakan di sini bahawa tempoh peralihan selama 5 tahun adalah amat pendek bagi DAP, sehingga DAP tidak berubah pemikirannya, pandangan dan pendekatan mereka, jangan kata 50 tahun atau 5 generasi, 500 tahun atau 5 alaf pun tidak cukup untuk segolongan DAP.....

Seorang Ahli: Saya ingat DAP sudah habis!

Tuan Chia Kwang Chye:..... yang tidak mahu menyelesaikan masalah, tidak ada rancangan atau cadangan yang baik, yang selalu memainkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Chia Kwang Chye:.....yang selalu memainkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah!

Tuan Chia Kwang Chye:.....perasaan rakyat

dengan tujuan memperalatkan masalah dan kesusahan rakyat sebagai satu modal politik. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli DAP: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sudah habis, saya sudah beri notis awal-awal tadi, bahawa masa kita tidak mengizinkan, bagi pertimbangan saya 12 orang yang mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini sudah cukup. Ya, sila ada Usul, selepas ini menteri akan menjawab.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan. Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN SEWA (PEMANSUHAN) 1997

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

3.50 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak membuat sesuatu keputusan dengan sewenang-wenangnya dalam soal kawalan sewa. Kerajaan cukup berhati-hati dan

meninjau isu itu dari pelbagai aspek. Akhirnya kerajaan membuat keputusan dengan berpegang kepada dua prinsip utama iaitu kebenaran dan keadilan. Kebenaran atau hakikat sebenar ialah Akta Kawalan Sewa kini tidak lagi memenuhi tujuan asalnya, malah akta itu disalahgunakan oleh golongan tertentu bagi mengaut untung. Di samping itu akta itu tidak langsung menggalakkan pembangunan semula di kawasan-kawasan berkenaan.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita hendaklah berlaku adil kepada semua lapisan rakyat, tidak kira sama ada mereka itu pemilik atau penyewa, golongan berada atau sebaliknya, ahli-ahli MCA atau penyokong DAP. Adalah adil pemilik kawalan sewa yang selama ini terjejas kepentingannya kini diberi peluang untuk menaikkan sewa atau akhirnya mengambil kembali bangunannya.

Kerajaan sedar tindakan memansuhkan Akta Kawalan Sewa mungkin tidak popular, malah isu itu boleh dipolitikkan oleh pihak Pembangkang bagi kepentingan politik mereka seperti yang telah pun dilakukan oleh DAP. Sebenarnya dalam soal kawalan sewa, kerajaan tersepit di antara pihak pemilik premis dan penyewa premis, dua pihak yang bertentangan kepentingannya. Oleh yang demikian, sebarang keputusan kerajaan sama ada memansuh atau mengekalkan akta itu akan tidak disenangi oleh golongan-golongan tertentu. Namun kerajaan perlu menegak kebenaran dan keadilan. Kerajaan perlu juga melihat sesuatu dalam konteks kepentingan negara seluruhnya, maka atas prinsip-prinsip inilah iaitu 'kebenaran', 'keadilan' dan 'kepentingan' negara, kerajaan memutuskan untuk memansuh Akta Kawalan Sewa. Dalam berbuat demikian, kerajaan bersedia menanggung sebarang risiko politik yang mungkin timbul, tidak seperti DAP yang cuma mahu mengejar populariti dan political mileage tanpa menghirau sama ada sesuatu langkah atau pun tindakan itu baik ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gembira kerana begitu ramai Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997. Mujurlah semua Ahli Yang Berhormat bersetuju akta ini sudah usang dan ketinggalan zaman dan menyokong tindakan kerajaan untuk memansuhkannya.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua khasnya ahli-ahli Barisan Nasional yang mengemukakan pandangan [*Tepuk*] serta saranan yang bernas. Kepada DAP yang turut menyatakan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini, saya

juga merakamkan penghargaan kerajaan, walaupun pada mulanya saya tidak sangka DAP akan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan DAP menyokong pemansuhan Akta Kawalan Sewa adalah suatu tindakan politik yang memang bijak, sebabnya cukup jelas pendapat umum di seluruh negara kini inginkan Akta Kawalan Sewa dimansuhkan. Pemimpin-pemimpin DAP sedar akan hakikat ini, jadi adalah wajar DAP memilih untuk menyokong pendapat umum itu dan tidak menentangnya. DAP memang faham menentang pemansuhan pasti akan membawa lebih luka parah kepada parti itu yang belum lagi pulih daripada kekalahan teruk pilihan raya umum tahun 1995. Jadi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada DAP atas sokongan terhadap kerajaan. Saya tidak pernah mengucap tahniah selama ini kepada DAP, maklumlah kalau DAP masih belum bising sedikit untuk menarik publisiti dan political mileage.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ingin saya menyatakan di sini bahawa manusia adalah makhluk pilihan Tuhan, manusia ada akal, manusia ada daya pemikiran, ada ta'akulan, ada sopan-santun dan manusia itu bertimbang-rasa.

Ahli-ahli Dewan Rakyat juga yang terpilih bukan mudah menang dalam pilihan raya, ada banyak yang kalah, yang menang itu juga mungkin hilang kerusi jika tidak berhati-hati apabila bercakap. Jadi, harapan pengundi sebenarnya ialah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memperjuangkan hak dan kepentingan mereka secara demokrasi, secara sopan-santun, secara sederhana, tidak payah kita menjerit di sini, tidak perlu meninggikan suara, tidak perlu kita menggunakan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan orang lain dan juga tidak perlu kita mencaci, mengecam ataupun memburuk-burukkan pihak yang lain. Dalam konteks ini tindak-tanduk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengingatkan saya tentang beberapa ungkapan ayat suci yang bermaksud: '*Sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu semasa berkata, sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara kaldai*' - ini adalah maksud Al-Quran surah Luqman Ayat 19. [*Tepuk*]

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Jubar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua,

saya tertarik dengan ungkapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya ingin mendapat kepastian siapakah pihak yang seolah-olah tidak bersyukur di dalam soal apa yang telah dibuat oleh kerajaan pada hari ini, adakah pihak DAP ataupun pihak PAS dan kalau benar daripada pihak DAP, apakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sepatutnya dalam saat-saat ini dia bersyukur kepada Allah S.W.T supaya taat sembahyang? Sembahyang mengikut agama beliau supaya sekurang-kurangnya 'bala' yang datang kepada beliau itu akan dapat dorongan yang lebih baik daripada Allah S.W.T. Jadi, saya hendak kepastian, adakah DAP ini sentiasa tidak bersyukur? Terima kasih.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang sembahyang ini, di dalam televisyen selalu ada satu seruan yang lebih kurang berbunyi macam ini, iaitu 'perintahlah keluargamu supaya selalu sembahyang'. Saya tidak mahu cakap siapa yang tidak bersyukur, dia maklumlah, kalau dia makan cabai, pasti dia rasa pedasnya. Walau bagaimanapun, tadi saya menarik perhatian kepada ayat-ayat suci itu dengan harapan ini dapat menjadi renungan bersama kita semualah.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Nanti, nanti saya belum lagi start.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak beri jalan.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Nanti dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nanti dahulu ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak mahu beri.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak mahu beri.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Nantilah - nanti.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan takutlah!

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sabar sedikit.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Bagan telah menyebut tentang bilangan premis terkawal serta bilangan keluarga serta bilangan penghuni terbabit dalam kawalan sewa. Angka-angka yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah angka-angka yang lama, sebenarnya yang kurang tepat.

Berdasarkan kepada maklumat rasmi terkini yang terperolehi daripada kerajaan-kerajaan negeri iaitu pada 24hb. April, 1997 jumlah premis terkawal ialah sebanyak 32,852 unit dan jumlah isi rumah ialah 38,419 unit serta jumlah bilangan penghuni yang terbabit ialah seramai 171,787 orang.

Daripada jumlah premis terkawal itu sebanyak 10,602 ataupun kira-kira 32.3% diduduki oleh pemilik sendiri, cuma 22,250 bangunan iaitu lebih kurang 67.7% disewakan kepada tenan. Jumlah penghuni yang menyewa premis kawalan adalah seramai 122,373 orang, jadi, angka yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka seramai sejuta orang itu memang tidak berasas.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa dalam ucapan saya semalam mana saya ada mencaci atau mencerca sesiapa?

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tidak mengeluarkan satu perkataan pun unparliamentary dan Yang Berhormat Menteri pun ada di sini dan saya rasa beliau mengambil kesempatan untuk melepaskan geram kerana dia memang seronok saya sudah berkemungkinan besar hilang kerusi saya selepas saya cuba memperjuangkan keadilan, tetapi ini adalah cause yang saya terima sungguhpun saya mungkin hilang kerusi, tetapi berdasarkan kebenaran dan bukan kerana kewangan dan kebendaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa penjelasan ini?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang dia sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak soalkah ataupun hendak beri penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, tentang penjelasan kepadanya. Adakah beliau sedar bahawa apabila saya kemungkinan kehilangan kerusi, saya tidak menerima sebarang keuntungan, satu sen pun saya tidak untung dan

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa itu bukan cara

Tuan Lim Guan Eng: saya harap beliau boleh merujuk perkara ini supaya ia lebih menjadi panduan kepada beliau dalam perjuangan politiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, dengar!

Ini bukan caranya Yang Berhormat hendak minta penjelasan!

Tuan Lim Guan Eng: Ya! Tuan Yang di-Pertua, tetapi adakah dia sedar tentang jumlah yang beliau sebutkan tadi iaitu keluarga-keluarga yang terjejas, ini yang saya sebutkan dalam ucapan saya yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebagai tidak berasas adalah berdasarkan jumlah atau angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Oleh sebab itu, kalau ini merupakan angka-angka yang tidak berasas, adakah ini bermakna bahawa beliau telah memberikan berita palsu sebelum ini kerana saya ada bukti-bukti di sini di mana beliau menyatakan 60,000 keluarga yang terjejas dan saya tidak pernah sebutkan satu juta orang. Saya sebut 190,000 orang yang ada bukti di sini dan saya harap beliau memberikan kepada Dewan yang mulia ini apakah angka yang sebenarnya.

Kalau ini adalah yang paling baru, berikanlah, tetapi janganlah menyatakan kita memberikan jumlah atau angka yang tidak berasas, kerana ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan Yang Berhormat sendiri. Janganlah putarbelit!

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan bahawa saya tidak rujuk kepada kes beliau dalam mahkamah. Saya cuma mengingatkan dan menyatakan bahawa kalau orang yang tidak berjaga-jaga, berhati-hati, tidak bercakap secara berhati-hati mungkin boleh hilang kerusi, jangan terlalu sensitif.

Yang kedua, tentang angka yang diberikan itu, itu adalah angka yang didasarkan kepada angka

lama. Jadi, saya menyatakan di sini angka yang terkini itu saya telah berikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan, mungkin kalau ada soalan tambahan, saya boleh berikan angka-angka itu menurut pecahan negeri. Tetapi, sebelum itu saya merujuk kepada persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu berhubung dengan masalah perumahan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, Bayan Baru, Bagan, Balik Pulau, Seremban, Bukit Mertajam, Klang, Batu Gajah, Senai, Tanjong dan Kota Melaka, semua ada membangkitkan isu perumahan khasnya rancangan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya diberitahu telah menandatangani memorandum persefahaman dengan seramai 47 pemaju untuk membina 57,099 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada jumlah ini sebanyak 47,066 unit adalah rumah kos rendah dan 10,033 unit merupakan rumah kos sederhana.

Bilangan keluarga yang menduduki premis kawalan sewa menurut Kerajaan Negeri Pulau Pinang jumlahnya ialah 16,116 dan daripada jumlah itu 17.31% merupakan pemilik sendiri yang menduduki bangunan sendiri. Jadi, bukan semua yang memerlukan bantuan daripada kerajaan dan kerajaan yakin sasaran perumahan kos rendah dan sederhana rendah yang dirancang akan dapat menampung keperluan perumahan mereka yang memerlukan bantuan penempatan semula.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, seperti yang telah disentuh oleh Ahli dari Bukit Bendera tadi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang menjalankan suatu bancian untuk mengenal pasti peniaga-peniaga yang memerlukan bantuan untuk ditempatkan semula. Kerajaan akan berusaha menempatkan seberapa banyak peniaga-peniaga yang layak di tempat-tempat yang sesuai dan dalam soal ini keutamaan akan diberikan kepada golongan termiskin. Namun demikian, tiada jaminan bahawa semua akan ditempatkan di tempat asal oleh kerana ini bergantung kepada lokasi perumahan dan premis perniagaan yang akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang prestasi kita dalam perumahan, saya hairan selama ini masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang enggan menerima hakikat bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang paling berjaya dalam perumahan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, daripada sasaran sebanyak 573,000 unit rumah yang dirancang, kita telah membina sebanyak 667,745 unit dan angka ini melebihi pasaran yang kita tetapkan. Daripada jumlah ini sebanyak 260,797 unit adalah rumah kos rendah, sebanyak 288,877 unit adalah rumah kos sederhana. Dalam tempoh daripada tahun 1981 hingga tahun 1995 sejumlah 1,107,601 unit rumah iaitu lebih daripada sejuta unit rumah telah dibina di seluruh negara. Daripada jumlah itu sebanyak 497,127 unit yakni kira-kira setengah juta unit merupakan rumah kos rendah dan sebanyak 457,675 unit merupakan rumah kos sederhana.

Jadi, walaupun kita cuma mencapai 76% sasaran rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keenam, ini masih merupakan suatu kejayaan yang disegani oleh banyak negara lain. Cuma DAP yang bising dan tidak mahu mengakui kejayaan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan! Sebenarnya saya ada beberapa point yang hendak dikemukakan dengan masa yang singkat tetapi saya tidak ada masa untuk berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, di setengah-setengah bahagian adalah satu kejayaan tetapi Yang Berhormat tidak sebutkan projek rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan hanya 36.7% sahaja daripada sasar matlamat. Ini bermakna dalam tempoh lima tahun yang disebutkan tadi hanya kira-kira 64,000 rumah kos rendah yang dibina oleh pihak kerajaan. Bermakna tidak sampai 50%, ini satu kelemahan yang perlu diperbaiki dan Yang Berhormat tidak sebutkan.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil jumlah angka itu iaitu 76%, jadi, walaupun kerajaan, prestasi bagi pihak awam itu tidak begitu memuaskan tetapi secara keseluruhan, ini atas persyarikatan Malaysia, sebenarnya, pencapaian secara keseluruhan itu memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong ada menyebutkan tentang tabung penyesuaian perumahan. Sebenarnya, ini bukanlah perkara yang baru, segala yang perlu dirancang dan dilakukan oleh kerajaan telah pun dirancang dan dilakukan. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak lama dahulu, kerajaan telah menyediakan peruntukan

sebanyak RM2.6 bilion untuk tujuan menyediakan perumahan rakyat dan dua program yang kini sedang berjalan ialah:-

- (i) Program perumahan rakyat iaitu dana RM600 juta sebagai grant kepada kerajaan negeri untuk membina rumah pangsa bagi disewakan kepada rakyat miskin. Di bawah program ataupun dana RM600 juta itu sebanyak 27 projek telah pun diluluskan dan kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Kesemua projek ini membabitkan sebanyak 14,721 unit.
- (ii) Pinjaman RM500 juta bagi mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah oleh pemaju-pemaju swasta. Dalam program ini ada sebanyak 75 projek yang membabitkan sebanyak 25,916 unit.

Jadi, kalau dicampurkan kedua-dua program ini, jumlah unit rumah yang akan dan sedang dilaksanakan adalah sebanyak 40,637 unit dan ini sanggup menampung keperluan kira-kira 40,000 isi rumah.

Jadi, pendek kata kita mempunyai projek perumahan yang mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. Janganlah kita kisah sangat sama ada projek perumahan itu dijayakan oleh pihak swasta ataupun pihak awam, yang penting saya kira adalah kita menyediakan bekalan yang mencukupi. Seperti yang saya katakan tadi, berdasarkan kepada konsep Persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah pampasan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Bayan Baru, Tanjong, Kota Melaka, ingin saya menyatakan di sini bahawa kerajaan perlu berlaku adil kepada semua pihak iaitu pihak pemilik, penyewa premis kawalan sewa. Jadi, kerajaan membuat keputusan tidak memberikan pampasan kerana selama ini tenan telah menerima sewa terkawal yang amat rendah.

Dan yang kedua, kerajaan berpendapat pembayaran pampasan tidak merupakan pilihan yang terbaik untuk memelihara kepentingan pihak penyewa. Sekiranya pemilik diwajibkan untuk membayar pampasan, penyewa akan dikehendaki mengosongkan premis yang mereka duduki dalam masa yang singkat. Ini sudah tentu membebaskan penyewa jika mereka tidak dapat mencari premis alternatif dalam masa yang singkat.

Selain daripada itu, kadar pampasan jika dibayar akan diasaskan kepada sewa berpatutan yang rendah, yang tidak akan memanfaatkan penyewa

berkenaan. Oleh itu, kerajaan menetapkan suatu tempoh peralihan dan formula kenaikan sewa dalam tempoh itu. Ini difikirkan dapat menjamin kepentingan para penyewa dan adil kepada kedua-dua pihak iaitu pihak pemilik dan penyewa.

Soal mungkir janji seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak timbul di sini. Janganlah cepat menuduh orang lain berdasarkan kepada laporan akhbar, lebih baik tungguhlah penjelasan dahulu. Pada peringkat awal kerajaan memang ada memikirkan pampasan kepada tenan, bukan janji. Tetapi setelah meneliti semua aspek yang berkaitan, kerajaan mendapati pembayaran pampasan bukanlah pilihan yang terbaik untuk penyewa seperti saya tegaskan tadi.

Berkaitan dengan masalah yang mungkin dihadapi.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kenyataan yang dibuat ini bukanlah satu cadangan, tetapi merupakan satu kepastian di mana beliau telah menyatakan dengan begitu jelas sekali dan disiarkan di semua surat khabar dan saya ada satu salinan daripada *Berita Harian* bertarikh 5hb. Disember di mana beliau menyatakan, ini kenyataan beliau sendiri, 'pampasan bagi 70,000 penyewa premis lama akan dibayar dengan pampasan maksimum dua tahun sewaan jika pemilik berhasrat mengambil balik harta tersebut'. Ini juga pada masa itu termasuk juga tempoh peralihan.

Di sini saya tidak nampak macam mana kalau apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tidak benar, beliau sepatutnya pada masa itu menyangkalnya, bukan tunggu 5 bulan kemudian baru menyatakan itu tidak benar, kerana kalau begitu, ini bermakna bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengelirukan dan telah memberikan berita yang palsu kepada semua surat khabar kerana ini dinyatakan oleh beliau sebagai arahan Kabinet tetapi nampaknya sekarang pula arahan Kabinet berlainan. Apa sudah jadi ini? Di mana kredibiliti dan kewibawaan bukan sahaja Yang Berhormat Menteri tetapi Kabinet kalau 5 bulan boleh buat pendirian yang berlainan.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu diingatkan dalam soal ini. Masa itu kerajaan membuat cadangan untuk

memberi pampasan, tetapi selepas itu dalam satu mesyuarat yang lain telah membuat keputusan setelah meneliti pelbagai aspek. Jadi, itulah keadaan sebenar. Bukan seperti ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat yang cuba mengelirukan rakyat jelata, tidak, kerajaan tidak. Masa itu memang satu cadangan pada ketika itu, tetapi selepas itu membuat pengubahsuaian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kepentingan.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah benar bahawa oleh kerana perkara pemansuhan Akta Kawalan Sewa adalah dikaji beberapa kali, bukan pada bulan Disember, tahun lalu sahaja termasuk dalam tahun 1991 semasa Yang Berhormat sudah memegang jawatan sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga dalam tahun 1980-an. Bukankah benar bahawa dalam semua masa ini di mana isu pemansuhan kawalan sewa ada ditimbang dan dikaji oleh pihak kementerian Yang Berhormat Menteri bahawa satu ciri tetap ialah bahawa akan ada pampasan.

Masalahnya ialah bila mahu menguatkuasakan pemansuhan sahaja tetapi satu ciri daripada pemansuhan ialah ada pampasan sama ada dalam tahun 1980-an atau tahun 1991 sehingga bulan Disember? Tetapi kenapa cadangan ini ciri utama dalam mekanisme untuk memansuh rent control yang diterima oleh kerajaan sebagai satu integral part of any rent decontrol process digugurkan tiba-tiba. Sampai bulan Disember ialah dianggap sebagai integral part tetapi tiba-tiba digugurkan. Sampai bulan Disember untuk 10 tahun dianggap sebagai satu option yang terbaik tetapi sekarang dianggap sebagai bukan satu option, satu pilihan yang terbaik. Bolehkah kita dapat sebab apa yang membawa satu key change dalam sikap kerajaan dalam perkara ini?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa dalam cadangan yang awal sebenarnya kerajaan membuat keputusan untuk memansuhkan akta ini seawal-awalnya pada tahun 1985, kemudian hingga tahun 1991 mengkaji semula keputusan itu dan membuat keputusan lagi untuk meneruskan keputusan yang awal itu. Memang dalam keputusan itu, salah satu option yang dicadangkan ialah untuk memberikan pampasan, bukan option yang terbaik tetapi salah satu option. Kemudian, dalam tahun 1995, 1996 dan 1997 banyak kali Kabinet dan juga MNKT iaitu mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan juga mesyuarat Ketua-Ketua Menteri dan Menteri Besar bermesyuarat berdasarkan kepada maklum

balas yang diterima, maka kerajaan membuat keputusan untuk tidak memberikan pampasan dengan alasan bahawa sistem yang ada, yang dicadangkan, iaitu formula yang dicadangkan oleh akta baru ini adalah lebih baik, lebih memberikan perlindungan kepada para penyewa dan juga pada masa yang sama adil kepada pihak pemilik.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Terima kasih atas jawapan itu. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada confirmed apa yang saya kata, belum beri sebab-sebab selain daripada kata-kata inilah satu pilihan yang lebih baik, satu formula yang lebih baik. Bukankah ini boleh dipertikaikan oleh kerana sehingga bulan Disember atau sehingga sekarang apa yang dianggap oleh kerajaan sendiri sebagai sebahagian integral dalam proses pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Yang pertama, ada pampasan. Kedua, sekurang-kurangnya 5 tahun - dua integral part, sehingga sekarang. Itu dua bahagian yang integral dianggap oleh pentadbir, dianggap oleh kerajaan, planner, apa yang adil. Pampasan 5 tahun transition period. Sekarang tidak ada pampasan, 5 tahun transition period dikurangkan kepada 27 bulan. Bukankah ini satu formula yang lebih tidak adil? Mana lebih adil - tidak ada pampasan, transition period dipendekkan dari 5 tahun ke-27 bulan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi contoh-contoh untuk memperkuat hujah-hujah bahawa formula ini lebih baik, lebih adil?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Transitional period itu dicadangkan lebih awal, sudah lama, jadi kini masa telah berubah, sudah banyak notis diberikan, jadi saya akan sentuh tentang transitional period nanti.

Tentang pampasan ini, sebenarnya mudah sahaja kita kira kalau kita berdasarkan kepada formula yang diberikan di lampiran. Dalam bahasa Inggeris pada muka surat 9, Tahun I, Tahun II dan Tahun III. Jadi, kalau kita berdasarkan kepada formula ini, seseorang itu tidak perlu mengosongkan premis itu. Jadi, jumlah sewa yang perlu dibayar oleh seseorang itu:

Year I - $RM75 \times 4 = RM \ 300$

Year II - $RM100 \times 12 = RM1,200$

Year III - $RM125 \times 12 = RM1,750$

Jumlah = RM3,250

Ini jumlah sewa yang perlu dibayar dalam tempoh 2 tahun 4 bulan.

Tetapi kalaulah tenan itu, mengikut formula pampasan, kalau ada pampasan diberikan iaitu

pampasan yang dicadangkan pada ketika itu ialah 2 tahun, kalau 2 tahun iaitu berkuatkuasa 1hb September 1997, dia perlu mengosongkan premis itu dan keluar, jadi dia perlu mencari alternative housing berdasarkan kepada harga pasaran itu. Harga pasaran itu lebih tinggi daripada taksiran. Tentu sekali lebih daripada RM120 tiap-tiap bulan, mungkin RM200. Kalau katakanlah RM200 satu bilik, RM200 untuk tahun yang pertama ertinya RM800, tahun yang kedua RM2,400 dan tahun yang ketiga juga RM2,400 (12 months x RM200). Ini menjadi RM5,600 berbanding dengan RM3,250 kalau dia tidak dikehendaki keluar daripada premis yang disewakan itu. Jadi, ini menunjukkan bahawa formula ini sebenarnya memberi perlindungan kepada pihak tenan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Saya ingat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, mengenai perhitungan itu.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Okay.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai perhitungan itu, bukankah ini semua matematik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri salah. Mungkin Yang Berhormat Menteri bukan pakar dalam matematik. Bukankah benar bahawa dalam formula lama di mana ada peruntukan 5 tahun untuk transitional period, bererti selepas 5 tahun barulah seorang penghuni penyewa dipaksa untuk keluar dari rumah mereka dan kita perlu ambil kira 5 tahun, bukan sahaja 27 bulan dan apa kedudukan mereka selepas 5 tahun?

Ini kita tahu ada dalam Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada bulan Jun, 1995. Semua itu ada dalam rang undang-undang sungguhpun akhirnya rang undang-undang itu tidak dikemukakan untuk bacaan pertama tetapi semua ahli Parlimen ada satu salinan oleh kerana bil itu ada ditable dalam Dewan ini. Bererti 5 tahun barulah mereka perlu keluar. Sekarang oleh kerana ada 27 bulan, sungguhpun ada fair rent, tidak boleh dibanding bersama. Sebab itu saya kata matematik itu 'all wrong'.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa maklumat Ahli Yang Berhormat juga silap kerana apa yang diluluskan oleh Jemaah Menteri itu ialah memberikan pampasan selama dua tahun sahaja, bukan lima tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Selepas lima tahun, pampasan dua tahun, bukan? Selepas lima tahun?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tidak, tidak. Tidak ada lima tahun, cuma dengan berkuatkuasa serta-merta dengan memberikan dua tahun pampasan serta-merta, itu keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri, pada satu ketika tetapi kemudian ada pengubahsuaian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kepentingan subtenan sama ada kepentingan mereka akan terpelihara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Batu Gajah, Bukit Mertajam dan juga Kota Melaka, kerajaan yakin kepentingan subtenan tidak akan terjejas, malah akan dilindungi dalam tempoh peralihan. Sebaik sahaja Akta Kawalan Sewa dimansuhkan semua perjanjian sewaan antara tenan utama dan subtenan akan tamat dan subtenan tidak perlu lagi membayar sewa kepada tenan utama. Dalam tempoh peralihan, semua subtenan yang sebenarnya menduduki premis kawalan sewa akan dianggap telah membuat perjanjian sewaan yang baru secara langsung dengan pemilik premis, jadi tidak ada lagi chief tenant. Sewa yang perlu dibayar oleh subtenan adalah lebih munasabah jika dibandingkan dengan sewa dikenakan oleh tenan utama.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Saya habiskan ini dahulu. Pada keseluruhannya subtenan bukan sahaja dibenarkan terus menduduki premis kawalan sewa selama 28 bulan tetapi juga akan menikmati satu kadar sewa yang lebih rendah berbanding dengan sewa yang dikenakan oleh tenan utama.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma yang saya bimbangkan ialah pampasan dalam tempoh dua tahun ini, adakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan bahawa semua pampasan, semua masalah yang timbul akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya? Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Januari ini, saya ada meneliti kenyataan Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang meminta tempoh peralihan lima tahun dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dia tidak setuju dengan Ketua Menteri, dia tidak bersetuju. Dia memperkecil-kecilkan lima tahun tetapi walhal, Ketua Menteri Pulau Pinang mencadangkan lima tahun tempoh peralihan. Bagi pendapat kamilah, kita setuju dengan dia atas tempoh lima tahun ini. Bukan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera

sahaja tidak setuju dengan ketua dia, itu masalah sekarang ini.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini ada dicadangkan supaya ditubuhkan satu De-control Tribunal ataupun Tribunal Penyahkawalan. Apa-apa pertikaian sewa yang mungkin timbul itu bolehlah dirujuk kepada De-control Tribunal ini untuk diselesaikan. Jadi, saya tidak nampak ada apa-apa masalah kerana tempoh peralihan itu 28 bulan sahaja. Kemudian, tentang tempoh peralihan itu memang ada cadangan, mula-mula saya katakan tadi tempoh peralihan itu ialah lima tahun tetapi setelah diteliti pelbagai aspek dan setelah berunding dengan semua kerajaan negeri dan hasilnya semua bersetuju termasuk Pulau Pinang bersetuju dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan supaya tempoh peralihan itu ditetapkan lebih kurang tiga tahun iaitu dua tahun empat bulan tetapi kalau dicampur dengan first reading, tarikh bacaan pertama dan dengan tempoh notis tiga bulan - kalau dicampurkan semua lebih kurang tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini masih berkaitan dengan tempoh peralihan. Ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Kota Melaka dan Tanjong semuanya ada membangkitkan isu ini. Mengapa bukan tempoh lima tahun untuk memansuhkan akta ini? Kerajaan dalam mempertimbangkan suatu tempoh yang sesuai, kerajaan juga perlu berlaku adil kepada semua pihak yang terbabit, bukan sahaja penyewa tetapi pemilik dan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat telah menyatakan hasrat untuk memansuh akta ini seawal-awalnya pada tahun 1985. Semua pihak termasuk kerajaan negeri dan juga pihak penyewa menyedari hakikat tersebut, jadi dengan kata-kata lain notis yang lebih daripada mencukupi telah diberi kepada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang iaitu berkaitan dengan soal pembangunan. Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Machang memang benar. Sepatutnya pemilik diberi peluang untuk mengambil balik tanah untuk dimajukan tetapi dalam cadangan rang undang-undang ini pemilik tidak dibenarkan mengambil balik tanah untuk tujuan pembangunan. Kerajaan berpendapat pihak tenan patut juga diberi masa yang mencukupi untuk mencari kediaman alternatif, oleh itu pemilik dikehendaki bersabar sedikit memandangkan tempoh peralihan yang dicadangkan itu bukan terlalu panjang. Tambahan pula, proses untuk mengambil balik bangunan ataupun tanah untuk dimajukan di bawah akta lama itu juga mengambil masa yang panjang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Bukit Mertajam juga membangkitkan soalan sama ada dalam tempoh peralihan, bolehkah pemilik premis mengambil alih premis untuk tujuan pembangunan? Sebenarnya dalam tempoh peralihan, pemilik premis hanya dibenarkan mengambil balik premis semasa tempoh peralihan atas sebab penyewa tidak membayar sewa ataupun pembayaran sewanya tertunggak dan tidak boleh mengambil alih premis untuk tujuan pembangunan, seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di Wilayah Persekutuan, DBKL ingin mencadangkan untuk mencantikkan bangunan-bangunan lama di ibu kota sebelum SUKOM '98 tetapi kos ini bukannya rendah - lebih kurang RM20,000 untuk menukar 'roof' baru dan berwarna dan dalam Rang Undang-undang Kawalan Sewa ini haruslah menerangkan dengan lebih jelas siapakah yang bertanggungjawab untuk membayar kos keindahan bangunan yang terlibat selepas akta ini dikuatkuasakan. Sekian.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, penjagaan bangunan itu adalah tanggungjawab pemilik bangunan itu sendiri termasuk pengindahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bangunan lama yang menjadi perangkap kebakaran ataupun 'fire hazard' seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, urban slum juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Ingin saya menyatakan di sini bahawa menurut Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 8 -

"Ketua Pengarah Bomba, jika berpuas hati adanya apa-apa bahaya kebakaran di dalam mana-mana premis, boleh menyampaikan notis kepada pemilik premis; mengarahkannya menghapuskan bahaya kebakaran itu dalam satu tempoh yang ditetapkan"

dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 seksyen 83 iaitu:

"Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa menjalankan penyiasatan dan menyampaikan notis kepada pemilik premis membaiki kecacatan-kecacatan bangunan atau meruntuhkan bangunan itu dalam satu tempoh yang ditetapkan. Sekiranya bangunan berkenaan tidak diduduki oleh tenan dan menjadi kacau mengganggu kepada orang awam, maka

pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan notis mengehendaki pemilik premis menjamin keselamatan dan menutup bangunan itu"

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan juga Bukit Mertajam menanyakan mengapa tidak digubal satu akta baru iaitu Akta Tenansi. Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Tenansi ialah untuk memberi perlindungan kepada para penyewa. Pada peringkat ini kerajaan yakin mekanisme yang ada sekarang iaitu sewa ditentukan secara pasaran adalah sesuai, mencukupi dan adil. Segala aspek tenansi seperti kadar sewa, tempoh sewaan, mendapat kembali pemilikan premis dan pampasan boleh dimuatkan di dalam perjanjian sewaan yang dibuat antara pemilik dan penyewa seperti yang diamalkan sekarang bagi bangunan-bangunan yang tidak dikawal sewa. Jadi, kerajaan berpendapat tidak perlu digubal satu Akta Tenansi yang baru.

Ini berkaitan dengan bangunan-bangunan warisan ataupun bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Tanjong. Ini telah saya jelaskan di dalam pembentangan saya semalam iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa ada menyediakan satu peruntukan untuk melindungi bangunan-bangunan warisan. Bangunan-bangunan kawalan sewa yang mempunyai nilai warisan sejarah akan dipelihara tetapi secara selektif. Pembangunan, jika dibenarkan dalam keadaan tertentu akan mengambil kira aspek pemeliharaan.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengadakan satu Akta Warisan untuk memelihara semua rumah warisan ini kerana undang-undang yang terdapat sekarang adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan maksud ini?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Ya, terima kasih. Memang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu betul. Undang-undang yang ada sekarang masih tidak mencukupi dan kerajaan sebenarnya sedang dalam proses untuk menggubal satu undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Warisan ataupun Heritage Law sedang digubal oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan soalan mengapa kita mengambil jangka masa yang begitu lama untuk

memansuhkan Akta Kawalan Sewa. Mengapa kita mengambil kira-kira 20 tahun untuk memansuhkan akta ini. Akta Kawalan Sewa 1966 dimansuhkan kerana ia adalah discriminatory terhadap segolongan pemilik premis dan menimbulkan kesan-kesan negatif ke atas pemilikan tenan. Tempoh masa yang lama diambil untuk memansuhkan akta ini adalah kerana sebab-sebab peri kemanusiaan khususnya kerajaan berhasrat untuk mengelakkan kesan negatif kepada tenan.

Berkaitan dengan jaminan bahawa semua penyewa premis kawalan sewa ditempatkan semula seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Bayan Baru. Pada dasarnya penyewa-penyewa perlu mencari sendiri kediaman atau premis alternatif apabila tamatnya tempoh peralihan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan berusaha menempatkan mereka yang miskin di rumah-rumah kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan semua penghuni premis kawalan sewa bertaraf miskin. Oleh itu, adalah wajar hanya mereka yang benar-benar memerlukan bantuan akan diberi pertimbangan penempatan semula oleh pihak kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Bukit Mertajam juga membangkitkan soalan tentang nasib peniaga-peniaga yang dikehendaki mengosongkan premis kawalan sewa di akhir tempoh peralihan. Seperti penyewa-penyewa yang lain, peniaga-peniaga yang menyewa premis kawalan sewa diberi tempoh dua tahun tujuh bulan untuk mencari premis alternatif. Sebagai pertimbangan perikemanusiaan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan berusaha sedaya-upaya untuk menempatkan semula peniaga-peniaga yang layak di ruang gerai atau pusat penjaja yang sedia ada atau yang akan dibina oleh kerajaan negeri ataupun oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah juga membangkitkan soal Tribunal Sewa.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dr. Ting Chew Peh: Saya habis ini dahulu. Soal sama ada De-control Tribunal boleh menyelesaikan semua kes yang dibawa kepadanya dalam tempoh peralihan. Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan De-control Tribunal jika perlu untuk menyelesaikan kes-kes yang akan dibawa kepadanya dalam tempoh peralihan. Kerajaan yakin De-control Tribunal akan

berusaha sedaya-upaya untuk menyelesaikan semua kes yang dibawa kepadanya kerana tempoh peralihan adalah tempoh masa yang singkat.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Dr. Ting Chew Peh: Ini tentang apa, tentang tribunal?

Tuan Lim Guan Eng: Perumahan.

Dr. Ting Chew Peh: Nanti, saya habiskan ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Klang juga mengemukakan satu soalan tentang tenan yang tua dan tidak lagi mampu untuk menyewa di tempat lain supaya mereka diberi bantuan ditempatkan di Rumah Orang Tua. Kerajaan bersetuju mereka yang perlu ditempatkan di Rumah Orang Tua diberi pertimbangan yang sewajarnya. Ini adalah sejajar dengan dasar mewujudkan masyarakat penyayang Kerajaan Malaysia. Maka apabila akta ini dimansuhkan nanti, mereka yang memerlukan bantuan bolehlah meminta bantuan dari Jabatan Kebajikan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan ada rancangan menempatkan semula perniagaan-perniagaan di kawasan bandar di tempat-tempat yang sedia ada dan juga di mana-mana kerajaan negeri bercadang untuk membinanya. Di sini saya ingin bertanya, macam mana kita boleh memberikan perumahan ataupun tapak perniagaan alternatif kalau kerajaan tidak ada sebarang rancangan sekarang, kerana saya rasa dalam masa dua tahun ini, kalau tidak ada rancangan, macam mana ia boleh disiapkan sebelum tahun 2000? Selagi pihak kerajaan tidak mahu menubuhkan satu Tabung Perumahan Penyesuaian Khas untuk si penyewa atau pihak yang terjejas, saya rasa tabung yang sedia memang tidak cukup untuk menampung keperluan mereka. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita menubuhkan tabung khas hanya untuk sipenyewa ini supaya mereka boleh terus tinggal di kawasan bandar dan tidak dihalau keluar ke kawasan luar bandar?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali bukan semua penyewa perlukan bantuan. Yang kedua, bukan bererti bahawa setelah akta ini dimansuhkan, semua penyewa itu perlu mengosongkan premis mereka. Ada tempoh yang diberikan, ada yang mungkin akan meneruskan penyewaan di bangunan yang lama itu. Di samping itu, tabung yang sedia ada itu pada pandangan kerajaan sudah memadai untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka merujuk kepada kononnya lima resolusi rakyat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan tiga prinsip serta lima langkah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang walaupun kebanyakan perkara yang mereka sentuh telah saya jelaskan tadi. Saya cukup tertarik kerana kedua-dua Yang Berhormat tidak berubah tabiat selama ini. Mereka tetap mahu mengambil kesempatan untuk menyindir dan mengecam orang lain demi mendapat publisiti. Mereka tetap melemparkan tuduhan yang bukan-bukan atas kerajaan. Tepatlah kata peribahasa Melayu, "Rebung tidak jauh dari rumpun dan sukar untuk meluruskan ekor anjing".

Tuan Yang di-Pertua, resolusi, prinsip dan langkah sekali imbas cukup meyakinkan. Tetapi lima resolusi yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bukanlah resolusi rakyat seperti yang didakwa. Itu resolusi DAP, itu publisiti DAP. Kira-kira saya diberitahu 500 orang hampir semua penyokong DAP yang membuat resolusi itu. Macam mana boleh dianggap sebagai resolusi rakyat. Yang Berhormat dari Tanjong menyebut tentang 'public consultation' dan menuduh kerajaan tidak membuat persediaan dalam tempoh 20 tahun ini. Ini tidak adil. Apa yang penting bagi kerajaan ialah kerajaan dapat menampung keperluan perumahan orang yang benar-benar perlu ditempatkan semula. Dalam hubungan ini, kerajaan tidak percaya kesemua penyewa atau penghuni dikehendaki mengosongkan tempat yang mereka sewa. Kerajaan yakin rancangan-rancangan perumahan yang sedang dilaksanakan akan dapat memenuhi keperluan golongan yang terlibat.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dr. Ting Chew Peh: Saya hendak habiskan ini. Berhubung dengan 'public consultation', pendekatan Kerajaan Barisan Nasional adalah pendekatan tersendiri, iaitu melalui wakil rakyat, melalui penghulu, ketua-ketua kampung dan mesyuarat di pelbagai peringkat termasuk mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah, mesyuarat MMKG, mesyuarat menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri. Pendekatan atau saluran seperti ini didapati lebih efektif berbanding dengan pendekatan DAP. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 -

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya cadang pindaan seksyen 5(1) rang undang-undang untuk menggantikan "1hb. September, 1997 dan 31hb. Disember, 1999" dengan "1hb. Mac, 1998 dan 28hb. Februari, 2003 masing-masing." Inilah antara langkah dalam apa Yang Berhormat Menteri ada sebut cadangan kita, satu charter untuk penyewa-penyewa dalam semua premis pre-war yang akan terlibat dalam proses pemansuhan ini, satu charter tiga prinsip dengan lima langkah, dan satu langkah ialah bahawa tempoh tansisi ialah lima tahun dan bukan tiga tahun.

Tadi, Yang Berhormat Menteri ada cuba untuk menerangkan kenapa kerajaan sudah tukar fikiran daripada masa dahulu apabila kerajaan bercadang bahawa apabila Akta Kawalan Sewa dimansuhkan, ciri-ciri integral alarm mechanism ini ialah antara lain, (i) satu tempoh lima tahun, dan (ii) satu ganti rugi, pampasan dibayar kepada semua penyewa yang perlu dikosongkan, mengeluarkan daripada premis-premis mereka yang mungkin mereka sudah duduki 10, 20, 30 atau 40 tahun. Tidak boleh dapat satu penjelasan selain daripada kata formula-formula lebih baik. Mana lebih baik? Mungkin sebab itu Yang Berhormat Menteri menyalahgunakan peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk buat sindir-sindiran oleh kerana tidak boleh memberi alasan yang baik. Mungkin sebab itu dalam perbahasan semalam dan hari ini kita dengar nampaknya ucapan-ucapan ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional khasnya MCA dan Gerakan begitu takut sehingga peringkat histeria akan dieksploitasikan oleh DAP di negeri Pulau Pinang - Tanjong mahu jatuhkan Kerajaan negeri Pulau Pinang minta Kerusi, beri masa cukup untuk bahas. Kalau tidak habis MCA, kalau tidak habis Gerakan, begitu takut. Saya mahu menasihatkan jangan takut DAP....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takut DAP.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: DAP sudah habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mertajam bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, sabar!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, lima tahun. Saya akan datang untuk lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan lupa sekarang ini bukan dalam perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Dalam lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nantilah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sekarang ini tengah mencadangkan pindaan, faham?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya cadangkan lima tahun, dan kenapa saya cadang lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Belum buka untuk perbahasan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Belum buka perbahasan, tetapi saya cadang saya bahas. Orang lain bahas kemudian. Fahamkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi diingatkan biasanya Yang Berhormat, kalau mencadangkan suatu, saya tidak akan izinkan mana-mana ahli yang lain untuk minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak minta mereka meminta laluan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam mahu minta laluan, itu hal Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak. Sekarang ini Yang Berhormat mencadangkan...

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mencadangkan dan saya bahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukan membahaskan. Nanti dahulu, ini akan dibuka.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti buka, belum buka, saya bahas dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat diingatkan apa yang dibahaskan ataupun hendak dicadangkan itu kenal....

Tuan Lim Kit Siang: Kena, kena lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:bersabit dengan...

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada orang yang takut lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan hysterical.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada hysterical, Kerusi jangan hysterical.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ketua samseng!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib. Yang Berhormat, balik kepada pencadangan, dan bukannya kalau hendak buat ulasan itu, nanti ada peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu, sekarang teruskan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang:....dan saya harap janganlah takut DAP. Apa yang perlu takut ialah ketidakadilan yang akan ditimpa kepada penyewa-penyewa dalam premis-premis pre-war, takut itu, jangan takut DAP, takut bahawa ketidakadilan yang akan berlaku kepada penyewa-penyewa, oleh kerana satu proses pemansuhan rent control yang begitu tidak adil oleh kerana tidak mengambilkira masalah unsur-unsur sosio-politik penyewa-penyewa yang miskin, yang susah-payah - takut itu, jangan takut DAP.

Kita tidak cakap di sini, bukan kita takut. Kita dengar ucapan ahli-ahli Barisan Nasional, MCA, Gerakan oh! Mampuslah! Habislah DAP akan

jatuhkan kerajaan di negeri Pulau Pinang di masa depan bukan? Ini saya dengar. Ini saya dengar, tetapi itu tidak mustahak. Dalam perkara ini hal parti tidak patut menjadi satu isu. Apa yang mustahak ialah 'adil', jangan fikir mengenai MCA di masa depan macam mana, Gerakan di masa depan macam mana. Apa yang perlu kita fikir ialah masa depan penyewa-penyewa dalam premis-premis pre-war bagaimana - itulah masalah. Oleh sebab itu saya mencadangkan bahawa tempoh transisi ini ialah lima tahun bukan tiga tahun, oleh kerana:

Yang pertama, ini sudah diterima oleh kerajaan begitu lama - 10 tahun, 20 tahun sebagai integral fundamental element - integral fundamental element dalam 'repeal process' untuk Akta Kawalan Sewa dan itu patut diteruskan khasnya apabila dalam masa ini unsur-unsur atau elemen-elemen yang lain dalam package de-control, sudah lebih tidak beruntung kepada penyewa-penyewa apabila dibandingkan dengan pakej asal yang ada difikirkan wajar dan berpatutan oleh Kerajaan Barisan Nasional, semacam pampasan.

Dahulu kerajaan kata 'perlu pampasan' sekarang tarik balik. Kenapa sampai sekarang kita tidak dapat penjelasan yang memuaskan sesiapa khasnya penyewa-penyewa, kenapa pakej ini ialah lebih tidak beruntung apabila dibanding dengan pakej yang lain? Adakah ini kerana dalam pilihan raya besar 1995, Kerajaan Barisan Nasional dapat majoriti yang begitu besar 'land slide victories', tetapi sekarang tidak hiraukan kesusahan penyewa-penyewa, sebelum pilihan raya besar 1995 iaitu mereka takut, bimbang, sangat berjaga-jaga, sekarang tidak payahlah, begitu kuat dalam Dewan yang mulia ini, 9:10 majoriti, boleh buat apa yang dimahukan. Adakah ini satu sikap arrogant of power, oleh kerana sampai sekarang kita tidak boleh mendapat sebab kenapa kedua-dua unsur ini ditukarkan, lima tahun dan pampasan?

Semalam saya ada bertanya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa adakah benar apa yang dicakapkan oleh pemimpin-pemimpin dalam negeri Pulau Pinang, khasnya parti Gerakan yang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa untuk negeri Pulau Pinang mereka sudah dapat khas tempoh lima tahun. Adakah 'benar', kalau 'tidak benar' cakap 'tidak benar'? Kalau 'benar' confirm kenapa Yang Berhormat Menteri tidak berani untuk memberi satu jawapan mengenai perkara ini, oleh kerana kita mahu tahu sama benar bahawa negeri Pulau Pinang sudah mendapat lima tahun seperti yang dikatakan oleh

seorang pemimpin parti Gerakan di negeri Pulau Pinang. Kalau 'tidak benar' cakap, 'kalau benar' kita mahu tahu dan 'kalau benar' kita puji Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita puji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh kerana itu adalah apa yang baik, kita rela puji, kita tunggu puji sahaja.

Kita harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan mengenai perkara itu supaya apa-apa keadaan let's us know the truth, 'yes' or 'no'. Dengan itu, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

5.05 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan saya harap bahawa Yang Berhormat dari parti Gerakan bolehlah menyokong cadangan ini kerana cadangan ini telah pun dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri pernah menyatakan cadangan bahawa Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) dilaksanakan selepas lima tahun atau dimansuhkan selepas lima tahun dan ini adalah kenyataan keratan akhbar yang dikeluarkan *The New Straits Times* bertarikh 4 Januari 1997. Di sini, Tuan Pengerusi, saya perhatikan bahawa banyak pemimpin Barisan Nasional main politik 'talam dua muka' 'double face politics', dengan izin, kerana apa yang mereka suarakan di luar adalah berlainan sekali dengan pendirian mereka dalam Dewan yang mulia ini. Di luar Yang Berhormat Menteri pun ada banyak kali menyatakan sesuatu, 'dua tahun pampasan', tetapi apabila datang ke Dewan tinggal kosong.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang membuat kenyataan akhbar di luar, menyatakan 'mesti ada lima tahun', tetapi apabila Ketua Pembangkang mencadangkan perkara ini, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dari Gerakan kecut, tidak ada yang berani langsung menyokong cadangan yang dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Apakah yang terjadi kepada prinsip politik, 'cakap tidak serupa bikin', tidak apa tetapi main politik 'talam dua muka'. Saya rasa ini jelas menunjukkan bahawa parti Gerakan tidak berprinsip langsung. Kalau cakap sesuatu di luar mesti tunaikan di dalam, jangan ada sistem seperti ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan, ini cakap dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini spesifik

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak....

Tuan Lim Guan Eng: ... kerana apa yang dinyatakan...

Seorang Ahli: Out of topic.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh bahaskan.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: apa yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi politik kepartian itu tetap dikira sebagai cakap dasar Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itu bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah kenyataan yang dibuat spesifik....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Saya merujuk kepada kenyataan spesifik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, kenyataan iaitu bukan mengenai dasar, tetapi spesifik bahawa dilanjutkan kepada lima tahun.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi takkanlah Yang Berhormat boleh dapatkan ungkapan ataupun statement yang dibuat oleh Ketua Menteri itu dalam pindaan ataupun cadangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan. Tetapi ini merujuk kepada kenyataan yang dibuatnya dalam surat khabar.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Yang dibuat secara umum kepada semua media massa.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat balik kepada cadangan pindaan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, oleh sebab itu saya harap kalau perkara ini lima tahun yang dicadangkan sebagai tempoh peralihan dilanjutkan, ia harus

disokong bukan sahaja oleh parti Pembangkang, tetapi juga pada masa yang sama oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya daripada Gerakan memandangkan apa yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, kalau tidak saya rasa tidak berprinsip dan bermoral langsung.

Saya harap juga bahawa pihak kerajaan mesti sedar tentang implikasi dan kesan-kesan buruk yang akan timbul kalau tempoh peralihan ini tidak menjadi cushion seperti yang dijanjikan. Tetapi kalau ini tidak diberikan perhatian yang penuh akan menjadi dengan izin, satu delusion. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Machang.

5.08 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya tempoh peralihan ditambah kepada lima tahun, manakala peruntukan asal ialah dua tahun tiga bulan.

Sebenarnya pada pandangan saya sama ada ianya lima tahun atau tiga tahun ialah bergantung kepada keyakinan kerajaan Barisan Nasional, sejauh mana mereka dapat mengatasi masalah-masalah yang akan timbul akibat daripada pemansuhan akta ini. Kalaupun kerajaan berkeyakinan dengan rancangan-rancangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera seperti yang telah disusun oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencari alternative accommodation kepada mereka ini, saya rasa soal dua tahun tiga bulan pada saya adalah terlalu lama. Itu soalnya Tuan Pengerusi. [Tepuk] Soalnya ialah sama ada kemampuan kerajaan-kerajaan negeri dan saya percaya kecuali negeri Kelantan, kerajaan-kerajaan lain yang terlibat dengan pemansuhan akta ini, kerana Kelantan pun ada terlibat juga Tuan Pengerusi.

Begitu juga Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Melaka semua kerajaan negeri ini dipimpin oleh Barisan Nasional dan kita telah melihat rancangan teliti yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagaimana hendak menangani masalah penyewa yang akan terkena secara langsung akibat akta ini. Kalau kerajaan memikirkan tempoh dua tahun tiga bulan suatu tempoh peralihan yang cukup memberi ruang kepada kerajaan untuk menangani masalah itu, maka dua tahun tiga bulan adalah suatu tempoh yang sesuai.

Saya tidak fikir bahawa Pembangkang boleh menentukan tempoh ini. Kalau dilanjutkan lima tahun sekali pun. Tadi, Yang Berhormat dari Tanjong

mengatakan bahawa kalau kerajaan boleh tunggu 20-30 tahun hujah yang sama boleh digunakan bahawa kerajaan dan tuan tanah telah terseksa selama 30 tahun - 30 tahun takkanlah hendak menyeksa mereka selama lima tahun lagi.

Saya telah katakan dalam perbahasan saya petang kelmarin, bahawa inilah satu rang undang-undang lapuk yang ada dalam negara ini, tidak boleh diterima oleh akal. Dalam dunia moden sekarang hak common law tuan tanah diambil dan tenan diberi perlindungan pembelaan di sisi undang-undang.

Sebenarnya tempoh 30 tahun lebih adalah satu tempoh yang lama dan kalau dibiarkan tempoh peralihan selama lima tahun dengan cadangan akta ini bermakna tempoh lima tahun lagi Tuan Pengerusi, tidak ada pembangunan akan berlangsung kepada pre-war building itu. Tempoh lima tahun dalam arus pembangunan negara yang berjalan pesat adalah suatu tempoh yang panjang, sebab itu semasa membahaskan rang undang-undang ini kelmarin saya mencadangkan supaya tempoh dalam dua tahun tiga bulan itu pun peruntukan seksyen 18 itu dikekalkan. Tujuannya supaya tidak menghalang pembangunan dan kalau Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan lima tahun, bermakna lima tahun lagi tuan tanah terpaksa menunggu - menunggu untuk membangunkan tanah mereka dan tentu atas kepentingan nasional, atas kepentingan negara bukan atas kepentingan kelompok kecil. Saya katakan kelompok kecil kerana daripada angka yang disebutkan oleh rakan saya dari Bukit Bendera yang benar-benar terlibat secara langsung dengan pemansuhan akta ini lebih kurang 9,000 orang sahaja daripada angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya percaya kewibawaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Melaka mampu dan boleh menyelesaikan masalah penempatan semula kepada 9,000 keluarga ini dalam tempoh dua tahun tiga bulan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri mempunyai perkiraan sendiri dan Kerajaan Barisan Nasional mungkin sudah mengaturkan satu langkah untuk menangani masalah ini dan kalaulah kerajaan memikirkan tempoh dua tahun tiga bulan boleh menyelesaikan masalah, maka tidak ada sebab mengapa ianya perlu dilanjutkan - tidak ada sebab mengapa perlu dilanjutkan kepada tempoh lima tahun. Soalnya Tuan Pengerusi, kalau kita lanjutkan tempoh sepuluh tahun lagi pun saya percaya, lepas sepuluh tahun dia minta lima tahun pula, tentu masalah ini tidak

akan selesai. Maklumlah tenan duduk atas tanah orang lain, mendapat keuntungan lebih daripada tuan tanah. Siapa yang tidak mahu duduk percuma Tuan Pengerusi? Siapa yang tidak mahu duduk percuma. Kalau dilanjut lima tahun selepas lima tahun minta sepuluh tahun lagi. Jadi, tidak habis soal tempoh ini. Biarlah tempoh dua tahun tiga bulan itu dikekalkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan.

5.13 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang memandangkan satu jawapan telah diberi oleh menteri bahawa di Pulau Pinang sahaja ada 16,116 unit rumah yang terkawal.

Yang Berhormat Menteri juga telah mengumumkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang telah menandatangani dengan 47 pemaju untuk membina 57,099 unit rumah kos rendah dan sederhana. Jikalau 57,000 unit rumah ini akan dibina dalam tempoh peralihan iaitu 27 bulan, bermakna tiap-tiap bulan perlu membina 2,100 buah rumah dan 2,100 buah rumah hendak dibina dalam satu bulan, untuk melukis pelan itu bolehlah. Kalau secara praktis hendak mencari tanah, hendak merata tanah, ini dan itu - tidak mungkin, 27 bulan tidak mungkin membina 57,000 buah rumah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jikalau mengikut pindaan yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang iaitu diagih kepada lima tahun, itu munasabah kerana satu bulan kami akan membina 1,000 unit rumah atau flat untuk menampung keperluan. Jadi, kerana tempoh peralihan 27 bulan ini saya nampak tiada keyakinan boleh membina rumah-rumah yang diperlukan. Maka saya menyokong pindaan ini.

Tuan Chia Kwang Chye: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Bendera.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Bukit Bendera dahulu, saya nampak Bukit Bendera yang bangun dahulu.

5.16 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tempoh bayaran 28 bulan atau lima

tahun bukanlah begitu penting, bukanlah satu isu 'life and death'. Tuan Pengerusi, ini bukan satu angka yang diberi oleh Tuhan, inilah satu angka yang tidak boleh diubah.

Seorang Ahli: Betul, betul!

Tuan Chia Kwang Chye: Jadi, walaupun ini adalah satu cadangan Ketua Pembangkang tetapi ini bukanlah satu idea original, kalau ini idea yang original dalam Akta Hakcipta, Ketua Pembangkang pun kena pergi ke mahkamah. Idea ini memang ramai orang yang telah bercadang lima tahun, ada yang cadang sepuluh tahun - apa bezanya? Tetapi yang mustahak sekali adalah sikap dan pandangan ke atas isu ini. Kalau sikap kita berhisteria macam tadi semua orang tahu, kalau sikap kita macam samseng, sikap sombong dan sikap sempit dan tidak mahu tahu dengan izin, satu ignorance, yang begitu tinggi tetapi bongkak, tidak mahu mengakui bahawa masalah ini adalah satu masalah yang kompleks. Jadi, lima tahun ini bukanlah perkara yang begitu mustahak.

Saya ingin mengatakan di sini bahawa DAP seolah-olahnya tidak membantah pemansuhan Akta Kawalan Sewa, sebenarnya DAP menyokong pemansuhan ini tetapi tidak berani mengatakan dengan terus terang bahawa menyokong rang undang-undang ini. Dalam hal perbezaan ini tiada berbeza di antara kerajaan dan DAP tetapi berkenaan dengan tempoh peralihan, pada hemat saya kerajaan dan DAP memang tidak ada perbezaan, kedua-dua pihak pun mengatakan mesti memerlukan satu tempoh peralihan, cuma masanya.

Jadi, ini terpulanglah kepada kecekapan mana-mana pihak pandangan seseorang itu sama ada dari parti DAP atau Barisan Nasional. Jadi, perbezaan ini tidak fundamental langsung. Saya dicabar oleh Ahli dari Kota Melaka, berani mengakui atau menafikan. Saya sudah katakan tadi ini bukan satu original idea. Jadi, DAP adalah copycat. Saya berani mengaku di sini bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang pernah mencadangkan bahawa Pulau Pinang memerlukan satu tempoh lima tahun sebagai satu tempoh yang lebih comfortable tetapi pada pendapat saya Kerajaan Pusat dan lain-lain kerajaan negeri mungkin menganggap bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang khasnya Ketua Menteri Pulau Pinang memang lebih cekap daripada DAP. Ini tidak payah diperkatakan dan ada keyakinan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kepimpinan Ketua Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon memang berupaya dalam masa yang lebih pendek iaitu 28 bulan ini untuk menjalankan proses penyelesaian masalah ini.

Tuan Pengerusi, andai kata Kerajaan Pusat bersetuju dengan

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, penjelasan. Minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, patutkah kita mengikat tempoh peralihan dengan persiapan rumah kos rendah dan kos sederhana sebab bukan semua penyewa atau tenan atau subtenan akan dikeluarkan daripada rumah-rumah yang terbabit dalam rumah terkawal, sebab rumah-rumah yang akan disediakan memang betul perlu satu masa yang lebih daripada tempoh peralihan itu.

Saya ingin hendak tahu bagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, patutkah kita ikat macam DAP, dia hendak ikat dua, 'confused the issue' dan dalam pepatah Cina 'cari tulang di telur'! *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Saya memang sefahaman dengan Ahli dari Bayan Baru dan yang pertama, dengan 'cari tulang dalam telur', ini satu

Seorang Ahli: Apa itu?

Tuan Chia Kwang Chye: Jangan tanya apa itu! Tetapi telur ini memang tidak ada tulang. Tetapi DAP sebab tidak ada fasal lain sebab isu dari sini hendak cari tulang dari telur. *[Ketawa]* Jadi, ini memanglah cara DAP. Tetapi kalau Ahli DAP berada dalam Dewan ini semasa perbahasan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berkenaan dengan proses penyelesaian masalah, saya juga akan menyentuh nanti, tetapi

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bendera sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri datang daripada Pulau Pinang. Adakah kedua-dua ini hendak buat satu perkara yang mungkin membuatkan Barisan Nasional di Pulau Pinang berada dalam kesusahan?

Kalau tadi, misalnya DAP bangkitkan masalah tak cukup wang dan persediaan wang untuk menyelesaikan masalah, takkanlah mereka berdua ini Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri

Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri tidak boleh menyelesaikan masalah ini untuk menyelamatkan kalau kita menghadapi masalah di Pulau Pinang.

Jadi, saya merasakan seolah-olah pihak Pembangkang ini sengaja mengada-adakan satu isu yang menakut-nakutkan Barisan Nasional Pulau Pinang terutama sekali Gerakan. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa ini adalah satu permainan politik hanya untuk pilihan raya di Teluk Intan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, andai kata Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan cadangan Ketua Menteri Pulau Pinang dan diberi tempoh lima tahun, ini bermakna tempoh yang akhir sekali adalah selepas pilihan raya yang akan datang dan ini memang dituduh oleh DAP bahawa inilah taktik Barisan Nasional supaya mengadakan lima tahun supaya tarikh pilihan raya dalam tempoh itu. Jadi, serba salah jadinya Tuan Pengerusi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya berminat oleh kerana dengar cerita ini lama, sebenarnya kita di Sarawak tidak perlu dan masalah ini tidak ada lagi. Kita telah hapuskan perkara ini pada tahun 1985. Jadi, saya dengar cerita ini masalah ini macam orang kata tiada yang boleh diatasi. Dahulu di Sarawak pun kita mengadakan perbincangan, memandangkan masalah itu mungkin berbangkit apabila pembubaran Rang Undang-undang 'Rent Control Act' ini dibuat.

Jadi, apabila sebenarnya undang-undang itu telah dilulus, masa pelaksanaan sebenarnya semua perkara yang digembar-gemburkan ini tidak ada, orang politik yang buat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tanya apa itu?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kalau saya sebut orang politik

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap itu ya!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya panjang cerita

dahulu, sebab ini cerita hal Sarawak ini. Jadi, mereka yang menggembar-gemburkan ini tidak ada orang lain juga macam DAP jugalah, mereka yang highlighting semua masalah, semua problem. Apabila undang-undang itu telah dilakukan dengan sendirinya semua problem itu solved. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap itu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan semua orang itu akan keluar daripada rumah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah itu, tidak ada yang hendak ditanya itu! Penjelasan apa itu?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, jadi, saya hendak bertanya, sama ada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bersetuju, pertama, yang DAP buat gembar-gembur ini sebab hendak discredit Barisan Nasional di Pulau Pinang.

Yang kedua, oleh kerana ada cadangan daripada Pulau Pinang mengatakan yang kita hendak solve perkara ini dalam masa lima tahun, tetapi oleh kerana ada pertolongan daripada Kerajaan Pusat kita boleh pendekkan masa kepada dua tahun. Di Sarawak boleh buat tidak ada pertolongan daripada Pusat, walaupun ada sedikit pertolongan daripada Pusat kita boleh solve. Jadi, kenapa pula dengan pertolongan Menteri Kewangan daripada Pusat, Pulau Pinang tidak boleh buat. Jadi, bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan persoalan ini? Bersetujulah! [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, setuju pun hendak kata sedikitlah. Kawan saya daripada Batang Lupar, saya hendak minta satu favour, tolong beri tiket hantar semua Ahli Parlimen DAP pergi ke Sarawak untuk mengadakan satu kursus

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanjong, ya!

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, mengadakan satu kursus bagaimana menyelesaikan masalah pemansuhan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita cukuplah berucap bahas berkenaan dengan parti. [Ketawa] Tak usahlah berbahas berkenaan dengan parti.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, saya akan teruskan perbahasan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila! Yang Berhormat, saya dalam peringkat Jawatankuasa, bukanlah berucap panjang-panjang sebagai dasar. Sila, sila!

Tuan Chia Kwang Chye: Ya! Jadi, apa yang saya kata ialah kefahaman tentang masalah Akta Kawalan Sewa ini daripada kajian dan pendaftaran keluarga yang terbabit yang telah dijalankan oleh USM dan kerajaan negeri. Saya memang yakin bahawa kita dapat mengatasi dan menghadapi proses penyelesaian masalah dengan satu pandangan dan pengetahuan yang lebih jelas.

Jadi, proses ini memang mustahak sebab dengan mengadakan pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini barulah kita boleh memulakan proses ini dan proses boleh dimulakan tetapi dalam masa atau tempoh bayaran ini boleh mengadakan satu sistem yang boleh kita mengetahui masalah dengan lebih teliti dan walaupun tarikh yang akhir itu pun kita boleh menjalankan proses sehingga masalah ini diselesaikan dengan satu cara yang lebih adil dan munasabah.

Tuan Pengerusi, saya memang ada lain-lain hujah, di atas permintaan Tuan Pengerusi saya akan berhenti, tetapi sebelum saya berhenti saya ingin menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa Ketua Pembangkang selalu menyebutkan bahawa seorang Ahli Gerakan. Dia memang seorang Ahli Gerakan, dia cuma seorang ahli biasa Gerakan, dia dikatakan dalam surat khabar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mendapat lagi dua tahun, tetapi pada kefahaman saya, saya diberitahu bahawa orang itu pun telah menafikan bahawa apa yang dikatakan itu tidaklah betul. Jadi, orang itu pun telah dinafikan tetapi pihak Pembangkang khasnya pihak DAP tidak mahu menerima bahawa seorang ahli itu telah menafikan bahawa laporan itu adalah benar.

Jadi, yang mustahak sekali kita mesti tahu.....

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Sudah ada chance berucap, tidak payah lagilah. Kita mesti tahu bahawa orang itu adalah bekas ahli Parlimen, Encik Oh Keng Seng, semua orang pun tahu dia seorang bekas pemimpin DAP, oleh kerana terlalu benci kepada orang ini, selalu hendak mencari tulang dalam telur, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru. Kalau tidak dapat tulang, telur pun tidak apa.

Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

5.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya hendak sokong usul ini atas tiga sebab. Sebelum saya sebutkan itu, saya hendak petikkan apa yang dicadangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, dengan izin:

"He suggested that the act be repeal over a five year period in Penang. He had also said the abolition of the act would have serious repercussion including problem related to alternative housing for subtenants of rent control premises and issues pertaining to heritage development and conservation."

Tuan Pengerusi, jelas menunjukkan Ketua Menteri memang bimbang ke atas faktor-faktor yang akan saya huraikan dengan secara pendek. Yang pertama, mengenai perumahan alternatif. Setahu kita walaupun di dalam sektor swasta kita sangat efisiensi, kecekapan lebih tinggi, hampir 99% untuk memenuhi matlamatnya, tetapi dari segi pihak awam, pihak kerajaan, prestasinya cuma 36.7% untuk membina rumah kos rendah. Kalau kita kira sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tadi, terdapat 122,373 penyewa di bawah Akta Kawalan Sewa ini. Kalau kita kira 120,000 penyewa, kalau pihak kerajaan negeri tidak dapat siapkan lebih banyak rumah, misalnya kalau kita ada tempoh lima tahun, setiap tahun pihak kerajaan negeri boleh siapkan 24,000 rumah untuk penyewa-penyewa ataupun penyewa-penyewa kecil. Sebab itu kita tetapkan lima tahun dan kita setuju dengan Ketua Menteri kerana tempoh itu yang patut di atas sebab pihak kerajaan negeri tidak mampu untuk menyediakan rumah dengan banyak. Itu faktor yang pertama.

Tuan Pengerusi, yang keduanya mengenai persiapan-persiapan yang dibuat oleh pihak kerajaan-kerajaan negeri kerana negeri-negeri yang terlibat hanya Pulau Pinang, Johor, Perak, Melaka dan Kuala Lumpur dan negeri Kelantan tidak ada langsung, Negeri Sembilan pun tidak ada langsung - cuma ada satu, dua buah. [Ketawa] 2,000 untuk Kuala Lumpur. Di dalam perbincangan di antara pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerajaan-kerajaan negeri, 11 tahun untuk persiapan-persiapan bagi menyediakan rang undang-undang seperti hari ini, sebab negeri-negeri yang terbabit tidak buat persiapan yang cukup. Sebab itulah kita minta lima tahun lagi bagi negeri-negeri ini untuk membuat persiapan dan cadangan-

negeri-negeri yang terbabit di dalam rang undang-undang ini? Itu faktor yang kedua.

Tuan Pengerusi, yang ketiga mengenai rumah/bangunan warisan. Setakat ini kita tidak mempunyai akta warisan yang cukup dan berkesan dapat dikuatkuasakan. Undang-undang yang terdapat sekarang tidak mencukupi sepertimana yang dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri. Sebab itu kita perlu menggubalkan satu akta warisan untuk memelihara.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu dasar.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik. Sebab kita perlukan satu penguatkuasaan undang-undang yang berkesan.....

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkut paut dengan tempoh lima tahun itu, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tempoh, kerana kita.....

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, saya tidak akan pertikaikan. Cuma atas kedua-dua faktor yang telah saya sebutkan tadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Gelang Patah.

5.35 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong permintaan.....

Tuan Pengerusi: Jangan ulangkanlah kerana kita tidak ada cukup masa sekarang, hanya dua malam lagi, besok dengan malam lusa. Saya tidak tahu jikalau sekiranya kita tidak boleh habiskan rang undang-undang kita, apa yang kita patut buat? Saya tidak tahu apa-yang patut kita buat. Janganlah ulang-ulang balik, saya sudah dengar banyak yang berucap di atas faktor-faktor ataupun point-point yang sama. Ya, sila.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, tadi saya dengar hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa pihak kerajaan tidak ada membuat persiapan tentang perumahan rakyat. Saya ingin beri contoh seperti di negeri Johor yang mana pada tahun lalu Kerajaan Negeri Johor sudah ada MoU dengan 33 pemaju swasta dan akan siapkan sebelum akhir tahun 1999. Sebanyak 150,000 rumah rakyat jenis rumah kos rendah dan rumah sederhana. Dengan misalan ini saya memang tidak sokong apa

yang diminta oleh Ketua Pembangkang bahawa dilanjutkan tempoh peralihan lima tahun kerana kita yakin dengan keyakinan rakyat jelata terhadap pimpinan Barisan Nasional, kecuali di Kelantan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang, bahawa kerajaan-kerajaan negeri yang di bawah Barisan Nasional memang sudah ada persiapan untuk menyediakan rumah-rumah rakyat untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah rakyat untuk golongan yang miskin.

Saya boleh ibaratkan bahawa pihak pembangkang adalah seperti ada satu proverb dalam bahasa Mandarin 'chi zen yu chien' iaitu dahulu ada seorang tidak buat apa kerja, tiap-tiap hari dia bangun, dia fikir sahaja, dia takut itu langit jatuh. Ini sama macam DAP, dia tidak buat apa kerja, dia tahu kritik, tiap-tiap hari selepas dia bangun pagi dia tengok hendak cari salah, mana BN ada buat salah, mana yang betul dia tidak mahu menyokong, kerja dia cuma kritik sahaja. Ini boleh diibaratkan dia cuma bimbang sahaja langit jatuh. Saya harap mereka perlu memberikan kerjasama yang rapat kepada Kerajaan Barisan Nasional dengan memberi cadangan-cadangan yang konstruktif, bukan yang negatif.

Saya harap cadangan saya supaya tidak sokong tempoh peralihan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam.

5.38 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Gelang Patah katakan DAP itu adalah satu kumpulan yang takut langit itu jatuh, tetapi saya rasa lebih dahsyat daripada itu oleh kerana mereka takut selepas tempoh peralihan ini mereka tidak ada modal politik untuk pilihan raya yang akan datang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara itu tidak bersangkut.

Dr. Tan Chong Keng: Saya bantah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong kerana saya tidak mahu tempoh itu dipanjangkan atas beberapa sebab. Yang pertama, menanggung masalah itu bukan satu penyelesaian kerana kos pembinaan rumah-rumah akan menjadi lebih mahal, kos tapak akan melambung. Saya percaya juga seorang daripada Ahli Yang Berhormat pembangkang itu adalah seorang kontraktor, mungkin dia tunggu harga itu naik. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya rasa kerajaan-kerajaan negeri sudah pun tunjukkan keyakinan dan kepercayaan pada kebolehan kerajaan

keyakinan dan kepercayaan pada kebolehan kerajaan dan juga sektor swasta untuk menghasilkan bilangan perumahan alternatif yang cukup dalam tempoh sebelum 31 Disember 1999. Jadi, kalau kerajaan-kerajaan negeri tunjukkan kecekapan yang lebih daripada apa yang diharapkan oleh DAP, DAP pun takut juga kerana kita tunjukkan kecekapan yang melebihi apakah sangkaan buruk mereka. Mereka selalu sangka kerajaan tidak boleh deliver. We can deliver dalam masa yang lebih pendek. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh jawab, tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 35(3)(c) iaitu dalam Jawatankuasa pencadang tidak ada right of reply. Pada masa yang lepas Yang Berhormat dari Tanjong selalunya meng'exercise' right of reply, tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat tidak ada right of reply dalam Jawatankuasa. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi, Tuan Pengerusi, dalam peringkat Jawatankuasa setiap ahli ada hak untuk berdiri berucap lebih daripada sekali.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat betul, hanya berucap dua kali ataupun tiga kali boleh, tetapi kenalah minta kepada Tuan Pengerusi dan selain daripada itu, dia tidak boleh menggunakan right of reply.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi sebenarnya apabila Yang Berhormat Menteri memberi pandangan, itu bukan jawapan, oleh kerana dia sebagai seorang ahli anggota dan sebab itu right of reply tidak timbul. Tetapi saya terima ruling Tuan Pengerusi kalau begitu. Dan kalau begitu, saya minta peluang untuk buat sedikit ulasan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

5.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Machang tidak ada di sini, dia shoot and run, kata bahawa 28 bulan terlalu panjang. Itulah dia patut ada di sini, satu tahun dahulu tentu dia kata lima tahun pun terlalu pendek dan saya rasa ini tidak munasabah oleh kerana beliau tidak beri apa-apa sebab untuk mempertahankan hujah-hujah beliau. Selain daripada kata inilah satu penidakkan hak common law, seolah-olah tidak ada rent control legislation di lain-lain negara termasuk common law nations. Saya harap beliau, orangnya tidak ada di sini, dia tidak akan belajar dan tentu akan ulangi apa yang dia cakap. Dia kata, siapa yang tidak mahu duduk percuma? Seolah-olah semua penyewa duduk percuma. Satu sikap yang

begitu menghina penyewa yang miskin dalam golongan ini.

Apa yang malangnya ialah ini sikap Yang Berhormat dari Machang tetapi satu sikap Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak-pihak MCA dan GERAKAN, satu sikap yang menghina penyewa-penyewa. Kalau tidak, bagaimana mereka boleh kata apabila kita timbul masalah di sini, kita 'chi tan de chao ku toh' bahawa kita cari tulang dari telur. Adakah ini cari tulang dari telur? Ada?

Beberapa Ahli: Ada!

Tuan Lim Kit Siang: Cari tulang dalam telur, ya, tengok sangat gembira, ho, cari tulang dari telur. Kepada penyewa-penyewa yang akan dikeluarkan daripada perumahan mereka yang duduk satu generasi, ini bukanlah cari tulang dari telur. Ini cari tempat, cari satu harapan, a life line untuk kehidupan, tetapi kepada mereka yang kaya-raya, kepada mereka yang berpangkat tinggi, inilah tidak guna, semacam Mary Antoniette sebelum French revolution, apabila dia dapati orang lapar, dia kata, boleh makan kek, tidak ada roti - kueh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berucaplah, ini satu pindaan di dalam.....

Tuan Lim Kit Siang: Itu satu sikap 'cari tulang dari telur', inilah menghina penyewa-penyewa dan patut dikutuk. Satu sikap Mary Antoniette dan mengakibatkan French Revolution.

Beberapa Ahli: Ohh!

Tuan Lim Kit Siang: Aaa, ini sikap ohh.... apa? Itu pun sikap pengikut-pengikut Mary Antoniette, Ohh, apa ini? Tidak boleh. Lapar, tidak ada roti, makan kuehlah, bila bantah, Ohh...apa? Ini sikap sama, ini sikap yang sama.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sila tukar.....

Tuan Lim Kit Siang: Inilah mustahak, itu sikap.....

Tuan Pengerusi: Tolonglah Yang Berhormat, sila, sila. Kita hendak menghabiskan ini, biarlah dia berucap.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan datang kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri. Dan inilah saya harap dengan sikap ini kita tidak boleh dapat apa-apa simpati dari Dewan yang mulia ini, majoriti dalam Dewan yang mulia ini kerana menganggap masalah *[berbahasa Cina]* Ini mengingatkan apa yang berlaku, lagi satu saying,

satu pemimpin MCA 20 tahun dahulu, dia kata [*berbahasa Cina*] bahawa pokok besi tengoklah sama ada boleh berbunga atau tidak boleh berbunga. Inilah, sama! [*Berbahasa Cina*] Inilah MCA yang baru, adakah?

Tuan Pengerusi: Yalah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chang Kon You: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Cukuplah, duduk. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang melihat masalah ini sebagai [*berbahasa Cina*] tidak payah berdiri, tidak payah berdiri.

Tuan Chang Kon You: Tuan Pengerusi, saya mahu buat pembedaan.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah, tidak payah.

Tuan Chang Kon You: Dia tidak tahu bahasa Mandarin.

Tuan Lim Kit Siang: Sikap ini, sikap ini.....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, Yang Berhormat boleh minta penerangan dari dia.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, nanti boleh cakap sendirilah. [*Ketawa*] Dengan ini saya tahu kita tidak boleh dapat simpati...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Bukit Bendera, dia kata bahawa kita tidak berani cakap pendirian kita dalam kes mengenai pemansuhan kawalan sewa. Pendirian kita jelas, kita menyokong perlunya pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Ini saya terang-terang berucap di negeri Pulau Pinang dalam satu mesyuarat umum di mana dengan cadangan saya orang ramai meluluskan satu resolusi bahawa menerima, menyokong idea pada prinsipnya Rent Control Act dimansuhkan. Sebenarnya pada pendapat saya ialah patut dimansuhkan lebih awal, tahun 70-an atau 80-an tetapi dengan mekanisme yang sewajarnya supaya tidak menimbulkan masalah sosio-ekonomi. Sebab itu semalam saya kata charter tiga prinsip lima langkah tetapi apa yang kita ada di sini, dalam peruntukan-peruntukan tidak adil dan inilah lima tahun satu contoh, bukan kita tidak, sangat jelas dan tanpa apa-apa perundingan, perbahasan oleh orang ramai.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera menjelaskan bahawa seorang pemimpin Gerakan yang ada kata

negeri Pulau Pinang akan dapat layanan yang khas - terma lima tahun - itulah seorang pemimpin Gerakan tetapi beliau sudah menafikan, saya tanya Yang Berhormat dari Bagan, dia kata tidak, dia mahu berdiri untuk minta penjelasan, Yang Berhormat dari Bukit Bendera takut kerana tahu dia tidak menafikan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan pun dengan.....

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada orang yang cakap, kita perlu menjelaskan, kalau mereka tidak cakap, betul! Saya tidak mahu jelaskan khasnya tidak mahu Dewan ini, negara ini dikelirukan oleh kenyataan-kenyataan yang bukan sahaja tidak berasas tetapi tidak betul, tidak bertanggungjawab. Ada seorang ahli, kalau saya tidak silap dari Bayan Baru, tanya sama ada patutkah proses de-control diikat kepada program untuk rehousing - pembinaan rumah - tentu, perlu! Tetapi, kita boleh menerima fasal-fasal de-control bahawa sungguhpun ada tempoh lima tahun bukan bererti bahawa semua rumah yang terlibat mahu tunggu lima tahun barulah ada de-control tetapi itu membenarkan fasal-fasal de-control di mana tempat di mana ada projek pembinaan sudah siap yang boleh memberi peruntukan kepada penghuni-penghuni atau penyewa-penyewa yang terlibat kawasan itu boleh di'control' first. Itu satu sikap, satu mekanisme yang lebih fleksibel, yang lebih bersimpati kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh penyewa-penyewa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tanya bahawa oleh kerana Ketua Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dari Pulau Pinang sama ada Kerajaan Barisan Nasional akan membenarkan rakyat di negeri Pulau Pinang dianiayai dan sama ada semua ini cara DAP untuk takut-takutkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini sekurang-kurangnya satu 'confession' bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang takut dan tadi saya mahu sebut, beliau tanya sama ada ini kita politikkan untuk pilihan raya kecil di Teluk Intan, saya boleh kata di sini, memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sampai sekarang kita tidak pernah menggunakan isu Rent Control Act di Teluk Intan. Tidak sentuh langsung tetapi saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ingatkan saya dan nanti saya akan pergi ke Teluk Intan, kita ada ceramah dan saya akan cakap mengenai Rent Control Act oleh kerana ingatan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya cakap terima kasih. [*Ketawa*]

Dan sama ada Yang Berhormat dari Gelang Patah [*berbahasa Cina*] kata bahawa kita baru boleh

bimbang, takut - langit tidak jatuh, bahawa kita tidak konstruktif, itu terpulanglah kepada tafsiran masing-masing tetapi apabila kita memberi sokongan yang kuat kepada kerajaan mengenai IT, MCA takut, kenapa? Kenapa takut? *[Ketawa]* Kita ada tanggungjawab kita, kita tahu apa yang kita buat. Apa yang saya sangat terperanjat ialah kenapa satu cadangan pindaan ini - untuk satu tempoh lima tahun supaya lebih fleksibel untuk pemansuhan Akta Kawalan Sewa dibantah dengan begitu sikap lawan bermati-matian. Kenapa? Lawan bermati-matian semacam ini, seolah-olah bahawa kalau kita minta bahawa ada satu tempoh lima tahun inilah satu cadangan yang begitu jahat dan begitu evil dan begitu tidak bertanggungjawab, kenapa ada sikap ini? Kenapa tidak boleh beri sedikit fikiran mengenai masalah-masalah yang akan dihadapi oleh penyewa-penyewa?

Yang Berhormat Menteri tadi ada kata bahawa inilah satu pakej yang lebih baik daripada pakej yang ditimbang dahulu, benarkah ini? Dan Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa di pakej dahulu pemansuhan akan dilaksanakan serta-merta - tadi - serta-merta dan bukan tempoh 28 bulan. Adakah ini benar? Dalam rang undang-undang yang didrafkan oleh kerajaan untuk tahun 1995, sangat jelas satu tempoh lima tahun ada dibuat di sini, dengan izin, *those act unless sooner repeal shall seize to be in operation at the expiration of five years after the coming into force of this section.* Itulah 1995 yang dibuat sebelum pilihan raya besar 1995 dan selepas pilihan raya besar oleh kerana tidak ambil fikiran ini dikemukakan tetapi oleh kerana kemenangan yang begitu besar, tarik balik - tidak payahlah, tidak payah begitu - baik pakej, satu pakej yang tidak untung kepada penyewa-penyewa tidak apa, sudah dapat kemenangan besar. Inilah bil yang diterap sebelum pilihan raya besar.

Lima tahun pampasan tetapi oleh kerana landslide victory, semua dikurangkan. Lima tahun pun dikurangkan, pampasan pun dikurangkan. Inilah bukti kenapa Yang Berhormat Menteri tadi boleh mengelirukan Dewan yang mulia ini bahawa old bill tidak lima tahun dan saya haraplah saya tahu tidak boleh dapat sokongan oleh kerana saya lihat ini sebagai *[Disampuk]* *[berbahasa Cina]*. Baiklah, baik. Ini kita bawa kepada rakyat untuk rakyat putuskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Sila, sila.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, cuma beberapa perkara sahaja. Yang

pertama sekali, saya tetap percaya bahawa suara yang tinggi, suara yang kuat itu tidak semestinya menunjukkan bahawa apa yang dikatakan itu benar. *[Tepuk]* Itulah saya katakan, seburuk-buruk suara adalah suara keldai. *[Tepuk]*

Yang Berhormat dari Tanjong bercakap tentang keadilan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa ada apa yang kita katakan, dengan izin, *there are two sides to any story.* Kita perlu mengambil kira kepentingan golongan berpendapatan rendah tetapi kita juga tidak boleh melupakan masalah yang dihadapi oleh pemilik bangunan selama ini. Selama beberapa dekad, kebanyakan pemilik tidak menerima sewa yang patut mereka terima semata-mata kerana bangunan mereka terletak di bawah Rent Control Act dan adalah tidak tepat mengatakan bahawa pemilik itu semuanya kaya raya. Ramai daripada mereka cuma orang biasa yang mewarisi harta itu daripada ibu bapa mereka. Itu yang pertama.

Yang kedua, tentang tempoh peralihan itu, kerajaan masih tetap berpendapat bahawa dua tahun empat bulan itu munasabah kalau kita sekarang berikan lima tahun kepada penyewa, dia akan katakan kenapa tidak sepuluh tahun? Memang DAP tidak berpuas hati dalam apa-apa yang dibuat oleh kerajaan. Saya masih tetap percaya bahawa formula kenaikan sewa yang dicadangkan itu kalau dibandingkan dengan pampasan dua tahun itu, ini lebih baik, lebih memberikan faedah kepada para penyewa, ini secara objektiflah. Yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang isi rumah, sebenarnya mengikut maklumat terkini daripada Kerajaan Pulau Pinang, kini bilangan bangunan yang terbabit dalam Rent Control Act iaitu bangunan yang disewakan itu adalah sebanyak 9,787 dan didapati bahawa sebaik sahaja akta ini dimansuhkan, semua akan dihalau dan kerajaan negeri telah menyatakan kepercayaan, keyakinan untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul seperti masalah perumahan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ini tentang teras undang-undang tahun 1995, saya ingin memberi penjelasan di sini, ini bukan kesalahan DAP, ini sebenarnya suatu draf yang diedarkan kepada Dewan ini secara silap dan draf itu tidak pernah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berkenaan dengan pindaan 5(ii)...

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada satu lagi.

Tuan Pengerusi: Kedua sekali, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Saya kemukakan satu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, 5(i) dan 5(ii) sekali-tu.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah dikemukakan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak kemukakan 5(ii).

Tuan Pengerusi: Sekali, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Pengerusi: Sekali Yang Berhormat, same point sahaja. Berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka nampaknya jika sekira dipersetujui, ia akan bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 57(4) iaitu "akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak terang, manakala makna atau salah jalan bahasanya atau sia-sia atau jadi seakan-akan satu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain."

Jadi, tidak ada syarat-syarat lain, yang demikian tidak akan menjadikan satu makna, membawa makna jika sekiranya dibatalkan Peraturan Mesyuarat seksyen 5(ii) itu. Jadi, yang demikian saya enggan hendak mengemukakan kepada Majlis.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya minta sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi? Tentu saya boleh berucap nanti.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh. Yang Berhormat boleh berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya ingat saya minta sedikit penjelasan sahaja. Tentang pengguguran atau penolakan cadangan saya meminda 5(ii) dengan menggugurkan subfasal ini. Kerana pada pandangan saya sungguhpun ia hendak meniadakan kuasa menteri dalam perkara ini, tetapi ia tidak akan membawa apa-apa kesan. Saya tidak faham macam mana ia akan menjejaskan prinsip atau essence....

Tuan Pengerusi: Ya, akan menjadi undang-

undang ini tidak ada tujuan dan tidak ada had, bilakah akan berkuatkuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Ia berkuatkuasa - berakhir pada 31 Disember 1999. Tetapi yang saya hendak cadangkan ialah sebelum tarikh ini menteri atau kerajaan negeri tidak ada kuasa untuk memendekkan tempoh peralihan. Kerana sekarang kerajaan negeri dan menteri boleh memendekkan tempoh peralihan. Kalau 5(ii) tidak ada, tempoh peralihan akan berakhir pada 31 Disember 1999 dan tidak boleh lebih awal daripada itu. Kalau tidak, sekarang ia boleh dipendekkan lebih awal daripada tahun 1999, iaitu kalau akhir tahun ini pun boleh atau akhir tahun depan pun boleh.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 57(3). Oleh sebab kita telah menerima 5(i) kalau sekiranya kita buang 5(ii) ia akan bercanggah dengan 5(i). Oleh yang demikian, adalah bercanggah kepada Peraturan Mesyuarat 57, yang demikian saya enggan mengemukakan. Saya harap kita masuk kepada cadangan pindaan Yang Berhormat pada 10(i)(a).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sungguhpun pindaan saya tadi, tetapi kita masih dalam seksyen 5 bukan?

Tuan Pengerusi: Tidak. Saya tidak mengemukakan kepada Yang Berhormat sekalian.

Tuan Lim Kit Siang: seksyen 5.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Belum?

Tuan Pengerusi: Saya tidak mengemukakan, iaitu cadangan daripada Kota Melaka, saya tidak mengemukakan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tahu tetapi masih dalam Fasal 5?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya berucap mengenai Fasal 5.

Tuan Pengerusi: Boleh. Fasal 5(ii).

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 5(ii), di mana adalah peruntukan untuk lima tahun Federal Territory. Di sini saya mahu tanya satu perkara sahaja. Apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa draf yang ada diedarkan dengan tidak...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak kemukakan, tidak boleh ada pindaan ataupun perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Belum.

Tuan Pengerusi: Saya tidak cadang hendak kemukakan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan bahas atas pindaan Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi mengenai seksyen 5 oleh kerana....

Tuan Pengerusi: Seksyen 5 itu telah pun diterima.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Tuan Pengerusi: Belum.

Tuan Lim Kit Siang: Pindaan ditolak, tetapi seksyen 5 masih open.

Tuan Pengerusi: Ya, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Masih open.

Tuan Pengerusi: Tetapi saya telah pun kemukakan....

Tuan Lim Kit Siang: Belum.

Tuan Pengerusi: Belum lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu satu point sahaja. Apa Yang Berhormat Menteri sebut mengenai seksyen 5, 'tempoh lima tahun'. Bahawa beliau kata bahawa saya ada kata dalam tahun 1995 ada rang undang-undang yang diedarkan kepada semua ahli Parlimen di mana peruntukan untuk pemansuhan transitional period ialah lima tahun. Yang Berhormat Menteri ada menjelaskan bahawa bukan silap DAP, tetapi oleh kerana itu diedarkan dengan silap bahawa rang undang-undang itu masa itu belum dapat persetujuan oleh Jemaah Menteri. Saya boleh terima itu. Tetapi apa yang mustahak ialah ini menunjukkan sungguhpun rang undang-undang ini diedar dengan silap kepada ahli-ahli Parlimen dan belum dapat persetujuan Kabinet, tetapi draf itu sudah sampai satu tahap muktamad, tunggu Kabinet approval sahaja. Bererti bahawa ini merupakan buah fikiran, rundingan pihak yang berkenaan bahawa ada satu tempoh lima tahun. Tentulah ini satu draf dibuat sebelum pilihan raya besar 1995 oleh kerana ia diedar dalam Mesyuarat Pertama Dewan penggal ini. Hujah saya ialah tahun 1970-an, 1980-an sampai 1990-an tujuan Kerajaan Barisan Nasional ada satu package untuk pemansuhan Akta Kawalan Sewa antara lain ialah satu tempoh lima tahun. Tetapi ia akan dibukti di sini sungguhpun itu diedar dengan silap. Tetapi ini bukti, kenapa ada tukaran? Itulah apa yang saya mahu tahu.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, saya rasa DAP sengaja hendak cari fasal, kerana

masa itu kerajaan buat keputusan dalam tahun 1985 untuk memansuhkan akta itu yang mula-mula keputusan dibuat pada tahun 1985 dan memberikan lima tahun. Jadi, sekarang dengan peredaran masa, kalau tahun 1995, kalau kita kira 1995 sampai sekarang pun dua tahun, akan jadi tiga tahun tempoh peralihan, tambah 25, lima tahun. Jadi, saya rasa itu suatu dokumen yang tidak rasmi, yang bukan diedarkan oleh pihak jemaah menteri. Jadi, janganlah gunakan itu sebagai alasan untuk perbahasan.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Lim Guan Eng: Fasal 6.

Tuan Pengerusi: Fasal 6 ada lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya bangun, Tuan Pengerusi tidak izinkan.

Tuan Pengerusi: Ada pindaan? Tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang pindaan? Saya hendak bercakap Fasal 6.

Tuan Pengerusi: Minta maaf, saya tidak nampak Yang Berhormat bangun. Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin mendapat penjelasan Fasal 6 sahaja, kerana semasa saya ada bertanya Yang Berhormat Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab tentang kedudukan. Seperti Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa satu daripada tujuan utama pemansuhan Akta Kawalan Sewa ialah untuk memastikan penyewa utama tidak menyalahgunakan status mereka dengan mengutip kadar atau bayaran sewa yang tinggi daripada penyewa kecil, sungguhpun mereka tidak duduk di rumah tersebut, dan apabila mereka mengutip dengan bayaran yang lebih tinggi daripada sewa yang mereka bayar kepada tuan rumah. Di sini kalau kita memerhatikan Fasal 6, saya baca, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Iaitu:

"6(1) Walau apa pun seksyen 3, mana-mana penyewa, penyewa kecil atau penyewa bersama yang -

(a) telah sebenarnya menduduki premis pada tarikh Akta dimansuhkan; dan

(b) jika tidak kerana termansuhnya Akta, boleh terus menduduki premis dengan sah, hendaklah disifatkan telah membuat suatu

penyewaan dengan tuan rumah dari tarikh Akta dimansuhkan."

Di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, apakah kedudukan kalau kita mengikut tafsiran Fasal ini? Adakah ini bermakna penyewa utama, iaitu main tenant yang tidak duduk dalam rumah ini, adakah mereka dengan sendirinya dengan secara automatik telah hilang hak rasminya untuk mengutip sewa daripada penyewa kecil, dan penyewa kecil dengan sendirinya boleh berurusan terus dengan tuan rumah? Kerana kalau ini tidak jelas, maka ini bermakna bahawa tujuan akta ini akan dikalahkan. You defeat the purpose of the bill kalau penyewa utama yang tidak duduk di rumah itu tetapi mengambil kesempatan untuk mengutip dan membuat keuntungan daripada sewa si penyewa kecil. Jadi, bolehkah kita dapat penjelasan kesan sebenarnya, yang pertama, penyewa utama, kedudukannya adakah sendiri terbatal. Kedua, penyewa kecil, bolehkah mereka berurusan terus dengan tuan rumah dan membayar kadar atau bayaran sewa sama dengan apa yang dibayar oleh penyewa utama kepada tuan rumah? Saya harap saya boleh dapat sedikit penjelasan dalam perkara ini?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, sebenarnya seksyen ini cukup jelas, iaitu pada masa akta ini dimansuhkan, sesiapa sahaja dari segi undang-undang berhak menjadi penyewa, chief tenant mempunyai hak walaupun dia tidak tinggal di situ, dia diakui oleh tuan punya rumah itu, pembeli itu. Maka dia ada hak untuk menjadi tenan baru.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tetapi setelah akta ini dimansuhkan, maka semua tenan itu akan berurusan secara langsung dengan pemilik. Jadi, masa itu tidak ada lagi chief tenant, semuanya sama rata. Kalau ada misalnya dahulu chief tenant seorang, dua lagi subtenant. Jadi, ketiga-tiga berurusan secara langsung dengan pemilik itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa perkara ini boleh kita rujuk kepada peguam dan juga kepada lawyer kalau ada timbul pertikaian. Tetapi untuk memudahkan, kerana untuk penyewa-penyewa kecil, mereka tidak mampu memasang lawyer. Di sini saya ingin mendapat penjelasan supaya apabila kita menemui perkara ini daripada pengundi-pengundi kami, kita dapat memberikan penjelasan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kalau boleh. Chief tenant biasanya mereka tidak ada perjanjian bertulis, tetapi kalau mereka ada perjanjian bertulis di antara chief

tenant atau penyewa utama dengan penyewa kecil, adakah ini bermakna dengan terlaksana fasal ini, kontrakt ini sudah tidak sah, that means it is now against public policy. Saya hanya ingin mendapat pengesahan rasmi daripada Yang Berhormat Menteri bahawa sebarang perjanjian bertulis di antara chief tenant dan penyewa kecil is against public policy, dengan izin, dan sendirinya terbatal.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, kalau ada apa-apa perjanjian antara chief tenant dengan subtenant itu terbatal dengan kuatkuasanya undang-undang ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, saya hendak beri sedikit pandangan saya mengenai Fasal 7. Saya rasa tidak ada masalah jika kita mendapatkan nilai faktor 'M' dalam formula itu, sama ada daripada bil cukai taksiran ataupun dasar nilai tahunan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Tetapi bagi faktor 'R' pada pendapat saya ini ada satu nilai yang subjektif yang saya rasa dalam peringkat pelaksanaan mungkin menjadi satu masalah yang sangat rumit untuk kedua-dua pihak, tuan rumah dan penyewa untuk bersetuju apakah sewa ini sebenar yang patut digunakan dalam formula itu. Terdapat beberapa contoh di mana kalau mengikut formula nilai tahunan dengan sewa yang tinggi, ada satu jumlah, satu figure yang negatif. Jika itu negatif, bagaimana kita hendak mengadakan satu sewa yang 'fair rent' setakat ini. Di Pulau Pinang mengikut kajian USM ada 4,251 isi rumah atau 26% isi rumah tidak membayar sewa. Kalau mengikut formula ini akan menimbulkan masalah dalam perkiraan ini.

Jadi, oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan untuk pertimbangan kementerian bahawa formula mengira sewa baru kalau boleh berdasarkan nilai tahunan dan ini adalah alasan yang berikut.

Pertama, kerana semua bangunan terkawal mempunyai nilai tahunan masing-masing dan nilai tahunan telah ditetapkan mengikut prosedur yang diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1996. Pemilik dan penyewa sedar dengan sebarang pindaan yang dibuat terhadap amaun cukai taksiran yang dikenakan. Sekiranya nilai tahunan tidak berpatutan, pemilik berhak membuat bantahan dan merujuk kepada mahkamah. Pendek kata nilai tahunan telah ditetapkan dengan seadil-adilnya.

Yang kedua, dengan menetapkan satu tarikh pelaksanaan, satu senarai yang mengandungi nilai tahunan bagi semua bangunan terkawal boleh disediakan untuk rujukan De-control Tribunal dan senarai ini akan memerlukan satu buku daftaran penetapan sewa.

Akhir sekali formula yang berdasarkan nilai tahunan adalah lebih mencerminkan keadaan pasaran sewa sebenar. Maka satu formula mengikut peratusan nilai tahunan mungkin boleh digunakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

6.17 ptg.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, formula ini memang telah dipersetujui dan formula ini mengikut apa yang ada di sini memang pengiraannya berdasarkan kepada kedua-dua perkara iaitu fair rent dengan nilai tahunan. Sekiranya dalam pelaksanaan formula ini ada apa-apa masalah maka perkara ini hendaklah dirujuk kepada De-control Tribunal yang akan ditubuhkan.

Fasal 6 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 -

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa Fasal 10(1)(a) dipinda dengan memotong perkataan terakhir serta menambahkan satu sub-Fasal 10(1)(c) yang baru seperti berikut:

"10(1)(c) Memutuskan bayaran munasabah yang patut dibayar oleh tuan rumah kepada sipenyewa untuk sebarang kos pengubahsuaian ataupun pembaikan semula yang dijalankan ke atas premis tersebut oleh sipenyewa yang melebihi kos tuan rumah menyelenggarakan premis tersebut."

Tuan Pengerusi, pindaan yang dicadangkan oleh saya adalah untuk membolehkan satu mekanisme supaya sipenyewa yang telah menyewa rumah tersebut dan telah membelanjakan satu jumlah wang yang besar untuk mendapat sekurang-kurangnya sedikit bayaran ganti rugi. Ini adalah berkaitan dengan Fasal 11 nanti, apabila terlaksananya Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) maka tuan rumah mempunyai kuasa untuk memaksa pindah sipenyewa hanya dengan memberikan notis selama tiga bulan. Oleh itu, di sini adalah tidak adil sekiranya sipenyewa telah membelanjakan wang yang begitu besar, mungkin RM50,000 atau RM100,000 untuk mengubahsuaikan premis mereka, sama ada dalam bentuk perniagaan ataupun sebagai kediaman rumah. Jumlah wang yang mereka belanjakan tidak akan dikembalikan kepada mereka.

Di sini saya telah menerima banyak perasaan tidak puas hati oleh sipenyewa kerana mereka rasa kalau mereka terpaksa berpindah selepas tempoh

peralihan berakhir tanpa sebarang bayaran oleh tuan rumah atas perbelanjaan pengubahsuaian ataupun pembaikan semula adalah tidak adil kepada mereka. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan mengadakan satu mekanisme yang membolehkan sipenyewa mendapat balik sekurang-kurangnya bayaran yang munasabah, di mana jumlahnya akan ditentukan oleh Tribunal Penyahkawalan (De-control Tribunal). Ini hanya adil, kerana kalau tidak tuan rumah akan menikmati kos pembaikan semula atau pengubahsuaian yang dibelanjakan oleh sipenyewa kecil. Saya rasa tanpa membayar bayaran ganti rugi pada sipenyewa.

Di sini saya bukan mencadangkan bahawa sebarang atau sebarang perbelanjaan pengubahsuaian mestilah dibayar gantinya oleh tuan rumah - tidak, kerana kita pun mesti akui, kerana dengan kadar bayaran sewa yang rendah, tuan rumah pun kadangkala tidak cukup dengan kadar bayaran sewa yang diterimanya, tidak cukup untuk menampung pembayaran cukai tanah dan cukai pintu. Tetapi kalau perbelanjaan untuk pengubahsuaian atau pembaikan semula melebihi kos penyelenggaraan oleh tuan rumah termasuk baik cukai pintu atau cukai tanah, saya rasa sekurang-kurangnya Tribunal Penyahkawalan mestilah mengambil kira untuk menentukan satu jumlah munasabah dibayar kepada sipenyewa kecil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan.

6.21 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya sokong cadangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, cadangan untuk meminda dan hendak menambahkan satu Fasal iaitu:

"Memutuskan bayaran munasabah dibayar adalah berpatutan kerana"

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan, saya belum kemukakan lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Oh! Sorry.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun cepat sangat. [Ketawa]

Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera, di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, pindaan ini memang tepat kerana pada masa yang

lampau oleh kerana tuan rumah menerima sewaan yang rendah dan mereka enggan membaiki rumah-rumah, bahagian-bahagian rumah yang telah reput baik di bumbung atau di dinding dan di lantai. Si penyewa telah berusaha kerana mereka hendak menduduki rumah itu, mereka telah berusaha dan membelanjakan satu jumlah untuk penyenggaraan rumah ini dan memperbaiki apa-apa bahagian yang rosak. Oleh kerana usaha mereka itu, maka bangunan ini telah dapat bertahan sehingga masa ini. Jikalau habis tempoh peralihan ini mereka akan diminta keluar dari rumah itu dan tuan rumah boleh menerima sebuah rumah dalam keadaan yang baik. Ini adalah untuk membayar ganti rugi kepada usaha yang dijalankan oleh penyewa maka pindaan ini adalah tepat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

6.24 ptg.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, saya rasa soal adil ataupun tidak adil, tidak timbul di sini. Sesuatu pengubahsuaian biasanya dilakukan bagi manfaat penyewa sendiri sama ada dengan persetujuan pemilik ataupun sebaliknya. Jadi, dalam soal ini si penyewa adalah dinasihatkan supaya menyelesaikan isu pampasan itu dengan pemilik secara rundingan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka seperti yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 -

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa Fasal 11(1)(a) dipinda seperti berikut:

"11(1)(a) mempunyai hak mendapat milikan kosong premis daripada penyewa tanpa membayar apa-apa pampasan, kecuali bayaran kos pengubahsuaian atau pembaikan semula yang ditentukan oleh Tribunal Penyahkawalan".

Tuan Pengerusi, satu mekanisme yang ditentukan oleh Tribunal Penyahkawalan harus diadakan untuk membenarkan sipenyewa diberi bayaran ganti rugi untuk sebarang kos

pengubahsuaian atau pembaikan semula. Kos ini telah dijalankan ke atas bangunan di bawah Akta Kawalan Sewa ke belakang 50 tahun ini yang telah ditanggung oleh sipenyewa. Setengah-setengah penyewa kecil atau penyewa rasa bahawa mereka telah membelanjakan berpuluh-puluh ribu ringgit untuk memperbaiki rumah yang enggan ditanggung oleh tuan rumah. Ini adalah kerana di bawah Fasal 11(1)(a) tidak ada sebarang bayaran pampasan akan diberikan kepada sipenyewa oleh tuan rumah.

Tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa perkara ini adalah lebih baik diselesaikan di antara tuan rumah dan sipenyewa. Tetapi seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri di bawah semua perjanjian dan tenancy adalah menjadikan satu kelaziman bahawa sebarang kos pembaikan semula mestilah ditanggung oleh tuan rumah, tetapi oleh kerana kadar sewa yang agak rendah, mereka enggan berbuat demikian dan tanggungjawab ini yang sepatutnya terletak di atas bahu tuan rumah terjatuh pula ke atas bahu si penyewa. Kalau mereka membuat bayaran yang agak tinggi, yang agak besar, kalau kecil-kecil RM1,000 saya rasa itu tidak munasabah untuk tempoh masa yang agak panjang. Tetapi kalau mereka membelanjakan jumlah wang yang sangat besar, saya ada kes, saya boleh tunjuk kes di mana saya ada bukti di mana mereka membelanjakan RM50,000-RM60,000. Sungguhpun mereka telah menghubungi tuan rumah, tetapi tuan rumah enggan berunding atau mengambil sebarang tindakan. Dalam keadaan sedemikian, saya rasa adalah tidak adil kalau pihak kerajaan tidak menentukan, tidak campur tangan dan menentukan satu pembayaran yang munasabah, yang bukan ditentukan oleh tuan rumah atau sipenyewa, tetapi ditentukan oleh Tribunal Penyahkawalan supaya apabila penuh masa tempoh peralihan, terlaksana penuhnya Akta Kawalan Sewa, sipenyewa terpaksa dipindah keluar dengan pemberian notis tiga bulan, sekurang-kurangnya mereka boleh dapat balik apa yang mereka telah belanjakan, kalau tidak selain daripada terpaksa mencari perumahan alternatif, mereka pula rugi sejumlah wang yang begitu besar, yang mereka belanjakan sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masalah bahawa pindaan sepertimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

6.28 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini kerana kalau kita masukkan pindaan ini dalam rang undang-undang yang disediakan ini memang akan membantu pihak Tribunal Penyahkawalan, kerana eksploitasi di bawah Akta Kawalan Sewa ini memang dilakukan bukan sahaja oleh pihak penyewa bahkan juga oleh pihak pemilik, kerana pihak pemilik enggan membuat ubahsuai ataupun mempertingkatkan mutu bangunan kerana sewa yang terlalu rendah. Oleh sebab itu pihak penyewa atau penyewa kecil memang terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk memperbaiki keadaan itu supaya boleh hidup dengan lebih selesa.

Kalau kita hendak menguatkuasakan undang-undang yang bakal menjadi akta ini, maka kita adakan satu pindaan yang melicinkan semua ini bagi Tribunal Penyahkawalan untuk mudah membuat tafsiran, membuat ketetapan, misalnya kalau penyewa menggunakan RM70,000 untuk membuat ubahsuainya dan mungkin Tribunal boleh membuat satu ketetapan bahawa perlulah bagi tuan punya membayar rugi pampasan 50% ataupun 20%. Kalau mengikut rang undang-undang yang ada sekarang, tidak ada peruntukan, Tuan Pengerusi, cuma bagi pihak sipenyewa dan si tuan punya mengadakan rundingan secara persendirian, bukan menerusi Tribunal Penyahkawalan, sebab itulah saya sokong supaya kita boleh melicinkan tugas Tribunal.

Tuan Pengerusi: Kita akan masuk di bawah undang-undang kontrak berkenaan perkara itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada kontrak!

Tuan Pengerusi: Undang-undang kontrak, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ia secara mulut.

Tuan-Pengerusi: Ya?

Tuan Lim Guan Eng: Semuanya secara mulut!

Tuan Pengerusi: Secara mulut pun masuk dalam undang-undang kontrak.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi akan dinafikan dan tidak ada saksi kerana kebanyakan sudah meninggal dunia.

Tuan Pengerusi: Ya, ia pergi kepada De-control Tribunal pun ...

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi tanpa fasal ini, Tribunal Penyahkawalan tidak ada kuasa untuk membincangkannya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila. [Ketawa]

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa yang ingin ditambah melainkan mengatakan bahawa De-control Tribunal di bawah undang-undang ini tidak ada kuasa untuk menguruskan perkara selain daripada sewa dan hal-hal berkaitan dengan mendapat kembali milikan kosong.

Tuan Pengerusi: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan Fasal 11(1)(a) yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 11 -

Tuan Pengerusi: Fasal 11(2).

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa Fasal 11(2) dipinda dengan ditambah lagi satu ayat seperti berikut:-

"Fasal 11(2) Notis ini hanya boleh disampaikan sekiranya sipenyewa telah diberikan keutamaan atau prioriti pertama untuk membeli premis tersebut ataupun menyewa semula premis tersebut dengan kadar sewa baru serta telah menolak tawaran tuan rumah."

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan ini kerana memandangkan bahawa sebaik sahaja tempoh peralihan luput pada 1 Januari 2000 di bawah Fasal 11(3) tuan rumah berhak memaksa pindah penyewa dengan memberikan notis dalam masa tiga bulan. Oleh itu, pihak kerajaan harus memberikan keutamaan kepada penyewa membeli bangunan tersebut kalau tuan rumah hendak menjualkannya dengan harga pasaran atau diberikan keutamaan menyewa semula bangunan tersebut dengan harga sewa nilai pasaran di mana keduanya ditetapkan oleh Tribunal Penyahkawalan.

Tuan Pengerusi, saya menimbulkan pindaan ini kerana ada dua keadaan yang boleh timbul iaitu:-

Pertama, apabila timbul perasaan atau perhubungan yang tidak baik di antara tuan rumah dan penyewa dan apabila ini berlaku, sebaik Akta Kawalan Sewa ini berkuatkuasa, tuan rumah mahu memaksa penyewa itu berpindah dan tidak mahu menjualkan pun rumah itu atau menyewakannya sungguhpun dengan harga pasaran, oleh kerana mereka telah menduduki di kawasan itu begitu lama, saya rasa kita harus memberikan pertimbangan.

Kalau mereka hendak menjualkan dengan harga pasaran yang dianggap munasabah oleh Tribunal Penyahkawalan, mereka harus diberikan prioriti.

Dan juga dalam keadaan kedua, di mana oleh atas alasan-alasan tertentu tuan rumah mahu menjualkannya atau ingin menggunakan rang undang-undang ini untuk memaksa pindah sipenyewa atau menggunakannya semula untuk sesuatu tujuan, tentu sekali kalau beliau hendak berniaga ini merupakan haknya, tetapi kalau beliau hendak menjualkan kepada pihak lain, itulah tujuannya atau kalau ingin menyewa kepada mana-mana pihak, saya rasa dengan menetapkan satu kadar sewa yang terlalu tinggi pun tidak munasabah dan apakah kadar sewa pasaran yang munasabah saya rasa haruslah ditetapkan oleh Tribunal Penyahkawalan.

Kita tidak mahu satu keadaan di mana apabila tuan rumah menetapkan harga sewa yang dua kali ganda lebih tinggi daripada harga pasaran supaya mereka dapat memaksa pindah sipenyewa. Saya rasa ini akan menimbulkan keadaan di mana penyewa akan dimangsakan.

Oleh sebab itu, saya rasa kita harus ada satu mekanisme di mana sipenyewa boleh mengadu kepada Tribunal Penyahkawalan apakah satu kadar atau tahap sewa pasaran yang munasabah ataupun harga jualan premis tersebut mengikut harga pasaran yang munasabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di bawah Fasal 11(2) seperti yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu, sekarang terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya dengan pendek sahaja hendak menghuraikan kerana mengikut pengalaman saya di kawasan-kawasan saya biasanya kalau satu rumah ataupun satu tanah di atasnya ada penyewa apabila tuan punya hendak mengambil balik dan menjualkan kepada pihak yang ketiga maka timbul masalah. Masalah penyewa tidak mahu pindah kerana tidak diberi keutamaan atau priority untuk membeli mengikut harga yang munasabah, mengikut harga pasaran.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, sebab itulah untuk mengelakkan masalah seumpama ini patutlah kita menerima pindaan ini dan tuan punya memberi keutamaan kepada sipenyewa untuk membeli rumah

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.,

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Tadi semasa kita membahaskan pindaan ini dia bangkitkan masalah yang menyewa ini orang miskin, tetapi sekarang ini saya nampak tadi dia bangkitkan pengubahsuaian RM60,000, sekarang hendak beli bangunan ini mungkin beratus ribu ringgit. Jadi, di mana miskinnya orang ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bukan semua yang miskin ada yang mampu juga. Bukan semua yang miskin kerana dia ada eksploitasi, saya telah sebutkan tadi, eksploitasi itu dua hala, eksploitasi oleh tuan punya ataupun eksploitasi oleh pihak penyewa sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam, ada eksploitasi.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan!

Dr. Tan Seng Giaw: Bukit Mertajam? Itu masalah kita hendak memberi keutamaan kepada penyewa yang mampu supaya ...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Chong Keng: Minta jalan!

Dr. Tan Seng Giaw: Apa 'bukit' hendak bangkitnya?

Dr. Tan Chong Keng: Ada! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong katakan penyewa ingin membeli rumah ataupun bangunan terkawal itu, tetapi dia mesti ingat penyewa itu sudah membayar sewa yang rendah selama 30 tahun ini, dia sudah pun eksploitasikan pemilik rumah sepanjang masa ini. Sekarang dia hendak paksakan pemilik itu jual kepada dia lagi. Saya rasa ini adalah satu kes double eksploitasi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, seperti biasalah, 'bukit' tidak boleh naik bukit kerana dia tidak begitu faham masalah. Tidak tajam jugalah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, maksud saya ialah bagi penyewa yang mampu, bukan semua tidak mampu, kalau dia duduk dua generasi memang ada daripada yang miskin juga yang mampu. Saya tidak kata yang tidak mampu, yang tidak mampu perlu kita beri perumahan alternatif seperti rumah kos rendah ataupun sederhana rendah untuk dipindah. Bagi yang mampu, yang hendak membeli, kita beri keutamaan bukan dia beli dengan kadar yang rendah, cuma kadar bayaran yang munasabah, yang ditetapkan oleh Tribunal Penyahkawalan. Itu sahaja, kita cuma membantu Tribunal supaya boleh menjalankan tugas dengan licin.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, memang tujuan cadangan itu baik tetapi kita mengamalkan sistem ekonomi bebas. Kerajaan tidak berhak ataupun tidak bercadang memaksa pemilik premis melakukan sesuatu. Selepas tempoh peralihan isu jual beli ataupun penyewaan premis hendaklah dirundingkan antara pemilik dan penyewa seperti bagi bangunan-bangunan lain yang tidak terkawal.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan Fasal 11(2) sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 11 dan 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 -

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan satu Fasal baru yang dinamakan Fasal 13 seperti berikut:-

Pertama, tabung penyesuaian perumahan sebanyak RM1.5 bilion akan ditubuhkan untuk membina rumah dan memberikan rumah alternatif kepada sipenyewa. Tabung ini akan diuruskan oleh satu lembaga yang dipengerusikan oleh menteri dan semua wakil kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, adalah perlu Kerajaan Pusat menubuhkan satu tabung penyesuaian perumahan sebanyak RM1.5 bilion ini untuk membina rumah dan memberikan perumahan alternatif untuk 60,000 buah keluarga yang perlu mencari rumah menjelang 1 Januari 2000. Tempoh peralihan selama tiga tahun

untuk membolehkan penyewa yang terjejas mencari rumah adalah tidak bermakna langsung sekiranya kerajaan gagal menjalankan satu projek pembangunan perumahan untuk penghuni yang terjejas.

Kegagalan sedemikian akan memaksa penghuni yang terjejas berpindah keluar ke kawasan pedalaman kerana kekurangan bekalan perumahan dalam kawasan bandar dan harga tinggi rumah dan sewa. Jadi, kegagalan kerajaan menjalankan projek perumahan sebenarnya merupakan satu dasar penempatan semula yang tidak adil dan tidak saksama di mana golongan miskin akan dipaksa berpindah ke kawasan luar bandar dan hanya golongan kaya-raya yang mampu tinggal di kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, sungguhpun pihak kami menyokong dari segi prinsipnya Akta Kawalan Sewa haruslah dimansuhkan tetapi kalau semua peruntukan ini telah ditolak, ini bermakna bahawa hak-hak sipenyewa tidak terjamin. Kita tidak boleh menyatakan kerana mereka telah menikmati kadar sewa yang begitu rendah malah ini sudah tiba masanya bahawa kita menganaktirikan atau mengabaikan hak-hak sipenyewa.

Dengan itu, Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) ini tidak bermakna selagi kepentingan sipenyewa tidak dapat dijaga dan dibela dan saya rasa sungguhpun saya menyokong hasrat memansuhkan Rent Control Premises di kontrol mereka tetapi ia haruslah selaras dengan jaminan-jaminan khususnya kepada sipenyewa yang miskin, ini adalah sangat penting kerana Tuan Pengerusi pun tahu bahawa dalam banyak kawasan bandar seperti di kawasan pilihan raya saya, ada banyak sipenyewa kecil yang miskin, yang mereka tidak tahu di mana mereka akan mencari tempat tinggal sebaik sahaja akta ini dilaksanakan.

Tentu kerajaan telah menyatakan mengikut rancangan yang sedia ada, yang sedang berjalan, mereka akan menyediakan rumah. Tetapi seperti yang sedia dimaklumkan oleh semua ahli Parlimen di sini, pada masa sekarang dengan harga rumah yang begitu tinggi adalah tidak mungkin mereka mampu membeli rumah dan sekarang pun tanpa sebarang perancangan pembangunan perumahan yang baru. Sekarang kalau hendak membeli sebuah rumah kos sederhana RM50,000, kita terpaksa membayar duit kopi RM50,000. Ini telah menjadi satu budaya di bandar raya besar seperti Kuala Lumpur.

Saya rasa kalau pihak Yang Berhormat Menteri ingin menafikan perkara ini, ini merupakan bahawa

dengan izin, he is rejecting reality, macam duduk di Ivory Tower dalam kementeriannya. Oleh sebab itu, saya ingin membuat rayuan bagi pihak golongan miskin khususnya, mungkin mereka bukanlah kumpulan yang besar, saya tidak tahu apa angka terbaru yang akan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi dahulu dia ada berikan angka 50,000 atau 60,000 orang, tetapi sekarang saya tidak tahu apakah angka terbaru. Tetapi kalau mengikut kenyataan yang dahulu ialah 60,000 orang di mana mereka tersangat memerlukan perumahan alternatif dan saya membuat rayuan bagi pihak mereka yang miskin, yang akan menghadapi kesulitan besar mencari rumah di kawasan bandar di mana ruang tanah terhad, peluang membeli rumah tersekat, dalam keadaan sedemikian, kecuali kerajaan mengadakan satu tabung khas untuk mereka mendirikan projek perumahan di kawasan bandar. Saya rasa mereka pasti akan terpaksa dihalau ke kawasan pedalaman.

Contohnya di kawasan pilihan raya saya, Tuan Pengerusi. Apabila projek tambakan laut dijalankan, tidak ada satu projek perumahan atau rumah kos rendah dibina, semua ini untuk orang kaya dan orang asing yang membelinya, seperti peribahasa Melayu 'kera di hutan disusui, bayi dalam rumah nampaknya mati kelaparan'. Saya rasa kita tidak mahu keadaan seperti ini wujud kerana inilah yang sedang berlaku di Melaka, di projek tambakan laut pinggir pantai, semuanya akan diduduki oleh orang kaya raya, orang golongan berada, orang asing dari Singapura, dari negara lain yang mampu atau mungkin setengahnya dari loji penapis minyak PETRONAS yang mampu membelinya. Saya rasa untuk saya duduk di sana, saya pun tidak mampu. Setiap unit RM200,000, RM300,000, macam harga di Kuala Lumpur. Rumah di pinggir pantai macam harga di K.L. dan saya rasa di K.L. lagi teruk. Itulah sebab tanpa satu tabung penyesuaian perumahan ini apa yang sebenarnya berlaku ialah mewujudkan budaya Paris di negara Malaysia. Budaya Paris di mana hanya golongan kaya sahaja yang berhak menduduki di kawasan bandar.

Kalau pihak kerajaan tidak mahu, enggan mengambil atau menerima cadangan saya bahawa perlunya ada satu tabung perumahan penyesuaian kerana kita tidak yakin langsung tentang kemampuan, kebolehan kerajaan membina rumah. Bila sekarang mereka sudah begitu menonjol, begitu terserlah sekali tidak dapat menyediakan rumah untuk rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, kalau kerajaan tidak menerima cadangan ini, saya rasa, saya akan menentang rang undang-undang ini

seungguhpun pada prinsip kita setuju bahawa Akta Kawalan Sewa harus dan perlu, tetapi tanpa jaminan untuk mereka yang miskin, saya rasa, saya tidak akan setuju dengan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka terbuka untuk dibahas sekarang. Bagan

6.50 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu menubuhkan satu tabung penyesuaian perumahan.

Tuan Pengerusi, seperti semua sedia maklum bahawa dalam tempoh peralihan 28 bulan ini satu jumlah bilangan besar bangunan, flat atau rumah-rumah perlu dibina untuk menampung keperluan kepada mereka yang terlibat dalam pemansuhan akta ini. Dengan arahan dan kawalan oleh Bank Negara baru-baru ini iaitu mengehadkan pinjaman wang kepada pemaju-pemaju perumahan, pemaju-pemaju perumahan ini mendapat kesusahan, kesulitan hendak mendapat pinjaman dan juga dengan izin, fund untuk menjalankan projek-projek perumahan mereka dan ini sedikit sebanyak akan melambatkan projek perumahan ini.

Untuk membiayai kesulitan pemaju perumahan menjalankan pembinaan rumah dengan licin, saya mendapati usul ini adalah tepat dan juga Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta satu jumlah RM1.5 bilion. Jikalau tabung ini dapat ditubuhkan, maka menteri dari kerajaan pusat boleh menguruskan segala-galanya dan tidak semesti seperti apa yang diminta oleh Ketua Menteri Pulau Pinang bahawa beliau hendak minta RM100 juta dan mungkin Ketua Menteri dari Melaka juga hendak meminta RM100 juta dan Menteri Besar dari lain-lain negeri juga turut hendak meminta. Jadi, ini tidak akan berakhir.

Pada fikiran saya tabung ini adalah perlu. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

6.53 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, satu sokong satu tabung diperlukan untuk menguruskan semua ini bagi orang-orang

yang benar-benar miskin. Sebab itu di Pulau Pinang ada satu banciaan untuk semua, itu baik. Kita perlu ada banciaan untuk seluruh negara bagi mengetahui bilangan orang yang benar-benar berpendapatan rendah.

Walaupun pihak kerajaan sudah melaksanakan satu sistem pendaftaran terbuka, tetapi kalau tidak ada satu tabung khas untuk maksud ini, masalah akan timbul. Misalnya sekarang, saya pun ada pernah tanya di dalam Dewan yang mulia ini, kalau kos rumah lebih daripada RM25,000 adakah kawalan daripada pihak kementerian? Dan jawapan daripada pihak timbalan menteri ialah tidak ada. Yang lebih daripada RM25,000 seunit tidak ada kawalan langsung, ia terserah kepada pasaran.

Tuan Pengerusi, di Pulau Pinang sekarang kalau kita hendak cari rumah kos rendah RM25,000 satu unit itu mustahil, sekurang-kurangnya RM50,000 dan di Wilayah Persekutuan RM60,000 dan Melaka pun RM50,000 saya ingat dan juga seterusnya di Perak dan Johor. Di Johor kalau tidak RM60,000 tidak dapat, RM25,000 di kampung, mungkin, tetapi rumah-rumah di bawah Akta Kawalan Sewa ini di bandar, di kampung tidak ada. Ini bermakna semua unit rumah yang akan dibina lebih daripada RM25,000. Kalau macam itu, tidak ada kawalan, terserah kepada pasaran. Sebab itulah saya menyeru supaya pihak kementerian mempertimbangkan hal seumpama ini.

Walaupun tidak akan setuju dengan pindaan menubuhkan tabung, saya setuju kalau semua tabung, ada tiga tabung setakat ini, tabung perumahan untuk termiskin RM600 juta, tabung untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah RM500 juta dan juga tabung pusingan perumahan kos rendah RM2 bilion dan jumlahnya lebih RM3 bilion sudah pun diperuntukkan dalam masa tiga tahun ini untuk tabung-tabung tersebut. Tetapi saya nampak seruan daripada Yang Berhormat Menteri pada bulan Januari, kalau tidak silap saya, supaya pihak kerajaan-kerajaan negeri meminta daripada tabung pusingan perumahan kos rendah ini supaya mendapatkan wang.

Jadi, saya fikir, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tidak akan dapat menjamin semua yang miskin ini dapat rumah, tambahan pula kerana serahkan kepada pasaran, wang kopi, wang bawah.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gerik bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Gerik tidak setuju dengan.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Yang Berhormat sebut nama saya, jadi saya.....

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Gerik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tadi sebut Timbalan Menteri, jadi saya kena bangun hendak tanya sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik juga. Di dalam *Hansard* kita boleh bacalah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong, kerana apabila beliau menyebut rumah bawah daripada RM25,000 seolah-olah mereka yang tinggal di rumah yang sewanya dikawal ini semuanya miskin. Kita hendak bina rumah RM25,000 ini untuk mereka yang miskin. Adakah mereka yang miskin ini mereka yang tinggal di rumah kawalan sewa itu lebih miskin daripada yang miskin ini? Ini yang kita hendak bina RM25,000 ini pun di Kuala Lumpur sudah tidak dapat kerana harga rumah di Kuala Lumpur lebih daripada RM25,000 rumah murah, mungkin kita hendak timbangkan, mungkin dinaikkan. Itu sebab di Kuala Lumpur kita tidak jual rumah, kita sewakan dengan kadar RM124 kerana kita tahu rumah di Kuala Lumpur tidak ada yang RM25,000. Jadi, bila Yang Berhormat minta supaya rumah dibina RM25,000 dalam bandar untuk mereka ini, adakah mereka ini lebih miskin daripada orang miskin yang kita hendak beri pembelaan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di dalam bandar mustahillah kita hendak rumah kos rendah RM25,000, kita mesti realistik, itu saya tidak menafikan. Cuma saya cadangkan, saya setuju dengan menubuhkan satu tabung untuk mengelakkan masalah seumpama ini kerana tidak boleh kita adakan rumah kos rendah semurah itu, sekurang-kurangnya RM60,000. Apabila dikuatkuasakan rang undang-undang ini kelak, mungkin RM70,000 ataupun RM80,000, sebab itu kita perlukan tabung khas untuk maksud yang disebutkan tadi. Tambah pula ada wang kopi under-the-table. Wang kopi itu bukan kecil amaunnya, RM10,000, RM15,000. Kalau unit kos sederhana rendah itu RM60,000 ditambahkan RM15,000 ataupun RM10,000 memang RM70,000 ataupun RM75,000.

Sebab itulah kalau kita adakan tabung khas yang dikuasai oleh kementerian di Pusat, Yang Berhormat Menteri boleh tetapkan, kita tidak boleh terima wang

kopi. Semua orang yang dimasukkan di dalam sistem pendaftaran yang terbuka ini ada dimasukkan di situ tidak payah bayar wang kopi ataupun wang yang lain. Itulah yang dimaksudkan oleh pihak kami untuk mengadakan satu tabung khas bagi semua orang yang miskin, bukan yang pura-pura miskin tetapi yang miskin. Itu sahaja yang dimaksudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Bendera.

7.00 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cadangan RM1.5 bilion tabung ini bukanlah satu idea yang baru. Ia selalu hendak tiru, macam copycat dan upmanship kerana tadi Ketua Pembangkang, kerana kerajaan cadangkan 28 bulan dia mesti cadangkan 60 bulan. Jadi, sekarang Ketua Menteri Pulau Pinang sudah cadangkan RM100 juta jadi upmanship, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mesti tambah lagi RM1.5 bilion. Jadi, ini memang selalu jadi satu.....

Dato' Azmi bin Khalid: Saya boleh tanya tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Bukit Bendera, yang pembangkang ini dalam akta ini bertanya, menyoal, berhujah, cadangkan pindaan-pindaan, adakah ini ada kaitan dengan pilihan raya yang sedang dijalankan, sedang berlaku sekarang ini di Teluk Intan. Adakah untuk mendapat publisiti?

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau kita mengkaji sejarah DAP, DAP memang tidak ada tujuan lain. Kalau tidak buat publisiti mesti tak akan sehingga masalah rakyat, kesusahan rakyat pun menjadi modal kapital kepada DAP. Itulah tujuan DAP. Jadi.....

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Buat keputusan sendiri, jangan dengar pandangan atau cadangan orang lain, mesti ada 'tulang'. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyentuh berkenaan tajuk ini berkaitan dengan pilihan raya kecil di Teluk Intan, tidakkah Yang Berhormat dari Bukit Bendera sedar bahawa rang undang-undang ini telah dibawa ke Dewan ini sejak dua minggu yang lalu dan pencalonan di Teluk Intan hanya satu

minggu yang lalu sahaja. Bukankah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bersetuju dengan saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen cuba hendak mengaut satu isu yang bukan-bukan di dalam Dewan yang mulia ini sahaja? Itu yang pertama.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi ada berkata bahawa idea-idea daripada pihak pembangkang ini adalah copycat kerana Ketua Menteri Pulau Pinang telah meminta RM100 juta, itu saya ingat walaupun adalah satu permintaan, tetapi adakah kementerian atau Menteri bersetuju untuk hendak memberi? Semalam di dalam Dewan yang mulia ini saya telah bertanya kepada menteri tetapi menteri tidak memberi jawapan dan oleh kerana hendak membantu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang tidak berani membangkit atau mencadangkan usul-usul yang bernas seperti Yang Berhormat dari Bukit Bendera tidak berani mencadangkan dan pihak kami membantu tetapi sehabis kami membantu mencadangkan pihak di sebelah sana yang tidak berani membangkitkan pula hendak membantah, bukankah ini Yang Berhormat dari Bukit Bendera, satu prinsip yang tidak betul, satu prinsip yang.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [Berbahasa Cina]

Tuan Lim Hock Seng: Itu kena minta pada dia dahulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Yan, nanti dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak minta penjelasan daripada siapa? [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Lepas ini Menteri jawabkah? [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay. [Ketawa]

Seorang Ahli: Tidurlah dia. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [Berbahasa Cina][Ketawa]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bahasa lain itu tidak dibenarkan.

Seorang Ahli: Bahasa kesat lagi, tidak ada standardlah.

Tuan Lim Hock Seng: Bahasa lucu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik, itu bukan bahasa lucu, saya kata saya baru masuk sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia orang ini, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, saya minta penjelasan dari Bukit Bendera, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat bersetuju, Kerajaan Barisan Nasional ini dia prihatin fasal orang susah, fasal hendak beri kemudahan kepada orang susah dan sebagainya. Ibarat kata Hokkien, Tuan Pengerusi, dengan izin, *[Berbahasa Cina]*.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Apa maksud dia?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Maksud dia kalau kita buat baik orang balas dengan baik, kalau kita buat tidak elok, orang balas tidak elok. Sebab itulah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia buat tidak elok mahkamah hukum dia tidak elok. *[Ketawa]* Jadi, jangan buang masa, Tuan Pengerusi, ini banyak bil lagi hendak dibahas. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat dari DAP ini kena fahamlah sikit, Yang Berhormat dari Bukit Bendera setuju tidak? *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Saya memang setuju..... bahawa bahasa Tionghua lebih cekap daripada DAP. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, kerana ada beberapa penjelasan yang perlu dijelaskan, saya ingin kata di sini bahawa penggunaan tajuk Akta Kawalan Sewa ini dikempen pilihan raya kecil di Teluk Intan pun bukan satu idea yang baru, barulah Ketua Pembangkang, Ketua DAP sudah mengambil kesempatan menggunakan idea atau mengatakan idea yang diberikan oleh Timbalan Menteri itu boleh digunakan dalam pilihan raya kecil di Teluk Intan. Sebenarnya dia hendak cari kesempatan ini, ini memang ciri-ciri opportunist dan yang kedua ciri-ciri yang saya katakan ialah upmanship itu, itu macam ciri kata orang Singapura 'Kia Su' - tidak mahu kalahlah. Kalau 28 bulan dia mesti upmanship 60 bulan, kalau RM100 million mesti upmanship RM1.5 bilion. Jadi, memang senang hendak

cadangkan tabung, kenapa dia cadangkan RM5 bilion, kenapa tidak cadangkan RM10 bilion? Macam duit jatuh dari langitlah. Jadi, kalau permintaan RM100 million oleh Ketua Menteri Pulau Pinang ini tidak diluluskan, bagaimana DAP hendak mencadangkan angka RM1.5 bilion ini? Memang ini tidak apa. Jadi, dia kata saya tidak berani, semua orang tahu, semua cabaran yang diberi oleh DAP saya mengakui atau menafikan. Saya tidak lari. Jadi, saya mengakui bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang pun ada mencadangkan supaya lima tahun itu lebih baik. Jadi saya ada mengakui, saya tidak lari. Jadi, yang besar sekali bukan macam DAP, ceramah yang diadakan di Pulau Pinang pada hari Sabtu yang lalu, sehingga sekarang Ketua Pembangkang pun sudah masuk masih membisu tentang hal ini di mana DAP kata bahawa penangguhan Akta Kawalan Sewa adalah kerja-kerja Ahli Parlimen DAP. Jadi, Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Hock Seng: Minta penjelasan satu kali lagi.

Tuan Chia Kwang Chye: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri, teruskan.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya, teruskan ya. Jadi, saya akan gulung dengan kata macam ini - sebab dana yang telah ditubuhkan oleh kerajaan sebanyak RM600 million itu adalah untuk pembinaan rumah dan dikhaskan untuk orang miskin dan tidak mengira sama ada orang atau keluarga itu terbabit oleh AKS. Mengikut pendapat saya dana pun boleh digunakan, jadi tidak payah mengadakan satu dana lagi untuk membina rumah. Jika kita menerima cadangan DAP, RM1.5 bilion ini dan campurkan dengan dana Kerajaan Pusat, mungkin lebih daripada RM1 bilion. Mungkin kita boleh membina rumah dan rumah itu saya boleh jamin memang kosong sebab terlalu banyak rumah yang di bina sebab mengikut tabung yang dicadangkan dan campur dengan tabung yang sedia ada oleh kerajaan.

Jadi, ini memang satu cara politik, cara gimik sahaja, publisiti. Jadi, oleh kerana DAP tidak mahu faham atau tidak terima fakta yang saya kata itu tadi bahawa di Pulau Pinang pada tahun 1995 itu melalui MoU yang ditandatangani dengan 47 pemaju, lebih daripada 50 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah akan dibina dan 50,000 unit perumahan, jadi 50,000 okay. Oh, minta maaf,

terima kasih lagi satu cikgu bahasa, minta maaf, terima kasih. Lagi silap, kesilapan saya mengakui memanglah. Tetapi, ini tidak menambah pembinaan rumah kos rendah dan sederhana dalam projek Pelabuhan Jelutong kerana Lebuhraya Jelutong walaupun adalah satu projek yang akan mengatasi masalah kesesakan jalan di Pulau Pinang tetapi dalam projek ini Kerajaan Pulau Pinang telah mensyaratkan pemaju bahawa lebih daripada 5,000 rumah kos rendah dan sederhana rendah akan dibina dalam projek ini dan kalau tambah ini semua saya yakin bahawa kita ada rancangan, kita ada projek, kita ada cara-cara untuk mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh keluarga yang terbabit dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang saya rasanya sama ada tidak faham atau kecuali tidak mahu faham tentang tujuan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat, sepertimana yang diputuskan tadi oleh Tan Sri Speaker, walaupun Yang Berhormat memang berhak berucap lagi lebih daripada sekali, tetapi Yang Berhormat tidak ada hak hendak jawab butir-butir yang dibangkitkan oleh ahli-ahli yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa saya hanya menimbulkan hujah-hujah yang sama kerana ini adalah usul yang beliau bahaskan mengenai tajuk yang sama dan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi nampaknya mungkin sebagai mukadimah, Yang Berhormat cuba hendak sahut ataupun hendak jawab apa yang dibangkitkan oleh beliau?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sebagai pencadang saya ingin menjelaskan usul saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat sebagai pencadang tadi sudah

Tuan Lim Guan Eng: Ya, pencadang tetapi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:diberi peluang untuk mencadangkan dengan hujah-hujah.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dan sekarang ini kalau Yang Berhormat bangun.....

Tuan Lim Guan Eng: Untuk berhujah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:dengan kemahuan hendak berucap, saya bagi tetapi bukan hendak jawab. Ini cukup jelas Yang Berhormat. Tadi Tan Sri Speaker sudah cakap.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Tan Sri tidak memberhentikan mana-mana.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, sepertimana juga yang diputuskan tadi ditujukan kepada Tanjong tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi semasa saya mencadangkan pindaan terhadap usul atau draf pindaan dengan mengemukakan satu fasal baru yang saya namakan Fasal 13, ini adalah satu fasal yang sangat penting sekali kalau kita hendak berikan makna kepada Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan). Selagi tidak ada satu tabung penyesuaian perumahan, semua janji-janji manis yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, baik kerajaan negeri sama ada di Pulau Pinang ataupun di Melaka, tidak bermakna langsung dan di sini saya amat kesal ada suara-suara terpesong atau suara-suara yang tidak faham atau yang sengaja tidak faham di mana mereka berani membuat cadangan di luar tetapi apabila masuk ke dalam Dewan ini mengambil pendirian yang sebaliknya.

Saya rasa kita tidak harus ada double standard dalam perjuangan politik tetapi apa yang berlaku ialah apabila kita mencadangkan satu tabung penyesuaian perumahan, ada orang cakap ini adalah pernah diutarakan dan saya hendak menyatakan di sini bahawa tabung penyesuaian perumahan telah dicadangkan oleh saya tiga tahun yang lepas secara bebas tetapi kalau ada pihak-pihak lain seperti Ketua Menteri Pulau Pinang yang ingin berhasrat menyokongnya, kita mengalu-alukannya tetapi apabila kita bersedia dengan cara yang membina, bekerjasama baik dengan Ketua Menteri Pulau Pinang ataupun cadangan Ahli Parlimen Barisan Nasional, mengapa mereka tidak berani mengambil tindakan susulan, menyusulinya dengan menyokongnya secara konkrit, jangan secara mulut sahaja - secara tindakan, though you must practise what you praise, dengan izin, Tuan Pengerusi, bukanlah hanya memberikan kata-kata manis dan omong-omong kosong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa Yang Berhormat hanya boleh membangkitkan apa yang bersabit dengan cadangan pindaan dan bukannya bercakap dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itulah sebabnya saya ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawa kalau mereka harapkan tabung perumahan yang sedia ada, memang tidak mencukupi. Ini patut dikhaskan untuk sipenyewa tanpa pengkhususan, tanpa pemberian satu tabung khas semua perancangan tidak akan berhasil langsung. Yang Berhormat Menteri tadi sendiri mengakui bahawa dalam perancangan pembinaan rumah kos rendah, hanya tercapai 76%, ini pun tidak sampai 100% dan permintaan untuk rumah kos rendah masih naik melambung tinggi dan kalau kerajaan negeri sepatutnya buat, sepatutnya pendaftaran yang mereka buat sekarang dijalankan sebelas tahun yang lepas, disebutkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri, mereka sudah lambat sebelas tahun dan sekarang pula Ketua Menteri Pulau Pinang cakap macam jaguh pembela sipenyewa, bila kerajaan negeri - Gerakan telah gagal menjalankan tugas sebagai kerajaan yang berjiwa rakyat, sebenarnya telah gagal tanggungjawabnya untuk mempertahankan hak rakyat dan sebarang cosmetic operation.....

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Azmi bin Khalid: Bolehkah minta penjelasan, kawan saya dari Kota Melaka. Kalau kerajaan yang memerintah Pulau Pinang gagal memerintah dan menunaikan tanggungjawab, apakah sebabnya pilihan raya 1995 DAP kalah teruk di Pulau Pinang?

Tuan Lim Guan Eng: Saya pun hendak bertanya balik, kalau begitu apabila saya menang di Kota Melaka, mengapakah Peguam Negara mesti membuat 'selective prosecution' untuk menghabiskan kerjaya politik saya?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita hendak bertanding, fight to win the post, fight in the election.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jawablah soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Biarkan rakyat putuskan. Janganlah gunakan cara....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng:yang tidak berdemokratik dan tidak beretika ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Dia yang cari fasal. Itulah dia cari fasal. Sekarang kena baru tahu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi pun akan nasihatkan mereka jangan cari fasal.

Itulah sebab apabila kita membuat perancangan pindaan ini, dengan izin, kita adalah membuat.....*[berbisik dalam bahasa Cina]* 'remedial' bagi pihak kerajaan negeri.

Seorang Ahli: Tak tahu cakap, duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: 'Remedial'.

Seorang Ahli: Tak tahu cakap, duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Ini tidak berapa tepat, tetapi memperbetulkan. Bahasa dalam Mandarin lebih tepat, tetapi tidak dapat terjemahan. Cuba membetulkan kegagalan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerana memang rancang RM100 juta tidak dilayan langsung. Kita rancang RM1.5 bilion, bukan untuk negeri Pulau Pinang sahaja, tetapi seluruh negeri, kerana ada 60,000 buah...

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gerik bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya kesal kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi mengatakan RM100 juta yang dicadangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang tidak dilayan langsung. Di manakah beliau baca, tidak dilayan langsung ini? Saya rasa kalau kita balik kepada statement surat khabar yang kita baca dahulu, mula-mula Pulau Pinang minta supaya tempoh peralihan lima tahun. Lepas itu Pulau Pinang melalui Ketua Menterinya mencadangkan kalau boleh hendakkan RM100 juta untuk mengatasi masalah ini. Dan selepas itu kita baca dalam surat khabar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri balik ke Pulau Pinang, diadakan mungkin pertemuan informal ataupun formal antara kedua pemimpin ini, lepas itu tidak timbul lagi perkara-perkara ini dalam akhbar. Jadi, tidakkah terfikir oleh Yang Berhormat bahawa di Pusat, Barisan Nasional memerintah, di Pulau Pinang Barisan Nasional memerintah, tidak mungkinkah ada satu

persetujuan ataupun kata perbincangan di antara kedua pemimpin ini. Takkanlah permohonan RM100 juta daripada Pulau Pinang tidak disebut pun ditolak, dalam akhbar, tetapi beliau menggunakan perkataan 'ditolak'.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kesahihan atau 'effectiveness', keberkesanan arahan Kabinet. Kalau arahan Kabinet bahawa semua rumah kuota bumi yang tidak boleh dijual selepas enam bulan dikeluarkan pun tidak diikuti, apakah maknanya informal discussion yang berjalan yang kita tidak tahu langsung, yang secara sembunyi-sembunyi, berselindung di belakang, kita tidak tahu langsung. Apakah keberkesanan, apakah maknanya? Itu tidak boleh pakai langsung, itu tidak bermakna langsung kerana semua ini 'political gainmanship, political ploy' untuk menyembunyikan apa yang sebenarnya mereka gagal melaksanakan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kita masih berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Janganlah pergi jauh sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak pergi jauh, saya hanya pergi setakat Yang Berhormat dari Bukit Bendera pergi, di mana apabila beliau tidak disekat, saya hanya pergi ke sempadan itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sempadan itu bukan ditentukan oleh Yang Berhormat sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu, tetapi di sempadan yang dia pergi, saya pergi di situ sahaja dan tidak melebihi itu, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu, saya harap apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, haraplah lebih consistent. Haraplah apabila cadangan dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang boleh diketepikan dengan begitu mudah sekali, di mana sendiri ditegur oleh Yang Berhormat Menteri bahawa patut Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat apa yang mereka gagal buat 11 tahun dahulu. Itulah yang menjadi masalahnya dan parti DAP cuba membetulkan kegagalan kerajaan negeri pimpinan Gerakan. Itulah sebab kita membuat pindaan ini bila mereka telah mengabaikan dan bila mereka telah menyerahkan dan menggagalkan tanggungjawab mereka. Itulah yang menjadi masalah utama.

Tentu sekarang ejekan yang timbul, tetapi adakah Ahli Yang Berhormat sekalian tahu masalah rintihan

tentang sipenyewa kecil. Boleh cakap tahu, tetapi tidak pernah pergi tengok. Apabila saya membuat cadangan, apakah salah usul atau pindaan saya, bila yang mendapat manfaat, yang mendapat publisiti baik kalau ia diluluskan bukan saya, tetapi Yang Berhormat Menteri yang akan mendapat kredit, kerana beliau akan menjadi Pengerusi Lembaga dan diwakili oleh kerajaan negeri. Ini adalah penting untuk membolehkan sipenyewa kecil atau sipenyewa mendapat perumahan alternatif. Tanpa sebarang rancangan, apakah jaminan kepada mereka?

Saya telah menyatakan, Tuan Pengerusi, sekarang tak mampu langsung kegagalan kerajaan menyediakan perumahan di kawasan bandar untuk golongan miskin terserlah dengan satu perkataan 'g-a-g-a-l', gagal. Tidak ada lain perkataan untuk menunjukkan kemampuan pihak kerajaan memberikan perumahan di kawasan bandar, bukan di kawasan luar bandar, di kawasan bandar memang tidak mampu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tanpa sebarang perancangan perumahan, saya rasa susah, kita boleh....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, butir-butir yang sama itu telah pun Yang Berhormat jelaskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kerana mereka ini tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebab saya hendak jelaskan kepada mereka. Ini penting, Tuan Pengerusi. Saya pun tidak mahu buat hujah-hujah yang panjang, tetapi ini yang penting kerana tanpa 'remedial' atau 'corrective action' Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) ini tidak bermakna langsung. Dan saya telah cakap kalau semua cadangan ini kita cadangkan untuk kebaikan semua pihak, baik tuan rumah atau penyewa tidak dimasukkan, saya rasa tidak ada pilihan lain sungguhpun dari segi prinsip kita menyokong pemansuhannya, saya akan menentang rang undang-undang. Sekian.

Tuan Pengerusi: Seremban.

7.21 mlm.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian untuk membahas. Saya tidak setuju untuk mewujudkan khususnya untuk sebanyak sejumlah RM1.5 bilion.

Tetapi saya setuju bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan apa jua rancangan yang difikirkan perlu. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri bukan cuma hendak jadi Pengerusi Lembaga dan dengan itulah terima cadangan untuk mewujudkan satu tabung RM1.5 bilion. Saya rasa Yang Berhormat Menteri memang seorang yang bertanggungjawab, apa yang dirasakan bertanggungjawab adil, akan dilaksanakan. Jadi, saya tidak setuju.

Sebenarnya cara Yang Berhormat dari Kota Melaka cadangkan dan nada dia katakan memang rasa sakit telinga. Saya pun tidak tahan untuk dengar. Jadi, nasihatkanlah beliau cakap baik-baik, kalau hendak cadang, cadang baik-baik, jangan macam orang bergaduh. Cakap macam saya, tenang, cakap steady, macam Bukit Bendera, macam lain-lain Yang Berhormat rakan-rakan dari Barisan Nasional. Tujuan jelas, dia cadangkan RM1.5 bilion ialah untuk sengaja mengemukakan satu cadangan, dan dengan jelas memang tahu bahawa cadangan ini akan ditolak, lepas itu dia akan pergi luar cakap, 'tengok, saya telah cadang kepada Dewan yang mulia ini untuk meluluskan sebanyak RM1.5 bilion, tetapi semua Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak menyokong, termasuk UMNO, MCA, MIC dan sebagainya.

Sebenarnya Yang Berhormat tidak tahu atau sengaja tidak tahu pihak kerajaan sejak beberapa tahun yang sudah, 10, 20 tahun yang sudah telah memulakan buat rancangan rumah rakyat. Sebelum Yang Berhormat jadi wakil rakyat, kerajaan telah mula untuk menyediakan begitu banyak wang, untuk menyediakan rumah kos rendah atau rumah rakyat kepada golongan yang miskin. Fasal itu semalam saya cakap semua yang dikatakan oleh ahli-ahli dari pembangkang itu cuma satu perkara sahaja ialah 'kerajaan tidak sayang orang yang miskin.' Itu sahaja dia hendak fokus. Beberapa jam dia cakap, itu sahaja yang dia hendak fokus.

Jadi, saya berbalik, RM1.5 bilion ini bukan dengan wang boleh selesai masalah. Kita perlu cari tapak, perlu carikan tanah untuk membuat perumahan. Kalau tapak tidak sesuai, wang digunakan apa akan jadi? Jadi, tidak payahlah kita terima cadangan. Saya tidak sokong tentang cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, saya amat menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa cadangan baru ini daripada Kota Melaka memang kita tidak boleh sokong, kerana kita yakin

dengan kecekapan dan kemampuan menteri kita dan pihak Kerajaan Persekutuan dan semua kerajaan negeri, kecuali Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk membina lebih rumah rakyat seperti rumah kos rendah, kos sederhana untuk menempatkan rakyat jelata terutama akibat pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini yang mana mereka memerlukan rumah-rumah sama ada rumah kediaman atau rumah kedai.

Saya percaya dan yakin bahawa dengan pemansuhan ini, pihak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri memang ada rancangan menyeluruh untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah-rumah kos rendah, kos sederhana dan rumah kedai.

Saya berikan satu misalan seperti di Johor, yang mana lebih 30 pemaju sudah janji dengan pelan-pelan pembangunan mereka sudah diluluskan di Johor Bahru sahaja untuk membina lebih daripada 150 unit rumah kos rendah dan kos sederhana. Tiap-tiap projek itu 50% adalah rumah kos rendah tiga bilik kosnya RM25,000 - 20% dan kos sederhana RM50,000 - 80% dan bakinya 10% untuk rumah kedai kos rendah. Ini adalah satu bukti bahawa pihak kerajaan negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional memang kerja rapat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah ini. Di Johor mengikut senarai, cuma lebih 5,000 rumah lama dibina di bawah Akta Kawalan Sewa ini, tetapi di daerah Johor Bahru sahaja sudah bina lebih 150,000 rumah kos rendah, rumah rakyat. Ini satu bukti yang saya percaya lain-lain negeri ikut sama. Sebab itu, saya harap pihak pembangkang jangan buat cadangan ini jadi satu 'political mileage' untuk mereka sahaja. Saya memang tidak sokong cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin terhadap nasib golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, puji-puji ada berkata "*Tidak ada orang yang lebih buta daripada orang yang enggan melihat*". Kota Melaka! Tengoklah projek-projek perumahan di merata tempat di seluruh negara jangan buatlah tuduhan tanpa asas. Pihak yang menolak realiti itu ialah DAP dan Kota Melaka, bukan kerajaan. Saya masih ingat satu peribahasa Kota Melaka macam '*Rambutan jantan berbunga banyak, berbuah tidak*'. Saya rasa itulah gelagat

Kota Melaka. Bagi kerajaan dan bagi objektifnya akta ini adalah cukup adil, kerana kepentingan pemilik premis dan kepentingan penyewa sama-sama diberi perlindungan. Apa yang perlu dibuat sudah pun dirancang dan dibuat oleh kerajaan demi kepentingan semua pihak. Jadi, tabung yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak perlu. Kerajaan yakin tabung-tabung perumahan yang sedia cukup untuk menampung keperluan perumahan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu hendak disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Jadual -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Menyampuk] [Becakap dalam bahasa Mandarin].

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Jadual ini memang penting kerana di dalam 27 bulan ini akan digunakan untuk sewa.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana daripada perhitungan saya tidak dapat angka-angka yang tepat, cuma saya pun tidak tahu macam mana Jadual ini dapat digubalkan, dapat dirumuskan. Misalnya, Tuan Pengerusi, kalau kita gunakan Jadual ini satu bangunan kedai dengan sewa bersih R-RM94.66 sen sebulan (fair-rent). Nilai tahunan RM5,280 dan peratusan kadar tahunan sebagaimana yang ditaksirkan ialah 12.5%. Jika kita ikut Jadual ini nilai sewa bulanan ialah kita boleh dapati M-RM35.20 sen. Kalau M-R jadi RM35.20 sen-RM94.66 sen. Jadi, M-R itu bermakna minuslah! RM59.46 sen dan Tahun pertama sewa itu turun sebanyak RM79.75 sen.

Tuan Pengerusi, jika M-RM35.20 didarab dengan 100, maka tahun pertama sewa bulanan ialah RM951. Tahun kedua RM1,807.33 sen dan tahun ketiga RM2,713.93. Jadi, saya pun hairan juga kerana matematik saya tidak begitu baik, cuma saya cuba sahaja untuk menggunakan sebuah bangunan kedai dengan fair-rent RM94.66 sen sebulan. Saya bangkitkan hal ini sebab saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan semula sama ada jadual ini munasabah ataupun tidak. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu mungkin satu kes yang ekstrem. Jadi, kalau kes macam ini jika ada masalah yang timbul maka kedua-dua pihak bolehlah merujuk perkara kepada De-control Tribunal untuk diselesaikan.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BERSAMA (PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.37 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri. Pada masa ini Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam sama ada tergolong dalam Skim Perkhidmatan Persekutuan atau negeri. Pegawai-pegawai dalam Skim Perkhidmatan Persekutuan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, manakala pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Negeri dilantik oleh sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau Persekutuan mengikut bidang kuasa Suruhanjaya yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam memberikan perkhidmatan yang penting di negara ini dalam menentukan perkembangan dan pembangunan hal-ehwal Islam berada di tahap yang cemerlang, maka suatu usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan tersebut perlulah dilaksanakan. Oleh itu, demi meningkatkan peluang kerjaya Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam tersebut, negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor telah

sama-sama bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan satu perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan perkhidmatan bersama ini mempunyai kelebihan dan kebaikan dalam mempertingkatkan kecekapan dan meninggikan imej pengurusan dan pentadbiran hal-ehwal Islam. Dengan adanya perkhidmatan bersama ini mobiliti pegawai-pegawai akan menjadi lebih baik kerana pegawai-pegawai tersebut boleh memegang jawatan-jawatan sama ada di Persekutuan atau negeri. Peluang kemajuan kerjaya untuk pegawai-pegawai berkenaan akan menjadi lebih baik dan ini boleh mengurangkan kadar perletakan jawatan pegawai-pegawai berkenaan.

Latihan pegawai-pegawai berkenaan akan dapat disepadukan dan dirancang dengan lebih tersusun mengikut konsep pembangunan kerjaya yang berterusan. Di samping itu lebih banyak peluang dibuka kepada pegawai-pegawai berkenaan untuk meningkatkan pengkhususan dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing. Dengan memprojeikkan bidang kerjaya mereka sebagai satu disiplin pekerjaan tersendiri yang mempunyai ciri-ciri profesionalismanya, pegawai-pegawai berkenaan boleh benar-benar merasai dan menyedari sumbangan penting mereka ke arah pencapaian matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju tanpa mengeneipkan pembangunan kerohaniah?

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini dibuat menurut kuasa Perkara 133(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Bahawa:

"(i) Perkhidmatan bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah Negeri boleh ditubuhkan oleh Undang-undang Persekutuan atas permintaan Negeri-negeri berkenaan....."

Rang Undang-undang ini mengandungi 8 Fasal seperti berikut:

Fasal 1 memperuntukkan bagi tajuk ringkas mula berkuatkuasa dan pemakaian. Di peringkat ini, akta yang dicadangkan ini hanya dipakai di negeri-negeri yang tersebut dalam Fasal 1(2) iaitu negeri-negeri yang telah sama-sama bersetuju dan meminta perkhidmatan bersama ini ditubuhkan. Walau bagaimanapun, pemakaian akta ini boleh diperluaskan kepada mana-mana negeri lain melalui perintah Yang di-Pertuan Agong yang disiarkan dalam *Warta* jika terdapat permintaan bagi maksud itu daripada mana-mana negeri tertentu.

Fasal 2 bertujuan mentakrifkan istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-undang.

Fasal 3 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan perkhidmatan bersama tersebut yang dikenali sebagai perkhidmatan bersama bagi Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam. Perkhidmatan bersama ini akan meliputi semua pegawai sedia ada, selain daripada Mufti yang diambil kerja di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam yang telah memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama tersebut dan semua pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan bersama selepas akta yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa.

Fasal 4 memperuntukkan mengenai perlantikan pegawai dan sebagainya selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan kuasa untuk melantik mengesahkan, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai hendaklah terletak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Fasal 5 memperkatakan penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai dalam perkhidmatan bersama. Selaras dengan konsep perkhidmatan bersama ini seseorang pegawai boleh ditempatkan di Pejabat Persekutuan atau negeri atau ditukarkan dari satu negeri ke satu negeri lain atau dari negeri ke Persekutuan dan sebaliknya.

Fasal 6 memperkatakan tentang saraan pegawai-pegawai. Saraan seseorang pegawai hendaklah dibayar oleh Persekutuan atau negeri mengikut mana-mana yang berkenaan, yang di pejabatnya pegawai itu ditempatkan atau ditukarkan.

Fasal 7 bertujuan membolehkan Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau dalam Perkhidmatan Awam satu negeri memilih atau memasuki perkhidmatan bersama tersebut.

Fasal 8 bertujuan memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan ini dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan ini tidak sedikit pun bertujuan menyentuh kuasa pentadbiran dan perundangan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan hal-ehwal Islam. Jika diperhatikan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang, rang

undang-undang hanya menyentuh mengenai perkara-perkara perkhidmatan termasuk perlantikan, pengesahan dalam jawatan, kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai-pegawai.

Penempatan pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan untuk menjawat jawatan-jawatan di negeri memang telah sedia berjalan pada masa ini di beberapa jabatan kerajaan negeri. Akta yang dicadangkan ini tidak lebih dari bertujuan memperluaskan konsep tersebut kepada pegawai hal-ehwal Islam untuk meninggikan imej pengurusan Islam bagi maksud menggambarkan kesyumulan dan keagungan Islam selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju tanpa mengeneipkan pembangunan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri-negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yan.

7.45 mlm.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga tentang hal ehwal agama Islam ini kerana mengutarakan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini memang tidak dapat kita nafikan bahawa pegawai-pegawai di jabatan-jabatan agama ini amatlah 'laih' dari segi

Seorang Ahli: Daif!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, daif ataupun 'laih' orang Kedah kata dari segi skim perkhidmatannya, dari segi personalitinya, dari segi status protokolnya, sedangkan Tuan Yang di-Pertua, agama Islam di Malaysia ini adalah gama rasmi, jadi, kalau pegawai-pegawai agama ini di tahap yang sedemikian, maka mereka sendiri akan merasakan

diri mereka kecil dan kadang-kadang berasa inferior, dengan izin, hendak masuk dalam Majlis pun tak tentu. Kalau bersempang dengan Pegawai-pegawai MCS, pegawai-pegawai tinggi kerajaan bercakap fasal golf, trofi itu, trofi ini. Dia orang ini kayu golf pun tak boleh tengok, yang depa tahu selepas mereka bekerja, kalau di sebelah kampung di Kedah, mereka pergi menebas jaga dusun, itulah Pegawai Agama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan adanya pindaan ini saya mengucap-kan syabas dan terima kasih kerana agama Islam ini agama yang paling suci, agama yang sederhana, agama yang maha adil.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ia menjadi satu bahan pertikaian, bahan persoalan tentang satu-satu undang-undang yang berkait dengan agama Islam ini disebabkan oleh kelemahan pentadbiran itu sendiri. Kadang-kadang kes tuntutan untuk saraan ataupun kes tuntutan isteri ke Mahkamah Syariah itu memakan masa sehingga tiga, empat tahun dan ini amat menyeksa, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah siisteri itu walau macam mana didera pun oleh suami, dia terpaksa tunggu di rumah. Dia hendak lari dia tidak ada tempat, dia hendak pergi kepada siapa? Hendak tunggu sampai suami dia tinggal, saya bukanlah hendak membela kaum wanita, tidak! Tetapi, saya pun kadang-kadang selalu juga melihat, dia 'rimbuk' bini dia itu, Tuan Yang di-Pertua, dia pukul bini dia, bini hendak lari pun hendak pergi ke mana?

Isteri tidak ada kerja, orang Kedah kata 'bini'. Kerja isteri itu menjaga anak, kemudian suami kalau kena pula yang panas berang ini, dia 'katok', hendak pergi ke mana lagi? Dia hendak balik ke rumah ibu bapa dia kadang-kadang sudah jadi anak yatim piatu, teledera apa semua, balik lapor kepada teledera pun, dia jadi macam-macam, lambat, ditanya dan bercerita itu dan ini.

Jadi, ini menyebabkan satu penyeksaan bagi kaum yang lemah yang perlu dibela oleh kita sebagai Wakil Rakyat dalam Parlimen ini mempertahankan kedudukan maruah agama Islam kita. Jadi, pegawai-pegawai ini perlu kita pertingkatkan dari segi kelulusan, kebolehan, hak yang mana berpengalaman beri dia kursus lagi supaya kita dapat memberi satu pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya macam kadang-kadang, saya mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, sahabat kita di Dewan Rakyat dahulu apabila dia menjadi Menteri Besar dilantiknya Mufti sebagai *Ex-officio*, EXCO di dalam Dewan Undangan

Negeri sebagai EXCO Negeri untuk menasihati beliau tentang perjalanan syiar Islam. Walaupun dia ada Legal Adviser tetapi Legal Adviser dari segi perundangan dunia kita, tetapi hak yang di akhirat ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Silakan Tan Sri!

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sila Yan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: : Ya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya hari ini berasa seronok, saya biasa mencadang dalam Dewan yang mulia ini berilah muftikah, Yang di-Pertuakah, duduk dalam Dewan Undangan Negeri sebagai Exco supaya dia menasihati Menteri Besar dari segi Undang-undang Islam, dari segi peraturan-peraturan dan sebagainya. Kita belanja sedikit tidak mengapa. Alhamdulillah! Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan kita, sahabat kita dalam Dewan Rakyat telah membuat perkara seperti ini, saya berasa bersyukur dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kaum ibu ini pun mereka kalau kita berpoligami ini pun bukan dia marah sangat.

Seorang Ahli: Hai!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak! Tuan Yang di-Pertua, ini cerita yang sebenarnya, ialah cemburu itu siapa yang tidak cemburu Tuan Yang di-Pertua? Anak kucing pun cemburu kalau kita katuk anak dia. Tetapi, masalahnya kerana bila suami itu dibenarkan kahwin seorang lagi, kemudian dia sudah tidak jaga hak yang tua ini. Bila hak tua ini hendak tuntutan di mahkamah dengan anak, kadang-kadang sampai setengah dozen, mahkamah mengambil keputusan

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya!

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa seronok dengan istilah yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi. Boleh atau tidak Ahli dari Yan, dia gunakan perkataan 'isteri tua'. Pada saya, kalau orang itu berpoligami, Tuan Yang di-Pertua, ada isteri pertama, kedua, ketiga ataupun keempat. Kadang-kadang yang pertama itu lebih muda daripada yang kedua. [Ketawa]

Jadi, saya mintalah bersetuju atau tidak Ahli Yang Berhormat dari Yan daripada sekarang ini tolonglah jangan kata 'isteri yang tua' atau 'isteri yang muda' gunakan pertama, kedua dan ketiga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Itu, dalam kita dok bela depa, dia marah kita Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Kalau Yang Berhormat bersetuju poligami itu, saya bersetujulah ayat itu digunakan. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, bila kata 'isteri tua' itu di sebelah Kedah sudah macam itu bahasanya, bahasa negeri. Kadang-kadang sama tua, suami itu dia kata sama tua, kadang-kadang bila tua sedikit, dia kata, 'wan hang' bermakna tok wan kepada cucu ini. Itu panggilan suami isteri itu kerana mereka telah ada cucu ini 'wan hang' ini 'nu', siapa mai nu? Ha, dia kata macam itu!

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini istilah di sebelah Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Suami berumur 60 tahun isteri 20 tahun pun dia kata 'sama tua' juga. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua berpengalaman, sudah tentu tahu kot! Orang lama. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kerana masalah ini kita dok baca dalam akhbar, kita dok baca dalam majalah, kebanyakannya disebabkan oleh keputusan dan kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, pembelaan daripada kaum wanita ini di mahkamah ini kadang-kadang dia tidak mahu ambil kira.

Katalah kawan itu dia tinggalkan isteri dia katalah tiga, empat tahun, dia 'nyah' entah pergi ke mana, mahkamah hendak suruh kaunseling ataupun ada badan kaunseling suruh kaunseling hak perempuan ini, perempuan ini hendak kaunseling buat apa, dia dok tunggu suami dia. Itu hak suami dia itu yang sepatutnya dikaunseling yang entah sudah pergi ke

mana? Tinggal anak isteri, tidak ambil tahu fasal pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, MHI hari ini dalam rancangan Jejak Kasih itu, saya dengar cerita itu semuanya kes bercerai, suami tinggal isteri dan anak berterabur. Jadi, hilang pi kemudian jumpa balik, masa itu baru teriak 'ngit-ngit' dalam televisyen. Jadi, kita kena pastikan pentadbiran agama Islam ini diselaraskan satu Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua Yang di-Pertua Majlis Negeri-negeri ini kena terima, hak ini benda baik, kalau mereka tidak terima, mereka tanggung dosa ini, termasuklah yang di atas sekali. Kalau dia tidak terima pindaan yang akan kita buat ini maknanya menyulitkan pentadbiran agama dan akhirnya yang menanggung penderitaan adalah orang Islam itu sendiri, maka keadilan tidak dapat dijalankan dengan baik dan ini tanggunglah dosa ini, tidak tahulah sama ada betul atau tidak betul, tetapi sekejap lagi Yang Berhormat Dato' tolong perbetulkan. Kalau kita tidak boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan adil, dengan saksama maka di akhirat kelak kita akan dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, yang ini saya harap supaya perkara ini diambil dengan secara serius. Kemudian, pegawai-pegawai agama ini pula kita lihat, kadang-kadang pejabat mereka macam daerah. Yan sekarang ini, pejabat mereka lebih kecil daripada bilik rehat Ahli-ahli Dewan Rakyat ini, setengah saiz daripada bilik itu, di situlah kerani, di situlah pegawai kira-kira, di situlah dengan pegawai yang mengutip zakat, kemudian dia sekat sedikit untuk bilik Kadi. Bila ada kes perceraian bergaduh, hendak pergi dengar, depa dok bersembang dengan Kadi ini, hak yang duduk di luar itu pun dengar apa yang berlaku, dia kata semalam fasal apa yang bercerai, fasal apa minta tidak diberi dan macam-macamlah mereka bercerita yang menyebabkan perceraian, jadi, orang semua mendengar perbualan itu.

Jadi, sepatutnya mereka ini menjalankan Undang-undang Al-Quran, tempat dan pejabat mereka kena kemas dan elok menunjukkan ini adalah syiar Islam, agama yang agung, agama yang paling tinggi di dunia, tidak ada agama yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini kita kena buat. Mahkamah Syariah, Tuan Yang di-Pertua pun biasa jadi hakim, mahkamah kita dahulu pun teruk juga, tetapi sekarang sudah elok. Mahkamah Syariah kadang-kadang menumpang di Mahkamah Majistret. Bila Majistret menjalankan kes sivil, mereka tidak boleh masuk - tunggu! Sakni bila sudah habis baru

mereka naik pergi duduk di atas itu pula hendak bicara. Kemudian bila bicara, kes pula katalah saksi seorang tidak hadir dan terpaksa ditangguh, tangguh demi tangguh dan tangguh demi tangguh hak yang ibu tunggal muda ini jadi ranum, masa itu siapa yang datang hendak menyelamatkan dia lagi?

Sekurang-kurangnya kalau setahun bolehlah kita tunggu dan bertahan lagi, ini sampai tiga, empat atau lima, enam tahun dengan anak berderet, yang ini siapa yang hendak menanggung mereka. Nasib baiklah menteri kita ini bagus, kalau tidak dia pun hendak tanggung sama ini, menteri kita ini! [Ketawa] Jangan main-main!

Tuan Yang di-Pertua, fasal dia sebagai menteri yang menjaga hal ehwal agama, dia tidak mahu melihat perkara seperti ini berlaku, jadi, kalau dia tidak bertindak, di akhirat kelak Allah S.W.T. akan soal, ini kawan ini janda sampai sepuluh tahun fasal apa? Tidak selesai kes mahkamah, kacaulah menteri kita. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu pegawai-pegawai ini kita beri kursus. Kemudian, Mahkamah Syariah ini, dia bila jatuh hukum, dia tidak selaras di semua negeri, hak negeri Kedah cara negeri Kedah, hak Perlis cara Perlis. Jadi, dia tidak selaras, bila tidak selaras kacaulah macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena selaraskan macam undang-undang yang ada, kena ikut, maknanya semua negeri sama di dalam negara Malaysia kita ini. Janganlah kalau di negeri Kedah kena setahun, kalau di negeri lain pula kena enam bulan, dia tidak selaras. Kemudian dia tidak ada 'written judgement' yang saya difahamkanlah. Dia hanya beritahu dengan lisan sahaja begitu. Kemudian bila kita hendak 'appeal' kelamkabut.

Jadi, kita kena buat Mahkamah Syariah ini juga sebagai mahkamah yang agung, macam di Saudi Arabia dia pakai mahkamah Islam kita untuk menjatuhkan hukum walaupun hukuman sivil ini.

Jadi, di Malaysia ini kita kena ada biarlah Mahkamah Syariah ini sama taraf kedudukannya kalau boleh tinggi sedikit daripada Mahkamah Sivil kerana yang ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara yang disuruh oleh agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat macam yang saya katakan tadi, banyak kes-kes ibu merana disebabkan oleh peninggalan suami dan sebagainya, hak yang iman kuat, dia pergi kerjalah cari makan. Dia pergilah bekerja membasuh kain di rumah orangkah, dia pergi menjaga anak orangkah, di pergilah bekerja di kilang atau di mana-mana, itu

hak yang kuat imannya. Hak yang iman tak kuat ini, Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ikut cara yang lain. Dia pergi karaokelah, dia jadi GROlah dan macam-macam lagi, maklumlah kalau biasa hidup senang, tahu-tahu bila ditinggalkan oleh suami sudah tiada apa lagi, kawan pun masih hendak hidup senang lagi, dia pergi cari ikut itulah. Jadi, naik celaru. Jadi, yang ini pun masalah sosial jugalah. Bila mereka memilih cara hidup begitu masalah sosiallah. Jadi, kita hendak menyekat masalah sosial itu sekali.

Saya mencadangkan kalau boleh kita adakan tabung. Tabung untuk membantu ibu-ibu yang menghadapi masalah ini sebelum mendapat keputusan mahkamah. Sekurang-kurangnya ibu ini boleh menyambung hidup mereka sekeluarga, kalau tidak - tidak adalah, Tuan Yang di-Pertua, hendak harapkan adik beradik. Bila adik beradik datang, pergilah ke rumah saudara yang itu atau saudara yang ini, setakat sekali sekala bolehlah. Kita hendak tolong pun maklumlah, Tuan Yang di-Pertua, hak yang di rumah pun 'cengeh' juga - tidak upaya!

Jadi, di manalah mereka hendak pergi lagi, Tuan Yang di-Pertua, setakat mana orang dapat menghulurkan sedekah ini? Akhir-akhirnya dia akan jadi celaru dan anak-anak akan jadi celaru. Anak yang bijak pun kalau sudah rumah tangga haru-biru dia akan terganggu fikiran mereka, dia akan jadi celaru dan akhirnya budak ini akan masuk gejala penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang juga akan menjadi masalah sosial balik kepada kita.

Jadi, dalam masalah ini saya mintalah kalau boleh gunakan seperti Baitulmal beri 'advance' dahulu atau macam mana untuk dia hendak menggunakan duit untuk 'engage' lawyer ini, Tuan Yang di-Pertua, lawyer ini untuk hendak 'fight case' untuk dia. Kalau tidak, dia tiada apa, Tuan Yang di-Pertua, dia hendak beri apa? Kadang-kadang ada yang hak susah itu, gelang seurat pun sudah tidak ada lagi, dia hendak beri apa lagi? Jadi, mungkin kita boleh mewujudkan tabung ibu bermasalahkah. Jadi, ibu-ibu yang menghadapi masalah, dia boleh advance daripada tabung ini untuk menunggu keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, saya juga berharap

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh ya, boleh, boleh!

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan dari sahabat saya daripada Yan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan Noh bin Omar: Dia tadi mencadangkan buat tabung. Jadi, ada atau tidak kemungkinan kalau kita tubuhkan tabung ini, semakin ramai pula yang bermasalah kerana mereka memikirkan mereka ada masalah, tabung sudah ada menunggu. Jadi, adakah kemungkinan terjadi demikian? Bila tabung telah ditubuhkan maka semakin ramai pula orang yang minta cerai dan menimbulkan masalah kerana mereka rasa mereka sudah ada tempat untuk bergantung? Nanti, bila telah tabung ini takut nanti seolah-olah kita menggalakkan pula lebih banyak lagi suri rumah ini menimbulkan masalah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, benda baik ini lebih baik ada daripada tidak ada. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang ibu yang ingin menghadapi masalah. Tak ada fasal-fasal hendak pergi bercerai ini buat apa? Tengah dok seronok elok-elok! Betul atau tidak Tuan Yang di-Pertua? Hendak pergi bercerai buat apa? Macam kita balik dibuka hidangan, ada nasi apa semua, kita balik dia bukakan tie kita, macam Tuan Yang di-Pertua sampai la ini, cuba tengok! Pergi kemana-mana pun berdua-duaan! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya melihatnya pun cemburu. Saya beritahu kepada orang rumah saya: "Tengok Tan Sri itu, punya baik, kalau kitalah boleh macam ini!" Dia kata: "Tak apa bang oi, 'kuai-kuai' kita buat macam itu!" Jadi, takkan kita hendak mencari masalah. Orang yang pergi mencari masalah ini memang dia itu bermasalah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau tidak ada tabung ini saya nampak kasihan kepada kaum ibu ini. Jarang isteri menceraikan suami, selalunya si suami yang dia tidak ambil berat, dia tinggalkan isteri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyelarasan. Kadang-kadang bila JAKIM ini interview pegawai, ia bersekali dengan Majlis Agama Negeri, dia rekrut sekali, dibayar duit oleh JAKIM gaji mereka semua. Tetapi bila mai tentang perkhidmatan, hendak tamatkan perkhidmatan, dia tidak refer balik kepada JAKIM, dia terus buat keputusan, kalau hendak tamatkan perkhidmatan orang itu tamatlah. Jadi, sistem yang ini pun kita kena perbetulkan balik kerana ia pelik sebab hal agama Islam ini sama-sama pun depa dok bertengkar, tidak selaras.

Jadi, saya harap kalau boleh macam sekarang ini seperti Kementerian Pendidikan, ia di bawah Kerajaan Persekutuan, jadi senang, guru-guru pun selaras di bawah satu kementerian. Jadi, hal agama ini pun macam itulah, dia kena selaras di bawah satu pentadbiran. Tidak ada masalah. Kalau pegawai di Kedah kita tukar mai ke Kuala Lumpur ataupun ke Sabah, ke Sarawak atau ke manakah, sekurang-kurangnya ini satu pengalaman bagi dia untuk didedahkan kepada tempat tertentu. Mungkin dia biasa di Kedah dia hanya terlibat dalam sektor-sektor tertentu. Kita tarik mai ke ibu pejabat, pendedahan dia lebih luas dan ini memberi pengalaman kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin sarankan bahawa hari ini ramai anak muda kita yang berkelulusan dari segi keagamaan ini depa merasa amat kecewa. Kadang-kadang macam al-hafiz, kalau depa berkhidmat dengan Jabatan Agama Islam berapa sangat duit gaji sedangkan dia ini hafal al-Quran, hendak tunggu bulan puasa sahaja dok heret mai dalam masjid jadi imam sembahyang Tarawih, selepas itu kawan itu balik sualah RM20, RM30 dalam poket, habis-habis tidak ada hendak ambil berkat, ambil dia jadi saksi untuk bernikah, sekali dia angguk, boleh RM20. Laratkah macam itu, Tuan Yang di-Pertua? Ini satu Quran dia boleh hafal. Kadang-kadang kita tengok semasa sembahyang Tarawih itu dia hafal satu juz, satu juz satu malam. Hai, kalau beri kepada saya pun penat. Sungguhpun boleh tetapi penat. [Ketawa] Setakat al-Fatihah hafallah, Tuan Yang di-Pertua. Qulhuallah, Fatihah itu pejamalah, tetapi hal lain pun boleh gagah, cara lekeh-lekeh saya pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap seolah-olah undang-undang ini akan terpakai ke seluruh negeri di Malaysia ini. Pemakaiannya terhad.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta buat satu Malaysia, kalau tidak, celaru. Itu yang saya dok tekan bercakap sangat ini, saya dok tunggu sampai la ni sebab saya hendak minta satu negara, kalau tidak, kacau. Pelik undang-undang ini, hakim mahkamah ini jatuhkan undang-undang ini, kemudian Mahkamah Syariah. Peguam-peguam (lawyer) ini dia tidak boleh, hendak pergi negeri Kedah dia kena daftar pula, dia hendak pergi negeri Terengganu kena daftar pula, jadi saya nampak rasa tidak kena. Jadi, kita minta diselaraskan dari segi pegawai pentadbiran di seluruh negara, jangan diberi kepada satu-satu kawasan sahaja.

Jadi, saya hendak minta kepada kerajaan, bukanlah apa, kerana perkara ini ramai sangat orang sudah bercakap. Macam kutipan zakat, kadang-kadang pegawai zakat hak yang dok kutip dulu itu, bila dicorporatise la ni, dia hendak diswastakan, puak-puak itu tinggal sahaja, sampai tidak beri apa. Dulu dok pergi kutip beras segunikah, setengah guni, puak inilah yang pergi tanggung. Sekarang ini bila hendak diswastakan, ramailah dengan pegawai akauntan itu, pegawai akauntan ini, tertinggal habis puak ini.

Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok guru Quran Tajwid di kampung, kadang-kadang kasihan. Tuan Yang di-Pertua pun tahu sebab datang dari Kedah, duduk dalam kawasan bendang. Baju Melayu teluk belanga depa itu pun kadang-kadang 'bertelau' dok ajar anak-anak kita ini membaca Quran.....

Seorang Ahli: 'Bertelau' itu apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Bertelau' ini dia kira 'blur'. [Ketawa] Naik kelabu, Tuan Yang di-Pertua. Ha, naik bintik hitam-hitam itu, fasal tak sempat basuh, sebab pederas nak cari duit. Kemudian cuba fikir RM300. Penyelia KEMAS RM450, RM500. Penyelia RM1,000 lebih. Pegawai Seranta setakat RM1,000 lebih. Pegawai Penerangan Khas pun RM1,000. Puak ini yang hendak mempertahankan gejala sosial dan sebagainya, cuba fikir, gerak depa naik kadang-kadang kita tengok pun naik kasihan. 'Gerak' ini basikal. Mudguard pun tidak ada, dok harap tayar dengan 'kong' dan seat sahaja.

Cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, benda ini betul, bukan saya nak mai cerita, tidak. [Ketawa] Kayuh hak itulah sampai dekat masjid, sandar macam itu sahaja, bukan ada tongkatnya. Kemudian tunggu kot-kot orang mati, dia duduklah tolong baca tahlil, masa itulah kot-kot nak rasa daging baik sedikit, itu pun hak kalau orang kaya, kalau orang miskin dia hulur mai roti canai. Ha, kasihan, bolehlah RM5 atau RM10. Kemudian, kot-kot tunggu sembahyang mayat. Perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Sembahyang mayat sekali kepak boleh RM5. Di sebelah Kedah cakap 'kepak', sekali sembahyang dia beri RM5 sebab dia tidak payah sujud, jadi murah sedikit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dia 'kepak' banyak kali itu. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya pun tidak mahu bersembang panjang. Saya ucap tahniah kepada menteri ini, sejak jadi menteri kita nampak

ada pembaharuan dan perubahan - anjakan paradigma. Ubahkan mentaliti depa ini. Kita mahu Pegawai Mahkamah Syariah, kalau dia pakai coat-coatlah, kalau suit Melayu - suit Melayulah. Ini kadang-kadang sah kata orang di pejabat agama ini dia bubuh ketayap dok 'lokoh', pakai tie pun kadang-kadang tidak kena, kancing tidak bubuh dan sebagainya, tidak smart langsung. Kita kena ubah hal ini sebab depa ini pegawai juga. Kelulusan dari Al-Azhar, boleh hafal Quran dan sebagainya, balik mai dia melokoh sahaja, sampai tidak ada apa, naik bodoh sahaja. Kemudian bila hendak baca doa, barulah heret depa ini bubuh di atas.

Macam hari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tegur semasa pembukaan Majlis kita ini, Mufti dibubuh belakang saya, saya kasihan, kemudian bila Tok Hakim duduk dalam kandang itu, Mufti duduk di belakang ini. Bila baca doa, barulah mai dekat sini. Kasihan kepada kawan itu, Tuan Yang di-Pertua. Kereta Mufti berilah Mercedes, ini pakai Volvo, kasihan kepada dia. Masa syarahan agama panggillah puak ini. Syarahan Perdana panggillah puak ini. Kalau tidak adapun, beri Proton Limousine kepada depa. Ini kasihan depa, sudahlah pakai ketayap itu macam botol coca-cola, bukannya sejuk, hangat, kena pula kereta kecil macam itu, kasihan.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat dari Yan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan melalui kementerian ini, apabila pemakaiannya akan dibuat dan diperluaskan walaupun di negeri-negeri yang disebutkan ini bahawa skim gaji juga haruslah diambil kira, sekurang-kurangnya apabila jawatan ini telah disatukan pemakaiannya sekurang-kurangnya ada kenaikan satu kali increment kepada kakitangan yang akan disatukan perkhidmatannya supaya mereka akan lebih bersemangat untuk menjalankan tugas dan diberikan hak keistimewaan yang serupa dengan pegawai-pegawai lain yang telah berkhidmat di dalam skim perkhidmatan yang sedia ada?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang petang ini Yang Berhormat dari Jelebu boleh mendapat pahala sedikit kerana dia mencadangkan benda yang baik. Insya-Allah, boleh dapat pahala pada petang ini. Jadi, bila kita sudah adjust kedudukan dia berilah status sama. Kalau kawan itu kira District Officer (D.O.)

dengan Kadi ini, kedudukan dia sama. D.O. pun jaga district hal ehwal pentadbiran, hak ini pentadbiran agama, jadi dia kena selaraskan, sebab apa hak depa ini gaji murah, yang D.O. gaji lebih? Jadi, hal ini perlu diselaraskan.

Kalau kita hendak agama Islam ini tidak diketawakan oleh orang, kerana Perdana Menteri kita pergi ke Saudi beliau dapat penganugerahan kerana mengembangkan syiar Islam. Jadi, kita mahu yang dia buat, tunjuk dan mengembangkan syiar Islam itu di Malaysia ini dia, kalau Kadi ini dia, sekurang-kurangnya kereta dia Volvokah, kalau Mufti kereta dia Mercedes, kalau Chairman syarikat kerajaan pun boleh Mercedes, takkanlah depa tidak boleh, satu negeri seorang sahaja, berilah seorang sebuah. Menteri-Menteri Besar ini depa tidak takutkah akhirat? Kena khabar kepada depa bahawa ini di bawah kerajaan negeri tetapi kalau diselaraskan, tidak apa.

Jadi, saya haraplah kalau kita sayangkan agama kita, kita mahu agama kita ini dihormati setinggi-tingginya oleh negara dan dunia, kita kena pastikan bahawa keadilan di peringkat pentadbiran sama ada mahkamah ataupun pejabat-pejabat agama ini berjalan dengan lancar. Kalau ini dapat kita lakukan, insya-Allah, kita bukan setakat di duniawi tetapi di akhirat sama kita akan mendapat manfaat. Insya-Allah, siapa sahaja pada petang ini bangkit bercakap berkenaan hal ini, dia boleh dapat pahala banyak. Ha, jangan main-main. Yang Berhormat dari Parit pun tolong bangkit dan bercakap, pahala banyak. Poligami itu tidak apa, yang ini dalam Islam suruh, boleh, dibenarkan, tetapi beri adil sahaja. Yang orang dok marah ini kerana tidak adil. Bila tidak adil, dia jadi celarulah. Bila adil ini, tidak apa.

Kalau perkara itu adil, buat apa pun orang tidak marah, jangan tidak adil. Kalau hak sana RM1, hak sini RM1. Kalau sana durian 5 biji, hak sini bawa balik 5 biji. Jangan hak yang awal itu dok hantar durian mangka, hak ini dok hantar durian 'Ang He', jenis isi merah, jadi tidak boleh, dia kena adil. Kalau adil, saya ingat tidak apa, orang perempuan ini depa lembut, depa baik. *[Ketawa]* Ha, saya tahu sangatlah orang perempuan, orang kata sekeras-keras kerak nasi, nanti kita bubuh air, lembut, *[Ketawa]* tetapi adil. Bila keadilan inilah pejabat agama kena menjalankan tugas dia. Selepas ini saya hendak round ke pejabat-pejabat agama, saya hendak tengok. Selepas rang undang-undang ini lulus, kita hendak tengok depa ini. Kemudian, kita semua kena beri semangat yang baik kepada pegawai-pegawai ini bahawa tugas mereka bukan sahaja dapat gaji, tetapi pahala di akhirat.

Jadi, sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit. Yang Berhormat dari Parit saya suka hendak peringatkanlah, saya pun hendak pahala juga ya [*Ketawa*] tetapi janganlah berucap panjang-panjang sangat kerana kita hanya ada dua hari sahaja lagi - esok dan lusa. Saya tidak tahu apa yang akan terjadi jika sekiranya kita tidak boleh selesaikan rang undang-undang yang masih lagi belum diselesaikan itu, barangkali, kita bersama-sama menanggungnya ya, jika sekiranya kita tidak selesaikan. Oleh yang demikian, jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat setuju di atas cadangan rang undang-undang ini haraplah pendekkan sedikit dapatlah pahala seorang sedikit. [*Ketawa*]

8.15 mlm.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya, penubuhan perkhidmatan bersama di antara Persekutuan dan negeri-negeri ini amatlah baik dan saya alu-alukan. Ini kerana kita perlukan penyelarasan dan persamaan spesifikasi tugas demi kebaikan bersama. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, besarlah harapan saya agar penubuhan perkhidmatan ini akan juga mencakupi kesemua negeri-negeri di Malaysia ini agar rakyat jelata dapat menikmati kelicinan dan kesaksamaan khidmat khususnya dalam pengurusan dan penyelenggaraan hal ehwal agama Islam. Penubuhan perkhidmatan bersama ini ada banyak manfaatnya seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang lantikan oleh Suruhanjaya seperti dalam Fasal 3(2)(b) saya menyeru agar Suruhanjaya yang dibentuk ini melantik orang-orang yang betul-betul layak terutamanya dari segi kemampuan dan kelayakan. Pegawai-pegawai dalam jabatan Agama Islam terutamanya yang mempunyai hubungan terus dengan masyarakat hendaklah betul-betul terlatih dalam bidang psikologi dan perhubungan manusia serta kaunseling. Ini saya rasakan perlu kerana pegawai-pegawai dalam jabatan Agama Islam ini sentiasa berhadapan dengan masyarakat yang kerap-kali mempunyai masalah yang berkaitan dengan agama.

Sebagai wakil rakyat saya banyak mendapat aduan daripada wanita-wanita yang mengadu tentang kedurjanaan suami yang tidak memberi nafkah misalannya ataupun menceraikan isteri tanpa sebab yang munasabah. Acap kali apabila wanita-wanita ini mengadu kepada pegawai-pegawai yang

berkaitan, mereka disuruh balik dengan alasan akan cuba diselesaikan masalah mereka ini tetapi dalam banyak hal kes-kes ini bertahun-tahun tanpa diselesaikan sama seperti yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Yan tadi. Jadi, saya fikir sesuatu harus dilakukan oleh kerajaan terutamanya kepada pegawai-pegawai yang sewenang-sewenangnya menyalahkan kaum isteri dan kadangkala menghina kaum isteri yang datang untuk mengadu hal ataupun masalah mereka.

Kajian kes-kes seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, pernah dibuat oleh pensyarah daripada institusi-institusi pengajian tinggi dan maklumat-maklumat yang didapati daripada responden yang terdiri daripada isteri-isteri teramiaya telah dianalisa dan didapati bahawa kes-kes di mana isteri-isteri ini dihina pernah berlaku. Saya berpendapat bahawa Jabatan Agama Islam sendiri harus membuat kajian seperti ini dan dapatkan sendiri maklumat mengenai kes-kes seperti ini dan seterusnya mencari jalan menyelesaikan masalah dengan berteraskan keadilan kepada semua pihak. Bukan seperti yang selalu berlaku di mana isteri sahaja yang sering dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, terang-terang saya sebutkan bahawa para isteri sudah jemu dan jelah dengan kejadian di mana isteri sahaja yang dipersalahkan khususnya oleh pegawai-pegawai yang terlatih tetapi kurang pertimbangan. Latihan untuk pegawai-pegawai ini sebagaimana yang saya katakan tadi perlulah berbentuk pelbagai. Ilmu psikologi, human relation, public relation, dengan izin, patut dimasukkan ke dalam kurikulum kursus pentadbiran agama Islam. Kalau tidak pun di peringkat Ijazah Pertama, maka harus dimasukkan ke dalam kursus-kursus profesional seperti kursus-kursus dalam perkhidmatan dan juga kursus-kursus Sarjana dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, tempat latihan untuk pegawai-pegawai ini amat penting. Saya rasa pegawai-pegawai perlu mendapat Ijazah yang seimbang dan pelbagai iaitu Ijazah dari dalam negeri, dari negeri-negeri di Timur Tengah, bahkan juga dari negeri-negeri di Barat. Ini perlu kerana seseorang pegawai perlu berfikir terbuka, berpengalaman luas dan banyak membuat perbandingan tentang keadaan-keadaan masyarakat di sekeliling dan juga masyarakat-masyarakat di zaman kemajuan ini. Saya bukan hendak puji depan-depan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ambil contoh Yang Berhormat Menteri Bahagian Hal-Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri yang saya difahamkan mempunyai Ijazah dari Timur Tengah

dan juga dari negeri Barat dan inilah jenis orang-orang yang berkelayakan yang diperlukan oleh negara kita di mana mereka berfikir matang dan terbuka dan banyak mempunyai idea yang boleh diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlukan pegawai-pegawai seperti ini terutamanya pegawai-pegawai yang menjalankan tugas berkaitan dengan agama Islam dan juga berhadapan dengan masyarakat majmuk dan juga ahli-ahli masyarakat yang terdiri daripada wanita, lelaki, kanak-kanak dan sebagainya. Kita tidak mahu lagi pegawai-pegawai yang tidak matang, yang berfikir sempit dan ortodoks dan pegawai-pegawai seperti ini rasa saya belum cukup lagi bilangannya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan tatatertib seperti yang terdapat dalam Fasal 4. Saya memang setuju agar tugas ini terletak kepada Suruhanjaya. Ini penting kerana ada kalanya walaupun tidak selalu berlaku, pegawai-pegawai daripada jabatan Agama Islam yang berpengaruh memberi pendapat yang bercanggah dengan pendapat Majlis Fatwa Negara walaupun kadangkala pendapat ini merupakan pendapat peribadi tetapi kalau pegawai itu berpengaruh, pendapat itu tidak dapat tidak, akan mengelirukan rakyat. Juga terdapat pegawai-pegawai yang keterlaluan, over zealous, semasa menjalankan tugas hingga orang yang tidak bersalah seringkali ditangkap dan orang yang bersalah, kadang-kadang dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan pegawai-pegawai dalam bidang agama Islam, saya dapati bahawa jumlah pegawai-pegawai wanita amat kurang dan oleh sebab itu saya rasa harus ada satu perancangan bersepadu dengan jabatan ataupun dengan Kementerian Pendidikan. Saya amat gembira tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada tetapi malangnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak ada sekarang ini tetapi saya harap bahawa perancangan bersepadu di mana jabatan agama Islam dan Kementerian Pendidikan bekerjasama untuk merangka satu strategi di mana kita boleh menambahkan pegawai-pegawai wanita dan pegawai-pegawai wanita ini harus kita rancang dari bangku sekolah lagi. Harus ada aliran yang boleh menghala kepada pengajian agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok sekarang ini, di sekolah-sekolah ada memberi mata pelajaran agama Islam. Kita dapati juga ada pelajar-pelajar ada yang pergi sampai ke tingkat yang lebih tinggi,

ke universiti dan sebagainya, ada yang terdiri daripada pelajar perempuan tetapi apabila pelajar-pelajar ini keluar daripada universiti ataupun dari maktab-maktab mereka hilang, tidak dapat kita lihat mereka ini banyak bertugas di jabatan agama Islam, pada hal graduan-graduan yang keluar itu ramai bilangannya. Jadi, kita ingin tanya ke mana perginya pegawai-pegawai ini, di mana silapnya kita? Kenapa tidak kita menggalakkan supaya lebih banyak lagi pegawai-pegawai wanita duduk di jabatan-jabatan agama Islam kerana sebagaimana sahabat saya dari Yan tadi ada sebut, jabatan agama Islam ini ada banyak tugasnya dan salah satu daripada tugas yang sering mereka lakukan ialah memberi kaunseling ataupun nasihat kepada isteri-isteri yang teraniaya, ibu-ibu tunggal dan sebagainya. Jadi, ibu-ibu tunggal ini lebih selesa kalau ada banyak pegawai yang terdiri daripada kaum sejenis mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Menteri akan berkata bahawa di jabatan agama Islam memang ada pegawai-pegawai wanita yang menjaga hal-ehwal wanita. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, itu tidak cukup kerana kita memang tidak cukup kalau ada hanya satu atau dua pegawai menjaga hal-ehwal wanita kerana hal-ehwal wanita ini memang banyak, bukan berkaitan dengan isu wanita secara khusus sahaja tetapi berkaitan dengan kehidupan sehari-hari yang lebih luas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ingin mencadangkan supaya diadakan kuota supaya kita tetapkan bahawa dari bangku sekolah lagi, kita ada murid-murid atau pelajar-pelajar yang kita telah kenal pasti, yang kita dorongkan, mungkin melalui dari segi negeri misalnya daripada sekolah-sekolah agama negeri ataupun daripada sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan Persekutuan, di bawah Kementerian Pendidikan - kita adakan kuota dan kita juruskan mereka ini supaya apabila tiba masanya kita mahukan pegawai-pegawai wanita, pegawai-pegawai ini ada. Saya juga difahamkan bahawa ada juga terdapat di sekolah-sekolah di mana segelintir guru-guru, bukan banyak yang berfikir lebih ortodoks dan lebih sempit di mana kalau ada pelajar-pelajar wanita itu yang mungkin ada dorongan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri sama ada dalam hal-ehwal agama Islam ataupun dalam jurusan-jurusan lain, mereka ini ada kadangkalanya, dengan izin, discourage, tidak digalakkan oleh guru-guru tersebut. Jadi, saya fikir ini juga satu faktor yang menyebabkan kenapa tidak ramai di kalangan wanita yang berkhidmat sebagai pegawai di jabatan-jabatan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan pegawai dalam semua jenis jawatan yang ada harus kita kaji dan kita seimbangkan dengan komposisi penduduk khususnya penduduk Islam. Adalah tidak wajar untuk kerajaan mewujudkan di mana ramai wanita terlibat dalam kes-kes agama tetapi tidak mendapat perkhidmatan secukupnya daripada kaum sejenis seperti yang saya kata tadi. Ini perlu kerana wanita mungkin mempunyai perspektif yang sama, kalau wanita menjadi pegawai dia mempunyai perspektif yang sama dengan orang yang mengadu, misalannya dan dia juga mempunyai pengalaman latar ataupun experiential background yang sama. Ini amat perlu terutamanya dalam bidang kaunseling dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat pengamatan secara rambang, kakitangan wanita amat lumrah kehadirannya di dalam sektor perkeranian di jabatan agama Islam tetapi kakitangan bertaraf pegawai amat kurang sekali. Inilah menjadi satu masalah yang amat ketara. Jadi, kalau kita hendak tanya adakah perempuan tidak bijak hingga tidak boleh menjadi pegawai? Tetapi, kajian neurologi berpendapat bahawa kemampuan perempuan berfikir sama dengan kemampuan lelaki kalau pun tidak lebih. Jadi, apa salahnya, jadi inilah yang menjadi kerunsingan kepada kebanyakan rakyat di negara ini dan kita harapkan bahawa fenomena ini tidak lagi berlaku pada masa-masa hadapan dan dengan adanya perkhidmatan bersama ini kita harapkan bahawa keadaan seperti ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya mematuhi arahan supaya tidak berucap panjang. Jadi, di akhir bicara saya ingin mengutarakan serangkap pantun istimewa untuk Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri;

Kawasan Parlimen Parit indah dan istimewa
Rambutan dan durian buah utama
Wawasan tercipta zaman teknologi menjelma
Tuntutan tambah pegawai wanita mungkinkah terlaksana.

Sekian, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading. Boleh Yang Berhormat berucap sepuluh minit ya, tolonglah, tidak ada siapa yang membangkang, semua mencadang dan bersetuju rang undang-undang ini. Sila.

8.28 mlm.

Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi

peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah mengemukakan rang undang-undang ini yang antara lain rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan jentera Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam pentadbiran hal-ehwal Islam.

Tuan Yang di-Pertua, atas tujuan baik, rang undang-undang ini yang akan diterima pakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan negeri Selangor, maka saya ingin bertanya dan ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, negeri-negeri lain seperti Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan lain-lain negeri yang tidak menerima pakai rang undang-undang ini, adakah perundingan-perundingan telah dibuat dengan negeri-negeri tersebut dan apakah sebabnya dan apakah pendapat negeri-negeri tersebut dan alasan-alasan yang diberikan yang menyebabkan sehingga sekarang negeri tersebut tidak dapat menerima rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengamati rang undang-undang ini, memang terlalu banyak kebaikan, kemajuan yang akan diperolehi oleh negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Jabatan Hal-Ehwal Islam negeri-negeri di Malaysia ini terlalu terhad, terkongkong dan pegawai-pegawainya tidak boleh berpindah bekerja di negeri-negeri lain. Ini menyebabkan kesukaran terutama bagi pegawai-pegawai yang suami-isteri bekerja. Apabila salah seorang daripada mereka dipindahkan ke negeri lain, mereka tidak boleh membawa isteri atau suami mereka kerana tiada tempat atau jawatan yang boleh ditempatkan di Jabatan Hal-Ehwal Islam di negeri-negeri tersebut, dan akhirnya salah seorang terpaksa berhenti kerja sedangkan tenaga mereka masih amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang telah berubah. Pentadbiran Hal-Ehwal Islam semakin luas dan semakin mencabar dan ianya perlu ditangani dengan kesungguhan tenaga dan ekonomi yang kukuh. Kita kena mengakui dan harus menyedari bahawa pentadbiran Hal-Ehwal Islam negeri-negeri masih terdapat banyak kelemahan-kelemahan dan kekurangannya terutama dalam hal kewangan bagi membiayai gaji pegawai-pegawai. Contohnya,

sekolah agama negeri-negeri masih banyak kekurangan tenaga pengajar, guru-guru yang tidak terlatih, berjawatan yang tidak menentu. Salah satu contoh ialah Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor yang satu-satunya sekolah menengah agama di negeri Johor yang ditubuhkan lapan tahun yang lalu yang mempunyai tenaga pengajar lebih 30 orang kesemuanya guru-guru tersebut hanyalah berjawatan sama ada guru sementara, guru kontrak atau dipinjam, dan belum ada guru yang berjawatan tetap.

Hakim-hakim Mahkamah Syariah - memang benarlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi jauh beza sekiranya dibandingkan dengan kedudukan hakim-hakim Mahkamah Sivil dari segi kedudukan gaji dan sebagainya, sehinggakan sebahagian besar daripada hakim-hakim Mahkamah Syariah hanya mampu untuk membeli kereta Proton Saga ataupun ada juga yang pakai van untuk pergi ke mahkamah jadi hakim. Pegawai-pegawai penguatkuasa atau pencegah maksiat setiap daerah hanya seorang sahaja bagi menangani dan menyelesaikan masalah terutama sekali dalam hal-hal pencegahan yang mungkin berpuluh-puluh masalah, mungkin beraus-ratus masalah setiap hari. Apabila mahu buat operasi pencegahan maksiat seperti khalwat, ajaran sesat dan sebagainya kena minta bantuan daripada imam, ketua kampung, JKK kampung dan sebagainya tanpa dilengkapi dengan senjata bagi mempertahankan diri.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa sedih yang berlaku seorang imam mati ditembak di Kedah semasa bersama-sama menjalankan operasi mencegah maksiat seharusnya tidak berulang lagi. Imam-imam sembahyang kurang terlatih menyebabkan rungutan jemaah masjid tanpa perubahan, kadang-kadang menjemukan dan membosankan makmum semasa menyampaikan khutbah-khutbah Jumaat. Dengan adanya rang undang-undang bersama ini diharapkan Kerajaan Persekutuan akan dapat menghantar imam terlatih ke masjid-masjid negeri-negeri atau dengan menggilir-giliran imam daripada Persekutuan ke negeri-negeri supaya makmum rasa lebih bersemangat dan tidak mengantuk semasa mendengar khutbah Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terlalu banyak kebaikan yang boleh dilakukan dengan terlaksananya rang undang-undang ini. Saya berharap dan berdoa semoga rang undang-undang ini akan dapat dipakai dan diterima oleh semua negeri di seluruh Malaysia ini. Banyak perkara ataupun usaha-usaha

penyelarasan pentadbiran Islam di seluruh Malaysia yang telah tersekat atau terhalang dengan sebab adanya halangan-halangan, peraturan-peraturan tertentu yang diharapkan, dengan kebijaksanaan Kerajaan Persekutuan akan dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan sepotong ayat suci Al-Quran yang berbunyi [*sambil membaca dalam Bahasa Arab*] yang bermaksud: "*Bahawasanya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum atau sesuatu bangsa itu sehingga ia berusaha mengubahnya.*" Maka dengan perubahan-perubahan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia diharapkan Islam akan bertambah maju dan akan tambah disegani, dihormati dari masa ke semasa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang.

8.35 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan sedikit Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997. Saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan, terutama menteri yang bertanggungjawab kerana mengusulkan rang undang-undang ini. Sepatutnya kalau kita lihat rang undang-undang ini diusulkan dahulu lagi, awal-awal lagi semasa seluruh negara di perintah oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana senang kita mengatur. Ini memandangkan seperti juga hal-hal yang pokok, kerana agama Islam adalah agama rasmi negara, tidak seharusnya perkara ini berlainan setiap negeri. Sepatutnya hal-ehwal agama ini dipersekutukan awal-awal, bukanlah diberi peluang kepada negeri-negeri untuk mengatur negeri-negeri masing-masing, kerana ini adalah perkara pokok.

Walaupun agak terlambat, tetapi kita ucap tahniah sekali lagi kerana ada usaha-usaha. Seperti rakan-rakan tadi berucap, kalau tidak silap saya mengapakah cuma lima negeri sahaja yang telah bersetuju-apakah kita tidak boleh 'overrule' ataupun ambil sahaja jalan mudah supaya perkara ini dipersekutukan, tidak payah untuk berunding lebih lama lagi mengenai dengan hal-hal ini, kerana kita tahu memang kalau negeri-negeri yang ada Sultan, maka Sultanlah ataupun Raja yang menjadi Ketua Agama. Tetapi kenapa tidak Yang di-Pertuan Agong sahaja seluruhnya menjadi Ketua Agama negara kita.

Kerana kalau kita lihat sepatutnya bukan sahaja perkhidmatan bersama, tetapi perkara-perkara pokok dalam agama, sepatutnya fatwa mestilah fatwa bersama, dasar adalah dasar bersama, aktiviti juga aktiviti bersama, undang-undang syariah bersama, sistem pendidikan agama juga baik tadika ataupun sekolah menengah sepatutnya juga bersama. Kemudian nama jabatan sepatutnya bersama. Bukan ada JAWI, ada JAIS, ada JAIN dan sebagainya. Kemudian data agama yang saya akan cakap sedikit nanti juga sepatutnya daftar bersama, misalnya data nikah, kahwin, cerai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, badan agama misalnya banyak negeri-negeri yang mempunyai dua-tiga badan agama. Ada yang daripada kerajaan negeri, ada yang daripada Kerajaan Persekutuan menyebabkan kita agak bingung. Contohnya, di negeri Sabah sendiri ada Majlis Agama Islam Sabah. Ia juga membuat dasar mengenai dengan hal-hal agama. Kemudian sekarang ini ada satu jabatan lagi, Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Sabah yang juga melaksanakan aktiviti-aktiviti agama. Kemudian ada satu lagi badan yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Badan Hal-Ehwal Agama Islam (BAHEIS) daripada Jabatan Perdana Menteri. Kemudian ada lagi satu persatuan yang juga menjalankan dakwah, iaitu Badan USIA dan banyak lagi kumpulan-kumpulan kecil, Tabliq dan sebagainya yang mengaku mereka ini juga ada aktiviti.

Ini kita melihat memang baik. Banyak orang yang tahu dan juga sedar akan kepentingan dakwah dan agama ini. Tetapi perkara ini mengelirukan. Misalnya, masalah yang timbul adalah soal tadi yang kita begitu sokongan, soal penyelarasan kakitangan. Banyak resources ataupun sumber-sumber yang perlu digunakan, iaitu dari segi penggunaan kewangan. Banyak aktiviti yang memerlukan kewangan yang saya lihat bertindih. Kalau misalnya MUIS buat aktiviti, JAIN pun buat aktiviti, dan BAHEIS pun buat aktiviti, dan tidak ada penyelarasan. Jadi, banyak sumber yang dipakai, baik dari segi kewangan dan juga kakitangan. Kakitangan juga bertindih, satu daerah itu sampai dua-tiga. Tetapi kalau kita lihat bila kita minta membuat aktiviti, mereka sering kata, ini USIA punya aktiviti, ini MUIS punya aktiviti, ini JAIN punya aktiviti. Jadi, masing-masing mungkin ingin lepas tangan. Jadi, sepatutnya ada satu sahaja badan agama di seluruh negara, misalnya Jabatan Agama Islam Malaysia. Contohnya, mungkin nama yang akan diaturnya kemudian. Jadi, inilah masalah.

Jadi, kalau kita lihat juga masalah yang timbul dari segi penyelarasan susah. Misalnya, kalau kita tidak satukan awal-awal, contohnya di Kelantan. Di Kelantan, dahulu kalau kita perintah, tidak ada fatwa yang berasingan. Bila Kerajaan Negeri Kelantan diperintah oleh pembangkang, negeri dia kontrol, jadi, fatwa pun dia kontrollah. Ini yang jadi masalah. Dia keluar macam-macam fatwa, kita tidak ada kuasa untuk menghalang mereka mengeluarkan fatwa-fatwa tersebut. Begitu juga di Sabah, bila kerajaan negeri diperintah oleh parti pembangkang, PBS dahulu selama sembilan tahun, jadi kita tidak ada kawalan. Jadi, agama digunakan oleh orang-orang politik tertentu untuk dipolitikkan untuk kepentingan parti. Jadi, apa yang berlaku di Kelantan sama juga di Sabah. Sepatutnya kalau kita buat awal-awal dahulu, dipersekutukan, mana-mana negeri sekali pun apa parti yang memerintah, selagi Malaysia ini diperintah oleh satu kerajaan, jadi tidak ada masalah. Jadi, soal agama ini tidak boleh dipolitikkan, dimainkan, kita terus lurus untuk hal-hal agama.

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan?

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat menyebut mengenai negeri Kelantan. Kita lihat dalam Dewan ini pada hari ini wakil-wakil PAS langsung tidak ada. PAS sentiasa melaung-laungkan bahawa mereka menjadi juara Islam, sentiasa mengatakan kerajaan ini kurang Islam, tetapi pada hari ini apabila kita membincang sesuatu perkara yang bertujuan untuk memantapkan pentadbiran Islam, untuk mengangkat imej Islam, mereka sendiri tidak ada. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang susah, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bincang soal perkara pokok, mereka tidak datang. Mereka cuma mementingkan kuasa di negeri mereka sahaja, tetapi soal yang baik untuk menyelaraskan perkhidmatan bersama mereka langsung tidak mengambil bahagian, tidak ada di sini. Saya ingat saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, mereka cuma mementingkan kuasa politik daripada memperjuangkan agama Islam yang sebenarnya. Jadi, apabila mereka berkuasa, soal

agama itu suka-suka untuk mereka membuat fatwa. Sebab itulah saya tekankan tadi kalau perkara ini kita selesaikan dahulu, kalau kita persekutuan awal, tidak timbul masalah ini. Tetapi kita berharaplah perkara ini dapat kita selesaikan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kalau kita tidak selaraskan, timbulah bermacam-macam masalah lain. Soal misalnya orang yang ingin memberi bantuan seperti yang saya katakan tadi. Mereka ingin menderma, mereka boleh menderma kepada berbagai-bagai agama. Tetapi bagaimana pengawasan penggunaan kewangan derma yang kita beri ini? Saya dapat tahu ada derma-derma ini disalahgunakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang mengaku mereka ini membuat aktiviti Islam tetapi tidak menjalankan dengan teratur. Tetapi apa salahnya kalau semua Baitulmal, Zakat, kemudian derma-derma untuk aktiviti Islam ini kita selaraskan sebagai satu badan seluruh negara dan dibelanjakan mengikut peraturan-peraturan yang ada dalam satu perkhidmatan, satu jabatan sahaja, tidak banyak jabatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Yang penghabisan saya ingin tekankan ialah mengenai dengan data. Saya sebutkan tadi sepatutnya Jabatan Agama Islam seluruh negara ada satu data bersama. Oleh kerana negara kita sekarang ini negara yang sudah moden, semua orang pakai IT, ada komputer, sepatutnya semua perkahwinan, orang yang nikah ini dimasukkan ke dalam satu setor data. Khususnya orang-orang Islam ada satu daftar agung di seluruh negara. Jadi, semua Jabatan Agama atau jabatan lain yang perlukan data-data, misalnya nama seseorang itu sama ada mahu menyemak sama ada dua sudah berkahwin atau belum, kita boleh picit pengenalan dia, sudah ada di situ mengatakan dia sudah berkahwin, dan juga boleh tahu berapa isteri dia ada, satu, dua, tiga, empat misalnya. Kalau yang bujang, tidak ada nama, bermaknanya dia belum pernah bernikah, belum pernah berkahwin, jadi ini kita boleh semak.

Apa masalah yang timbul sekarang Tuan Yang di-Pertua, bila kita ingin mengkahwinkan, orang hendak kahwin di Sabah daripada Kedah, sibuklah bertelefon ke Kedah minta surat. Kadang-kadang surat tertinggal, sampai nikah pun 'delay', lambat. Dia kena ambil surat daripada kampung dia, bawa mengatakan dia bujang. Ini yang jadi masalah. Sepatutnya perkara yang central data kita panggil, kita picit sahaja, okay, orang ini bujang nikah terus.

Begitu juga mereka yang bercerai, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh nama-nama mereka yang bercerai ini ada senarai. Misalnya 'janda', minta maaf, saya bukan merendahkan 'janda' tetapi kita hendak bantu dan kita hendak tahu berapa orang janda di Malaysia ini. Kita buat senarailah janda negeri Perlis berapa, Kedah berapa. Misalnya kalau ada orang yang hendak berkahwin dengan janda ini, pilihlah mana satu, janda anak dua, anak tiga, anak berapa, ada senarai. Kalau hendak beri bantuan derma pun picit sahaja 'senarai janda' ada seluruh negeri, duda pun begitu juga Tuan Yang di-Pertua, berapa duda ada. Kalau boleh dalam komputer ada gambar dia, bukan gambar masa dia mudalah nanti kena tipu - susah, supaya kita tidak tersilap. Jadi, tujuannya central data ini untuk kita rujuk mana-mana jabatan pun dia tahu sudah kahwin, jadi soal menipu pun tidak timbul.

Begitu juga dengan isteri-isteri yang ditinggalkan oleh suami ini, yang tidak tahu kedudukannya masa ini. Banyak kes yang saya ditemui iaitu wanita yang ditinggalkan oleh suami, dia tidak tahu kedudukannya, dia kena ceraikah atau dia kena tinggal, dia belum tahu kedudukan, terutama sekali kaum yang dikahwini oleh pendatang asing. Ini masalah yang menangis dia minta kita tolong, dia kata carilah suami saya. Jadi, kita merasa sedih, saya tanya 'kenapa dahulu you hendak kahwin tidak pilih, pilihlah pemuda tempatan', dia kata 'sudah jodoh apa hendak buat'. Inilah yang susahnyanya Tuan Yang di-Pertua. Bila kita hendak tolong perkara ini, bila kita tahu ada nota di situ, suami yang dinikahi ini ada "inverted comma" iaitu suaminya pendatang. Jadi, kita boleh rekodkan. Ini central data yang kita panggil - senang, perlu ada. Ini saya ingin tekankan. Oleh sebab itu saya mintalah kementerian melihat perkara ini untuk memudahkan seluruh negara mengenai central data nikah kahwin, kita hendak rujuk senang sama ada dia bujang, dia sudah kahwin, dia ada isteri berapa, satu, dua, tiga, ada kuota lagi satu boleh isi, Tuan Yang di-Pertua. Saya mintalah kementerian melihat hal ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mersing, ya sepuluh minit Yang Berhormat.

8.48 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat mengemukakan rang undang-undang ini dan

diharap niat kerajaan untuk mempertingkatkan jentera Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dalam pentadbiran hal-ehwal Islam akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh dalam perbincangan ini. Pertama mengenai pengwujudan kelas-kelas tahfiz al-Quran oleh pihak tertentu selain dari kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak-pihak yang berkenaan yang prihatin tentang pembelajaran al-Quran dengan tujuan agar lebih ramai ahli tahfiz dapat diwujudkan dan tidaklah kita bergantung kepada kerajaan semata-mata dalam mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah meragui niat pihak-pihak swasta yang menjalankan kelas-kelas tahfiz ini, tetapi yang menjadi persoalan ialah cara mana pusat-pusat tahfiz itu dijalankan, khususnya dari segi pengurusanannya. Sebagai contoh di tempat saya tinggal di Hulu Kelang terdapat sebuah pusat sedemikian yang dibuka sejak tiga, empat tahun yang lalu. Pada peringkat awal penubuhannya, pusat ini dikendalikan oleh seorang tahfiz dari Indonesia yang agak terkenal juga. Lebih kurang 20-30 orang anak-anak berumur belasan tahun yang datang dari merata tempat termasuk Kedah dan Pulau Pinang ditempatkan di dua buah rumah teres dan di situlah mereka belajar.

Saya perhatikan pelajar-pelajar di pusat tahfiz berkenaan tidak ada pengawasan yang sempurna, selepas lebih kurang setahun, entah bagaimana dan apa sebabnya guru pengawas pusat itu tidak lagi mengendalikan kelas tersebut dan ditinggalkan kepada dua orang tenaga pengajar juga dari Indonesia. Sejak itu tenaga pengajar sering bertukar ganti dari orang Indonesia kepada orang Myanmar yang tidak boleh bercakap bahasa Melayu. Ini mengakibatkan pengajian pelajar-pelajar terjejas, walaupun sudah di tahun 2 masih lagi di Juzuk yang awal. Sementara itu bilangan pelajar semakin berkurangan kerana berhenti sebelum tamat pengajian. Tempat pelajar pula dipindahkan ke surau kawasan berkenaan, sementara rumah tempat tinggal khabarnya bermasalah dengan bank.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi saya menyokong penuh usaha yang baik seperti ini. Namun demikian, beberapa perkara patut diperbaiki, contohnya dari segi sukatan pelajaran, kemudahan pembelajaran, tenaga pengajar, kemudahan yang diberi kepada tenaga pengajar dan murid, disiplin dan sebagainya. Ini penting demi menjamin masa depan anak-anak, kita

mahu mereka yang berjaya menjadi ahli tahfiz al-Quran, mempunyai kehidupan yang baik, sekurang-kurangnya sama dengan graduan-graduan universiti dalam bidang ekonomi, kejuruteraan dan lain-lain. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, adakah pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau dahulunya Pusat Islam mempunyai garis panduan atau menetapkan syarat-syarat penubuhan sesebuah pusat tahfiz swasta. Jika ada, apakah syarat-syaratnya dan harap nyatakan jumlah pusat tahfiz swasta di seluruh negara pada masa ini dan bilangan penuntutnya.

Kedua, adakah pusat-pusat tahfiz swasta mempunyai hubungan dengan Pusat Pengajian Tahfiz al-Quran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri. Hubungan yang saya maksudkan ialah dari segi pengajian dan pengiktirafan agar anak-anak yang belajar di pusat tahfiz swasta dapat melanjutkan pengajian ke pusat tahfiz kerajaan atau keluar negara sehingga ke peringkat yang paling tinggi.

Ketiga, apakah peringkat pengiktirafan kerajaan bagi mereka yang berjaya dalam pengajian tahfiz?

Tuan Yang di-Pertua, pengajian al-Quran sangatlah penting dan seharusnya dipupuk dan dikembangkan semasa anak-anak di peringkat sekolah rendah lagi. Biasanya pada peringkat sekolah rendah anak-anak tinggal dengan ibu bapa dan pengajian al-Quran boleh dititikberatkan. Apabila anak-anak masuk ke sekolah menengah, masa untuk pengajian al-Quran sudah kurang, kerana pelajaran sekolah yang lain sudah mengambil banyak masa pelajar, sementara mereka yang masuk ke sekolah berasrama penuh kecuali sekolah agama jarang meneruskan pengajian al-Quran hingga ke Juzuk 30, setelah tidak tinggal bersama keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bagi mereka yang menghadiri sekolah agama seperti di Johor, Wilayah Persekutuan dan Selangor, pengajian al-Quran terdapat di sekolah-sekolah tersebut. Tetapi dalam tempoh enam tahun biasanya mereka tidak dapat menghabiskan 30 Juzuk, disebabkan waktu persekolahan agama yang pendek. Jadi, kalau hendak belajar sehingga habis 30 Juzuk lancar dan mahir, maka ibu bapa mestilah berusaha mengajar sendiri anak mereka atau mendapatkan guru Quran untuk mengajar anak mereka, sama ada di rumah atau di pusat pengajian al-Quran persendirian. Demi agama dan pengetahuan ini tidaklah menjadi masalah. Yang menjadi masalahnya ialah untuk mendapatkan guru Quran terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini, jadi

saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kerajaan menyediakan guru Quran dan ditempatkan di masjid atau di surau supaya ibu bapa dapat menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti pengajian al-Quran di tempat berkenaan mengikut jadual yang ditetapkan dan dengan bayaran tertentu. Dengan ini masalah yang saya bangkitkan tadi diharap dapat diselesaikan - insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara kita dilanda masalah gejala sosial yang berat di kalangan remaja. Banyak faktor yang menyebabkan perkara negatif ini terjadi. Saya tidak bercadang untuk membincangkan tentang sebab-musabab perkara ini berlaku. Tetapi apa yang hendak saya utarakan ialah berkenaan penerbitan risalah keagamaan khas untuk golongan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui media baik elektronik mahupun cetak memainkan peranan yang cukup penting dalam membentuk atau mempengaruhi keperibadian seseorang. Manusia terutama anak-anak boleh terpengaruh dengan berita dan dakyah yang disebarkan melalui media.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, saya lihat banyak majalah ataupun risalah yang di'target'kan kepada golongan remaja dikeluarkan oleh berbagai penerbit terutamanya penerbit swasta. Pusat Islam atau badan yang berkaitan dengan penyebaran agama Islam ada juga membuat majalah, risalah, tetapi terlalu sedikit bilangan penerbitan dan sedikit juga dari segi isi kandungannya yang dapat memenuhi cita rasa golongan remaja.

Saya tidak menafikan maklumat-maklumat dalam majalah, risalah tersebut boleh juga dihalakan kepada golongan remaja. Tetapi adalah lebih baik jika ada majalah atau risalah yang memberi fokus khusus kepada golongan ini agar mereka juga tidak ketinggalan dalam arus perdana kita. Justeru itu, saya ingin mohon pengesahan, Tuan Yang di-Pertua, sama ada terdapat majalah, risalah sedemikian yang dikeluarkan oleh JAKIM, jika belum adakah JAKIM mempunyai rancangan tersebut.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Badan Khairat Kematian yang terdapat di seluruh negara, yang biasanya ditubuhkan oleh Jawatankuasa Masjid ataupun surau. Tujuan utama Badan Khairat Kematian ditubuhkan adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh keluarga apabila berlaku kematian ahli keluarga tersebut. Kita tidak menafikan kebaikan yang telah

disumbangkan oleh badan-badan ini, walaupun dari segi kewangannya jumlah yang dibayar tidaklah begitu besar, dengan bayaran tersebut sekurang-kurangnya dapat meringankan masalah kewangan kerana bayaran yang diterima agak cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada di antara khairat kematian ini telah wujud sejak 20-30 tahun dahulu, tetapi saya lihat tidak banyak perubahan yang dialami oleh badan-badan ini berbanding dengan usianya. Cara pengurusan masih cara lama. Saya khuatir kalau cara lama masih diamalkan, lambat-laun badan-badan ini akan mati, ketinggalan zaman dari segi pengurusannya. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai jawatankuasa Badan Khairat Kematian ini diberi latihan dalam bidang pengurusan seperti urusan kesetiausahaan, penggunaan komputer dan penyimpanan akaun. Saya harap dengan adanya pendedahan tersebut maka perjalanan badan-badan ini akan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu tadi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.58 mlm.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat dan sokongan yang jitu kepada Rang Undang-undang ini.

Sukalah saya sebut di sini bahawa sejak kita merdeka, kerajaan kita telah memasukkan pentadbiran Islam dalam arus perdana pemerintahan negara. Ada beberapa buah negara yang tidak memasukkan hal Islam ini dalam arus perdana (main stream) kerajaan, maka berkembanglah suasana Islam di luar pemerintahan, maka negara berkenaan menemui kegawatan tentang Islam dalam negara berkenaan.

Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa pentadbiran hal-ehwal Islam sekarang ini tidak lagi menguruskan hal-hal agama semata-mata. Pentadbiran hal-ehwal Islam mencakupi pelbagai atau segenap segi kehidupan dan pemerintahan negara terutama sekali hal-hal keselamatan. Akhir-akhir ini hal-hal keselamatan negara telah bercampuraduk dengan agama Islam, maka Islam telah dipergunakan untuk pelbagai helah bagi menimbulkan kegawatan di dalam negara.

Di luar negara, kita sudah dengar hal-hal Islam telah menjadi satu isu yang gawat hingga menggugat keselamatan dan ketenteraman awam dalam negara-negara berkenaan.

Di dalam negara kita juga perkara ini berlaku dalam peringkat politik dan ancaman-ancaman yang tertentu menggunakan Islam sebagai alasan untuk mengelirukan rakyat jelata dalam kefahaman Islam. Maka dengan itu, segala usaha untuk membangunkan rakyat menjadi terbantut kerana ada tafsiran yang dikeluarkan bercanggah dengan kefahaman Islam yang sebenar.

Di samping itu juga, kita faham bahawa negara kita yang mendapat kemajuan setakat ini sepertimana yang kita nikmati sekarang ialah kerana perpaduan. Dalam soal perpaduan dalam negara kita, unsur persefahaman agama adalah satu unsur yang sangat penting, maka sebab itu perkembangan Islam mesti dijaga dan dikawal supaya ianya berkembang serasi dengan selera dengan keadaan yang ada di dalam negara kita.

Maka sebab itulah kita mencadangkan pada hari ini tidak patutlah lagi bahawa pentadbiran hal ehwal Islam tertinggal di takuk yang lama di mana ianya berjalan bersendirian. Kalau 14 buah negeri dalam negara kita maka 14 cara pentadbirannya dijalankan. Maka inilah usaha kerajaan hari ini, kita mengadakan akta ini mula-mula kita akan mengendalikannya soal manusia, apabila soal manusia yakni pegawai-pegawai diselaraskan, bekerja dan berkhidmat di dalam satu perkhidmatan yang sama di bawah suruhanjaya yang sama, maka insya-Allah segala hal pembangunan dan kerjaya pegawai-pegawai berkenaan boleh diuruskan dengan baik.

Maka hal-hal pentadbiran Islam akan menjadi sepadu demi mencapai keadaan yang saya sebutkan tadi bagi menguruskan hal-hal agama dan hal-hal negara terutama sekali yang menyentuh hal keselamatan dan juga pembangunan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pelbagai soalan. Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading menanyakan negeri-negeri yang belum menyertai atau belum menyatakan hasrat untuk mengambil gunapakai akta ini. Bagi menjawabnya, insya-Allah, urusan perundangan sedang berjalan, insya-Allah perkara ini akan dapat kita selesaikan.

Yang kedua ialah Ahli Yang Berhormat dari Mersing yang bertanya mengenai data, data-data sekarang ini, Bahagian Jabatan Pembangunan Islam telah mengadakan Sistem Maklumat Islam

(SISMI) di mana kita selaraskan data-data mengenai perkahwinan khususnya, sekarang ini perkahwinan yang sepuluh tahun kebelakangan sudah di'computerise', sudah dimasukkan ke dalam komputer dan komputer ini sedang dicuba di beberapa buah negeri dan insya-Allah, akan digunakan di seluruh negara tidak lama lagi.

Hal-hal lain yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan rekodkan dan insya-Allah, akan menjadi panduan semasa kita menjalankan tugas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.06 mlm

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk mengadakan perundangan bagi mewujudkan satu

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional serta sebuah perbadanan yang akan mentadbirkan tabung ini. Tujuan ini adalah untuk memberi pinjaman kepada pelajar Ijazah Pertama di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tempatan untuk membiayai yuran pengajian, kos sara hidup serta pembelian buku peralatan yang berkaitan. Lebih daripada itu, tabung ini juga akan dilengkapi dengan satu skim simpanan pelajar di peringkat sekolah untuk mewujudkan budaya menabung yang kukuh di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh di antara lain memberi penekanan kepada penyediaan sumber manusia yang mantap dan secukupnya bagi menampung keperluan pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan sebagai persiapan menangani persaingan global.

Sehubungan dengan itu, kerajaan berhasrat untuk menambah enrolment di setiap universiti tempatan kepada 20,000 pelajar di peringkat Ijazah Pertama. Pengwujudan Skim Pinjaman Pelajar ini akan dapat membantu kerajaan untuk mencapai objektif penambahan bilangan pelajar di peringkat pendidikan tinggi.

Dengan wujudnya skim pinjaman ini strategi kerajaan untuk menambah enrolment di IPT semestinya akan diperkuatkan dengan jaminan bahawa semua pelajar yang mendapat tempat di IPT tidak akan tercicir oleh kerana kekurangan kemampuan kewangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya yakin skim pinjaman ini yang dilengkapi dengan skim simpanan pelajar akan menjamin kesejahteraan semua lapisan rakyat, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar yang mempunyai kemampuan akademik.

Sementara itu pula, pihak kerajaan ingin juga mengikis budaya kebergantungan atau sindrom dependency, dengan izin, supaya bebanan kerajaan untuk memberi biasiswa akan dapat dikurangkan secara berperingkat. Hanya pelajar-pelajar yang cemerlang dan dari keluarga yang miskin atau sederhana tetapi mempunyai latar belakang akademik yang baik akan diberi biasiswa.

Oleh itu, bilangan pelajar yang layak memohon biasiswa akan dapat dikurangkan di tahun-tahun akan datang. Tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan atau agensi-agensi lain yang berkaitan, saya kira pelajar-pelajar sewajarnya akan bersikap lebih bertanggungjawab dan berdikari apabila memperolehi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpandangan bahawa skim pinjaman ini mesti digerakkan untuk mendukung sasaran negara ke arah status negara maju menjelang tahun 2020. Ini memerlukan anjakan fokus Sistem Pendidikan Negara supaya pengeluaran tenaga manusia adalah lebih cenderung kepada jurusan sains dan teknologi. Selaras dengan matlamat ini, pelajar-pelajar yang mengikuti jurusan sains teknologi yang tertentu seperti bidang perubatan, teknologi maklumat, kejuruteraan, pergigian, farmasi, sains gunaan dan sains tulen akan diberi pinjaman tambahan sebanyak RM500 setahun tanpa faedah untuk tujuan membeli peralatan buku dan sebagainya.

Mereka juga diberi tempoh bayaran balik selama 15 tahun berbanding dengan tempoh 10 tahun untuk pelajar jurusan sastera. Walau bagaimanapun, senarai jurusan sains teknologi yang dikenal pasti ini akan dikaji semula setiap dua tahun atau dari masa ke semasa mengikut keperluan negara. Dari segi kelayakan, perbadanan akan mengeluarkan kriterianya dalam sedikit masa lagi. Had bumbung kelayakan dari segi pendapatan bersama ibu bapa akan ditentukan.

Walaupun bagaimanapun, anak kepada semua kakitangan kerajaan dari yang tertinggi sekali iaitu Ketua Setiausaha Negara sampailah kepada yang serendahnyalah layak dipertimbangkan di bawah Tabung Pendidikan Nasional ini. Ini adalah sebagai mengenang pengorbanan, jasa dan kesetiaan mereka kepada negara.

Skim pinjaman ini juga akan memberi peluang kepada pelajar bumiputera untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi swasta. Memangnya kena pada masanya skim ini diwujudkan, ekoran daripada strategi pendidikan negara yang kini menggalakkan penubuhan IPTS termasuk universiti-universiti swasta yang baru ditubuhkan tahun ini. Pada masa ini hanya lebih kurang 5% sahaja pelajar-pelajar IPTS yang terdiri daripada pelajar-pelajar bumiputera. Melalui skim pinjaman pelajar ini, saya percaya bilangan pelajar bumiputera di IPTS yang terpilih akan dapat dipertingkatkan lagi di masa hadapan. Usaha ini memang wajar sekali untuk memastikan perimbangan dari segi penyertaan setiap golongan etnik dalam pendidikan tinggi secara keseluruhan yang menjadi asas utama perpaduan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk skim pinjaman ini bagi tahun 1997 dan ianya dijangka beroperasi sebaik sahaja

perbadanan ditubuhkan. Peruntukan tambahan akan disediakan oleh kerajaan untuk keperluan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 57 Fasal. Antaranya terdapat terdapat Fasal yang memperuntukkan kuasa mengenai fungsi utama perbadanan seperti berikut:-

- (i) memberi pinjaman kepada pelajar dan menyediakan perkhidmatan dalam mentadbir, mengawas dan mengutip bayaran balik pinjaman;
- (ii) menerima simpanan dan menyediakan skim simpanan untuk tujuan pendidikan tinggi; dan
- (iii) menjalankan apa jua tugas yang berkaitan dengan fungsi tabung seperti yang diperuntukkan dalam mana undang-undang bertulis.

Untuk menjalankan operasi skim pinjaman ini yang merangkumi skim simpanan pelajar, satu lembaga pengurusan yang diketuai oleh seorang pengerusi perlu diwujudkan. Lembaga pengurusan akan bertanggungjawab terhadap sistem pengurusan secara keseluruhannya dan pengurusan perbadanan tersebut. Lembaga pengurusan akan terdiri daripada ahli-ahli seperti berikut:-

- (i) Seorang Pengerusi yang akan dilantik oleh Menteri Pendidikan;
- (ii) Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- (iii) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
- (iv) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
- (v) Pengerusi Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri atau wakilnya;
- (vi) Dua wakil yang terdiri daripada Naib Canselor IPT awam dan seorang wakil daripada IPT swasta yang dilantik oleh Menteri Pendidikan; dan
- (vii) Tidak lebih daripada dua Ahli yang dilantik oleh Menteri Pendidikan.

Untuk membantu perbadanan menjalankan tugasnya, lembaga pengurusan dengan persetujuan Menteri Pendidikan akan melantik seorang Ketua Eksekutif yang akan dibantu oleh beberapa orang anggota yang difikirkan perlu bagi memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan mengutip balik pinjaman daripada peminjam yang telah tamat pengajian, rang undang-undang ini mempunyai peruntukan di mana perbadanan dengan persetujuan Menteri Pendidikan dan Menteri Kewangan boleh melantik ejen-ejen untuk bertindak bagi pihaknya. Dan kerajaan telah bersetuju untuk melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk tujuan ini.

Bagi memastikan keberkesanan kutipan balik pinjaman, peruntukan disediakan dalam rang undang-undang ini untuk membolehkan perbadanan dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri mewajibkan majikan untuk memotong daripada pendapatan peminjam untuk membayar balik pinjaman. Peminjam akan membayar balik pinjaman selepas tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian atau mana-mana tempoh dan syarat-syarat yang dipersetujui dalam surat perjanjian di antara peminjam dan perbadanan. Walau bagaimanapun, peminjam boleh memohon kepada perbadanan untuk melanjutkan tempoh masa untuk membayar balik pinjaman. Bayaran balik pinjaman akan dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui potongan daripada pendapatan peminjam mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan oleh perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya gambarkan awal tadi, di samping skim pinjaman pelajar, tabung ini juga akan mengadakan satu skim simpanan pelajar. Skim simpanan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang ingin menabung untuk anak-anak mereka supaya cita-cita mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tidak dikecewakan. Ini akan menjamin sumber kewangan untuk menyempurnakan hasrat mereka dan bagi sebahagian besar pelajar-pelajar mengelakkan kebergantungan kepada bantuan kewangan kerajaan. Untuk menggalakkan tahap penyertaan yang tinggi, peruntukan disediakan dalam rang undang-undang ini di mana perbadanan dengan kelulusan Menteri Kewangan boleh melaksanakan skim-skim yang boleh menarik penyimpanan seperti skim insurans dan skim unit trust. Pada hemat saya skim dua serampang ini mencerminkan usaha yang murni untuk menjaga kepentingan semua lapisan rakyat yang buat pertama kali menyediakan kerangka bagi menggabungkan pinjaman untuk pelajar di universiti dan budaya menabung yang ingin disemaikan di kalangan pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya percaya penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini merupakan puncak kepada matlamat kerajaan untuk memperluaskan peluang

kepada lebih ramai lagi pelajar, termasuk mereka daripada golongan miskin dan yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti selaras dengan prinsip pendemokrasian pendidikan. Ini secara langsung akan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia mengikut prinsip keadilan sosial selaras dengan usaha kerajaan mentransformasikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri. Sementara itu, pengwujudkan skim simpanan pelajar yang akan menjadi sumber penting untuk tabung ini akan dapat menggalakkan budaya menabung di kalangan rakyat Malaysia sambil mengurangkan beban kerajaan untuk membiayai tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

9.20 mlm.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas saya bangun untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan dan juga kepada Menteri Pendidikan kerana sewaktu kami membahaskan beberapa akta yang berkaitan dengan pendidikan tahun lalu, salah satu daripada syor dan cadangan yang dikemukakan adalah mewujudkan satu bentuk tabung kewangan yang boleh membantu dan memudahkan lagi serta menambahkan jumlah anak-anak bumiputera untuk memasuki IPTS khususnya di mana mereka mempunyai kelayakan tetapi mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan. Jadi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana menyahut seruan yang dibuat oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dan juga beberapa keputusan yang telah pun disuarakan menerusi Perhimpunan Agung UMNO pada tahun-tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin rang undang-undang ini telah pun digubal setelah mengambil

segala input dan kebijaksanaan oleh kerana dikemukakan bukan sahaja satu tabung yang boleh address ataupun menyelesaikan constrain kewangan anak-anak yang berkemampuan masuk ke institut pengajian tinggi tetapi juga mewujudkan lagi satu tabung iaitu skim simpanan yang boleh memperkayakan lagi budaya menyimpan dan menabung di kalangan rakyat Malaysia khususnya untuk menyediakan dana-dana kewangan peribadi yang membolehkan mereka membantu anak-anak mereka melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang paling tinggi.

Saya melihat di sini bahawa rang undang-undang ini memperuntukkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk mengutip wang untuk tabung itu daripada 11 sumber yang dikhususkan di dalam rang undang-undang ini. Dalam seksyen 3(2)(b) 'segala pemberian, derma, hadiah, sumbangan dan bekuan yang diberikan kepada atau bagi faedah Perbadanan', saya harap di sini pihak warga korporat Malaysia juga akan turut memainkan peranan di samping mereka mewujudkan skim biasiswa dan dermasiswa di peringkat perbadanan ataupun syarikat masing-masing. Saya rasa harus digalakkan warga korporat Malaysia yang berjaya bagi memperuntukkan dana tahunan untuk dikemukakan ataupun dihipunkan di dalam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini. Ini merupakan bahawa pihak swasta juga akan menyumbang dan turut mengembangkan, memainkan peranan di dalam meningkatkan mutu dan juga pendidikan rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Seterusnya saya juga melihat di bawah rang undang-undang ini bahawa perbadanan ini diizinkan untuk mewujudkan beberapa skim dan juga untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Saya rasa ini satu perkara yang baik dan wajar. Hanya sekadar satu harapan daripada pihak kami supaya segala ventures ataupun usaha-usaha perniagaan yang dijalankan mesti dijalankan setelah diperincikan sehalus-halusnya. Kita tidak akan mengizinkan perkiraan-perkiraan ataupun keputusan-keputusan yang mungkin boleh memudaratkan ataupun menjejaskan perjalanan tabung ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat apabila diwujudkan satu perbadanan, kita akan mewujudkan satu lagi establishment dan diharapkan establishment ini tidak akan diwarnai oleh politik-politik dalaman yang mana boleh melumpuhkan perjalanan dan juga pada waktu yang sama menafikan perbadanan itu untuk bergerak secara

cergas untuk memenuhi niat dan hasrat sebagaimana yang tercatat di dalam rang undang-undang ini. Itu harapan kami.

Di samping itu, saya juga berharap di samping menjalankan hal-hal ini, Kementerian Pendidikan akan cuba membuat satu kajian terhadap ketrampilan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi pada hari ini. Daripada satu pengamatan yang umum atau dengan izin, general observation, sekarang ini seolah-olah graduan-graduan daripada universiti tempatan, khususnya anak-anak bumiputera, mereka berhadapan dengan satu sindrom inferiority. Bermakna, apabila mereka keluar daripada pasaran pekerjaan seolah-olah mereka berada dalam keadaan kurang konfiden, kurang keyakinan diri. Mereka kurang ciri-ciri kepimpinan diri, mereka agak memiliki ataupun mewarisi ciri-ciri personaliti yang lemah, dia tidak dapat berhadapan dengan cabaran dan tidak mempunyai personal grooming yang sesuai untuk pasaran.

Ini kami lihat oleh kerana saya sebagai lulusan daripada ITM, apabila baru-baru ini diadakan satu konvokesyen khas dan perhimpunan khas pelajar-pelajar ITM, kami dapat melihat sendiri, umpamanya graduate-graduate daripada ITM sendiri. Pelajar-pelajar ITM daripada tahun 60-an dan awal 70-an kalau dibandingkan pada hari ini berbeza. Apabila diketengahkan kepada pasaran, bermakna the appeal pelajar-pelajar ITM ini kepada majikan agak berkurangan, mengapa?

Kami telah pun membuat beberapa cadangan dan syor kepada pengurusan ITM yang ada sekarang, apatah lagi apabila ITM sudah memperolehi status universiti bahawa mereka harus diberi di samping pendidikan yang khusus, yang asas, core subject, mereka juga harus diberi peluang untuk menunjukkan ketrampilan diri untuk menentengahkan, memperkayakan ciri-ciri kepimpinan diri dan juga harus diberikan dengan semangat dan konfiden, oleh kerana mungkin ini tidak dapat lagi, saya tidak tahu. Saya rasa bukannya akta universiti yang menghalang mereka. Timbalan Perdana Menteri yang berhadapan dengan akta universiti yang lalu. Kita berhadapan dahulu akta universiti mungkin agak longgar, tetapi jangan dijadikan akta universiti sebagai alasan (excuse) untuk tidak membolehkan warga kampus keluar ke dunia pekerjaan sebagai satu warganegara yang cergas, warganegara yang berwibawa, mempunyai personaliti, mempunyai integriti yang tinggi.

Ini saya rasa terkeluar daripada aspek-aspek akademik, tetapi saya rasa bolehlah dicarikan satu

jalan untuk disalurkan menerusi aktiviti-aktiviti sampingan di kampus. Kalau di sekolah kita mempunyai kokurikulum, tetapi di pusat-pusat pengajian tinggi tidak ada kokurikulum tetapi harus digalakkan supaya warna dan suasana hidup di dalam kampus itu tidak menjadi muram. Mungkin mereka dibelenggu oleh satu sekatan, oleh kerana ada tuduhan-tuduhan setengah-setengah aktiviti adalah tidak Islamic dan sebagainya. Jadi, ini menakut-nakutkan pelajar-pelajar sehingga mereka masuk ke dalam shell dia, bermakna masuk dalam diri dan tidak berani keluar daripada berhadapan dengan dunia realiti.

Satu perkara lagi ialah bagaimanakah sama ada hidup di kampus hari ini mempunyai badan-badan, pertubuhan-pertubuhan yang boleh mengizinkan interaksi antara kaum. Warga kampus di zaman 60-an dan awal 70-an berhadapan dengan satu tuduhan bahawa wujud polarisasi kaum di dalam kampus. Itu tidak benar. Tetapi hari ini seolah-olah mereka berhadapan dengan satu sekatan yang entah dari mana. Bermakna apabila mereka berhadapan dengan pelajar bukan bumiputera, mereka merasa inferior dan apabila mereka berinteraksi dengan pelajar bukan bumiputera, mereka berasa seolah-olah ini tidak diizinkan, mungkin oleh agama, mungkin oleh satu norm hidup di dalam kampus itu sendiri. Di manakah kesilapan perkara-perkara ini sehingga perkara ini boleh berlaku? Saya rasa ini tidak akan membantu kepada kewujudan satu bangsa Malaysia yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi Wawasan 2020.

Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan apabila perbadanan ini diwujudkan kelak walaupun telah digariskan di dalam perundangan ini, ciri-ciri setiausaha ataupun ciri-ciri pengerusi dan sebagainya, iaitu orang yang profesional, yang mempunyai latar belakang yang sesuai dengan perbadanan ini, saya harap lantiklah dari kalangan orang yang baru, jangan pengerusi-pengerusi yang sudah lama-lama sangat yang menduduki banyak sangat companies, banyak sangat perbadanan. Orang-orang ini tidak mempunyai masa.

Oleh kerana perbadanan ini amat penting, kepada saya, ia mengawal satu daripada nadi kebangkitan generasi akan datang. Bermakna, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini saya ibaratkan sebagai satu nadi oleh kerana inilah yang akan mewujudkan dana yang akan menjalankan aktiviti perniagaan, yang akan mengadakan PR exercises, dengan izin, untuk menemui penderma-

penderma dan sebagainya. Jadi, saya harap orang ini adalah orang yang betul-betul berkhidmat kerana Allah. Dan dua orang lagi ahli Lembaga, saya rasa Yang Berhormat Dato' Menteri pun akan memenuhi kategori-kategori ini, iaitu orang yang akan membantu, orang yang sanggup berkhidmat dan orang yang mahu mengiktiraf bahawa perbadanan ini adalah penting demi kebajikan dan kesejahteraan pendidikan anak-anak bangsa di masa akan datang.

Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pendidikan, kepada Kerajaan Barisan Nasional dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

9.30 mlm.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahar Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana membentangkan satu rang undang-undang yang amat bererti, bukan sahaja kepada negara tetapi generasi kita akan datang.

Saya sangat terharu dengan ucapan pembentangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri oleh kerana ianya merangkumi segala keperluan negara masa kini dan juga masa hadapan dan ini membayangkan satu cita-cita murni kerajaan untuk memastikan bahawa generasi akan datang akan mendapat peluang memperseimbangkan segala keperluan di dalam mencapai cita-cita negara iaitu menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan sudah pasti pendidikan merupakan asas kita untuk mencapai cita-cita itu dan andaikata satu rang undang-undang seperti ini tidak dibentangkan, sudah tentu banyak rakyat terutama di luar bandar yang akan ketinggalan. Oleh yang demikian, mujur seorang Menteri yang sungguh inovatif dapat membentangkan rang undang-undang yang begitu menyeluruh pada malam ini dan ini adalah satu sejarah di dalam negara kita dan saya ucapkan syabas kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tujuan penubuhan tabung pendidikan tinggi nasional ini adalah untuk membolehkan rakyat mendapat pendidikan di universiti-universiti tempatan dan ini adalah kena

pada masanya dan juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan tinggi dan sudah tentulah dengan adanya tabung pendidikan tinggi nasional ini, rakyat yang mempunyai kemampuan dari segi pelajaran tetapi tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan tidak akan ketinggalan dan apa yang perlu ditekankan di sini ialah cara-cara melaksanakan dasar yang terkandung di dalam rang undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, tabung yang dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri itu iaitu RM100 juta adalah satu peruntukan pihak kerajaan yang saya rasa cukup besar jumlahnya. Namun, memandangkan keadaan ekonomi negara dan perubahan dunia sejagat sudah tentulah kerajaan tidak akan mampu untuk terus menyediakan segala keperluan setiap rakyat dan saya telah katakan tadi iaitu rang undang-undang ini adalah inovatif oleh kerana bukan sahaja ia membentuk satu tabung pinjaman tetapi juga memperkenalkan skim insurans dan juga tabungan masyarakat sendiri untuk merencanakan pembiayaan pendidikan anak masing-masing. Inilah yang saya katakan satu tindakan yang amat murni oleh kerana pada pendapat saya kalau rakyat tidak dibimbing ke arah ini, mereka mungkin tersilap di dalam negara yang dibentuk dengan demokrasi iaitu government of the people by the people for the people sudah tentu masyarakatlah yang akan membentuk kerajaan dan merekalah yang menentukan ke arah mana kerajaan itu akan bertindak membentuk generasi akan datang dan di dalam konteks ini adalah sangat tepat pada masanya. Tidak mungkin mana-mana kerajaan di dalam dunia ini yang dapat menyediakan segala keperluan setiap rakyat untuk membiayai keperluan pendidikan setiap rakyat terutama di peringkat pendidikan tinggi.

Justeru itu, adalah wajar bagi rakyat sendiri untuk menyediakan tabungan untuk anak masing-masing tetapi Tuan Yang di-Pertua, setelah berkata demikian saya ingin juga membuat beberapa saranan iaitu di dalam pelaksanaannya haruslah ada tolak ansur terutama bagi mereka yang datang dari luar bandar yang mana tidak ada pendapatan untuk ditabungkan. Justeru itu, saya ingin sarankan pihak kerajaan supaya jika pelaksanaan ini nanti dijalankan, pinjaman yang diberi, kalau tabungan yang dibuat oleh ibu bapa itu tidak mencukupi, sebahagian daripada pembiayaan pendidikan kanak-kanak itu haruslah ditanggung ataupun diberi pinjaman tambahan oleh pihak kerajaan sama ada di dalam bentuk biasiswa ataupun geran.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah kanak-kanak sendiri dan bukan ibu bapa dibimbing untuk membentuk tabungan masing-masing dari awal iaitu dari peringkat Tahun Satu hinggalah ke Tingkatan Enam Atas agar mereka boleh betul-betul menilai atau menghargai betapa pentingnya pencapaian di dalam pelajaran oleh kerana kalau hanya ibu bapa sahaja yang diminta untuk menyumbang di dalam tabungan ini, mungkin kita tidak dapat membentuk second generation, dengan izin, yang juga faham tentang keperluan pelajaran anak-anak mereka yang akan datang.

Yang kedua ialah mengenai insurans pendidikan yang diperkenalkan di dalam rang undang-undang. Saya gembira kerana ini telah diperkenalkan oleh kerana banyak syarikat insurans yang telah memperkenalkan skim seperti ini tetapi premium atau bayaran yang dikenakan adalah terlalu berat bagi mereka yang berpendapatan rendah dan saya cukup yakin bahawa kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan memperkenalkan rang undang-undang ini akan juga terbayang di dalam pelaksanaan skim insurans ini nanti. Dalam erti kata yang lain ialah agar premium insurans yang dikenakan hendaklah serendah-rendah yang boleh dan within the means, dengan izin, rakyat yang termiskin terutama mereka yang di luar bandar. Kalau ini tidak dipertimbangkan sudah tentu rakyat yang termiskin tidak mungkin akan mendapat manfaat daripada rang undang-undang ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai sumbangan tabungan. Kita mengakui hakikat bahawa banyak syarikat gergasi yang mendapat faedah termasuklah bank yang mengisytiharkan keuntungan berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun dan keuntungan itu mereka nikmati dengan sendirian sahaja tetapi mereka yang tidak mendapat sebarang peluang di dalam kegiatan ekonomi seperti rakyat di luar bandar hanya dapat mendengar keuntungan yang mereka perolehi tetapi tidak dapat menikmati peluang yang sama. Justeru itu, saya ingin mencadangkan di sini agar pihak kementerian dengan perundingan pihak Kementerian Kewangan memberi satu galakan kepada para penderma untuk menyumbangkan ke arah tabung ini secara derma dan sudah tentulah mereka mengharap supaya pelepasan cukai diberikan dan haruslah ini dipertimbangkan agar lebih ramai korporat memberi sumbangan ke arah derma tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian pinjaman nanti, saya rasa cukup jelas bahawa tujuan

kerajaan ialah memberi keutamaan kepada mereka yang termiskin dan juga rakyat dari luar bandar tetapi satu perkara yang saya ingin sentuhkan di sini ialah tentang syarat-syaratnya nanti bila memberi pinjaman. Kadangkala pinjaman itu dikenakan syarat yang begitu ketat sehingga pihak yang ingin meminjam mungkin tidak dapat memenuhinya dan justeru itu, saya fikir satu mekanisme yang sederhana perlulah diperkenalkan agar tujuan utama undang-undang ini akan tercapai. Kalau syarat-syarat yang begitu ketat dikenakan kepada para peminjam nanti, maka tujuan memperkenalkan atau untuk membantu generasi yang miskin tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus diingatkan, dan mengikut pengalaman MARA ialah mengenai kutipan ataupun pungutan semula pinjaman yang diberi. Kita telah mendengar bahawa sehingga kini MARA masih lagi menghadapi masalah yang amat rumit untuk memungut semula pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada para pelajar. Saya harap mekanisme yang diperkenalkan nanti tidak akan menimbulkan masalah yang sama, oleh kerana 'revolving fund' ataupun modal pusingan RM100 juta itu walaupun begitu besar tetapi kalau mereka yang diberi peluang untuk mendapatkan pinjaman itu tidak bertanggungjawab dan juga pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip tidak menjalankan tugas mereka, maka hancurlah harapan negara di dalam memperkenalkan undang-undang ini.

Oleh yang demikian, saya fikir walaupun saya telah katakan bahawa syarat-syarat itu jangan terlalu ketat, tetapi satu penilaian iaitu mereka yang benar-benar memerlukan pinjaman diberikan pinjaman. Oleh kerana kadangkala mereka yang mampu juga mungkin mengambil kesempatan untuk mendapatkan peluang ini. Tetapi akhirnya, oleh kerana mereka tidak jujur untuk mendapatkan pinjaman, maka tidak jujur juga untuk membayar balik. Maka perkara ini haruslah diambil kira di dalam memberi pinjaman. Mengenai pemberian pinjaman, saya harap memandangkan keadaan perkembangan pendidikan tinggi di negara kita ini, iaitu pihak universiti-universiti swasta juga berkembang, saya mencadangkan supaya pemberian pinjaman itu tidak dihadkan kepada universiti-universiti yang ditubuhkan oleh kerajaan sahaja. Pihak penuntut yang mendapat tempat di universiti-universiti tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan juga haruslah diberi peluang yang sama supaya kehendak mereka untuk melanjutkan pelajaran tidak akan terbantut.

Akhir sekali, saya ingin sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai pelaksanaan untuk menentukan bahawa semua rakyat mempunyai peluang untuk mendapat bantuan melalui skim ini. Badan yang dibentuk nanti hendaklah mengadakan pejabat di setiap daerah di seluruh negara untuk memudahkan para penuntut mendapat bantuan ataupun borang-borang yang diperlukan atau sekurang-kurangnya borang permohonan pinjaman itu hendaklah diedarkan di setiap daerah dan hendaklah mencukupi. Pelaksanaannya nanti hendaklah 'through out the year' dengan izin, supaya mereka yang pada mula tidak sempat mendapat tempat tetapi akhirnya mendapat tempat di dalam universiti, juga dapat diberi bantuan ketika nanti mendapat tempat di universiti-universiti tempatan.

Dalam perkara itu, sudah tentu pihak kementerian perlu memikirkan tentang perlantikan beberapa pegawai. Di dalam konteks ini saya fikir pihak kementerian terpaksa memberi latihan di dalam pelaksanaan ataupun perlantikan oleh kerana skim ini adalah skim yang baru diperkenalkan dan mekanisme juga adalah baru, maka satu cara untuk melaksanakannya dengan selicin-licinnya amatlah penting. Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

9.49 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali bagi mewakili di kawasan Parlimen daripada luar bandar, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Sudah tentu bagi masyarakat di luar bandar apabila perkara ini disiarkan dalam akhbar esok, mereka akan merasa lega kerana di saat begini kita sebagai wakil rakyat selalu didatangi oleh orang-orang kampung memberitahu bahawa memasuki pusat pelajaran tinggi pada hari ini tidak seperti dahulu. Kalau dahulu mungkin mudah, bila masuk universiti, automatik boleh dapat biasiswa, tetapi hari ini perkara itu tidak menjadi kenyataan. Insya-Allah, dengan adanya undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan ini, maka keistimewaan yang diharap-harapkan oleh orang-orang luar bandar akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tiga perkara sahaja. Yang pertama, mengenai kutipan wang. Saya tertarik membaca Seksyen 23, secara

sekali gus, secara sekali lalu saya melihat rang undang-undang ini agak lengkap, tetapi saya tidak nampak satu rang undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak Lembaga ini untuk mengutip hutang. Kerana dalam Seksyen 23 hanya menyebut dengan "boleh dikutip dengan mengikut cara sivil" ataupun undang-undang biasa. Kerana daripada pengetahuan dan daripada pengalaman bekerja sebagai Pegawai Undang-undang MARA, di mana memang kerja saya sebagai mengutip hutang. Jadi, mungkin sedikit-sebanyak boleh kita berkongsi bagaimana masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak MARA sepertimana sahabat saya daripada Tuaran tadi menyatakan.

Kerana kalau saya tidak silap semua jabatan kerajaan apabila dia ingin mendakwa sama ada criminal ataupun sivil terhadap pihak-pihak yang hendak didakwa, maka mereka boleh menggunakan kuasa-kuasa di bawah Peguam Negara. Kalau jabatan, kes-kes ini akan didakwa oleh pihak Peguam Negara bagi pihak jabatan berkenaan. Tetapi kita di sini bukan lagi kerajaan, kita ini adalah Lembaga. Kalau saya tidak silap ada satu kes pernah berlaku di mana satu lembaga yang telah diwakili oleh pihak Jabatan Peguam Negara, maka mahkamah mengatakan tidak sah kerana ia tidak ada *locus standi* untuk mewakili pihak lembaga. Oleh itu, seperti MARA sebagai contoh, kita memang ada satu plot di mana pihak Majlis boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai untuk menghadiri mana-mana mahkamah. Jadi, surat kuasa untuk menghadiri mahkamah ini ditandatangani oleh pihak Pengerusi MARA sendiri.

Jadi, di sini saya tidak pasti. Yang saya pastinya kalau hendak mengutip hutang nanti untuk buat 'civil suit', saya rasa pegawai daripada Pejabat Peguam Negara mungkin tidak boleh digunakan. Tetapi mungkin oleh kerana lembaga ini tidak ada memperuntukkan undang-undang memberikan kuasa kepada lembaga untuk mendakwa, mungkin juga pihak lembaga nanti akan melantik penal lawyer, ini boleh. Ertinya, dia akan lantik mana-mana panel lawyer dan private lawyer ini yang mendakwa. Kalau hendak lantik, saya pun hendak tawar dirilah. [Ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini serius, kerana dalam masalah memberi hutang senang, tetapi hendak kutip hutang yang susah. Saya harap kita hendak beri hutang tidak ada masalah, semuanya okay. Bila hendak kutip hutang, berbagai-bagai undang-undang berbagai-bagai peraturan kita kena patuhi. Kalau kita tidak patuhi, maka duit yang kita beri walaupun kita beri betul,

tetapi kadang-kadang ada juga kita dapati pihak-pihak yang menuntut ini kalah di dalam kes di mahkamah. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak menteri sama ada panel-panel lawyer akan dilantik ataupun pihak lembaga sendiri akan melantik pegawai undang-undang yang tidak ada kuasa pergi mahkamah. Jadi, ini kalau dapat penjelasan daripada pihak menteri.

Yang kedua, mengenai kutip hutang ini juga. Daripada pengalaman kita mengutip hutang ini, mana-mana hutang pun selalunya yang menjadi mangsanya penjamin. Jadi, saya mintalah peraturan kalau yang dibuat ini tidak - kerana memang dia boleh disaman, kerana bila jadi penjamin, ada satu perkataan bersama-sama dan juga berasingan, mana-mana pun boleh saman. Tetapi kalau pinjam hutang bank bolehlah untuk diniaga. Ini pinjaman untuk belajar. Saya sendiri semasa jadi pegawai MARA, saya kasihan. Kerana kadang-kadang kita tengok orang yang jadi penjamin sebenarnya dia tidak kenal pun siapa yang dia jamin. Kadang-kadang bila datang dia beritahu 'saya tidak kenal siapa saya jamin'. Kerana syarat hendak jadi penjamin ialah kumpulan A. Kalau orang luar bandar, masa dahululah, hendak cari kumpulan A bukannya senang. Paling-paling tidak ada, cikgulah. Harap cikgu-cikgu yang kelulusan universiti yang boleh jadi penjamin. Cikgu ini pun kadang-kadang tidak kenal siapa yang dia jamin, ataupun kalau ada saudara-mara kerja di pejabat-pejabat kerajaan, dia minta tolong. Agaknya kawan-kawannya yang jadi pegawai, dia minta tolong jamin adiknya atau anaknya.

Bila pegawai ini sudah bertukar dan sebagainya, dia pun sudah tidak ada hubungan dengan orang yang dia jamin. Tiba-tiba dia dapat surat saman. Pelajar ini sudah besar, pelajar ini sudah kaya-raya, sama ada kaya-raya ataupun sudah ke mana ghaibnya, tetapi kita tidak boleh trace di mana pelajar ini berada. Yang boleh senang kita trace ialah penjamin, sebab penjamin bekerja dengan kerajaan kita pun trace. Tulis surat di mana dia berada. Kalau dia cikgu, kita tulis kepada kementerian. Kalau jabatan, kita check di mana pegawai-pegawai penjamin ini berada dan akhirnya kita dapat. Bila kita dapat penjamin, kita panggil. Bila kita tanya di mana peminjam? Dia pun tidak tahu, malah dia sudah lupa siapa yang pinjam. Jadi, kadang-kadang kita tidak ada pilihan lain, kita kena saman penjamin, aniaya kepada penjamin.

Sebab itu, pada hari ini kadang-kadang kita dapati bukan sahaja orang takut hendak jadi penjamin kepada pinjaman bank, hendak jadi penjamin kepada

pelajar-pelajar untuk dapat pinjaman kerajaan orang sudah takut untuk jadi penjamin, kerana mereka tahu risikonya sama-sama akan didakwa. Oleh itu, kita harap peraturan-peraturan ini kalau boleh dibuat sedikit kelonggaran. Jangan sangat terikat dengan kontrak-kontrak ataupun surat-surat perjanjian di antara sama seperti syarat-syarat pinjaman dengan pihak-pihak bank atau pihak-pihak kewangan yang begitu 'rigid' dan menyebabkan penjamin yang secara sukarela, yang tidak ada apa-apa keuntungan akhirnya dia yang akan didakwa di mahkamah.

Tadi, di dalam pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa potongan ini akan dibuat oleh majikan. Persoalannya hari ini bagaimana kalau pelajar ini tidak bekerja dengan mana-mana jabatan, dia kerja sendiri. Dia keluar dia buat business sendiri dan dia yang jadi majikan. Jadi, bagaimana untuk mengatasi masalah ini, dan yang kedua bagaimana kalau pelajar-pelajar ini hilang. Ada juga pelajar-pelajar kita hilang. Dia pergi London, dia pergi luar negeri dia tidak balik. Dia fail, dia pun tidak balik, dia duduk di luar negara. Baru-baru ini dalam surat khabar pun kita terbaca ramai pelajar kita yang tak balik. Jadi, bagaimana cara untuk pihak kementerian mengatasi, untuk mengutip balik wang kepada pelajar-pelajar yang hilang atau yang bekerja sendiri.

Seterusnya mengenai kutipan ini juga dinyatakan bahawa 'dalam tempoh enam bulan apabila tamat belajar mestilah bayaran ini dibuatkan.' Soalnya, pada hari ini, soalan yang pertama saya hendak minta penjelasan bagaimana kalau pelajar ini dia habis belajar, kemudian dalam tempoh dia mula bayar sedikit, tiba-tiba dia dapat sambung belajar balik. Katalah dia dapat first degree, kira-kira dia sudah bayar dua-tiga bulan kemudian dia pula dapat offer untuk buat master ataupun Ph.D. Jadi, bagaimana cara-cara bayaran bagi pelajar-pelajar yang sedemikian? Mengenai kutipan wang ini, satu lagi undang-undang yang paling penting ialah kita ada Limitation Act, kita ada Civil Suit, kita mesti ada sampai tempoh enam tahun. Kalau pelajar-pelajar ini kita dapat kesan dengan....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuan Haji bangun. [Ketawa]

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, tadi pada permulaan Yang Berhormat dari Tanjong Karang bercakap sebagai

mewakili kawasan luar bandar, saya rasa lega juga. Tetapi apabila dia bangkit tentang kutip hutang, tentang hendak saman, saya berasa takut balik. Jadi, tidak bolehkah Yang Berhormat cadangkan supaya pelajar kita bila dia dapat, dia sendiri jamin, selepas itu pihak daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akan mengetahui di mana dia bekerja, dia akan mengutipnya. Jangan membangkitkan tentang hendak mengutip hutang. Ini menakutkan orang kampung, orang kawasan saya lagi takut. Sebab kita belum beri lagi, kita hendak kutip, hendak saman dan sebagainya macam MARA. Jadi, tidak bolehkah Yang Berhormat cadangkan supaya pemberian tabung ini kepada pelajar itu dan pelajar itu sendiri akan tandatangan dengan tidak ada penjamin dan sebagainya. Bila dia lulus, dia bekerja tetap dengan mendapat pendapatan, maka dia akan membayar sendiri dengan tidak ada penjamin apa-apa? Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Maksud yang saya cakapkan tadi itu samalah. Itu sebab tekankan jadi 'penjamin'. Saya kata janganlah teruk sangat kalau sampai penjamin pula kena saman. Apa yang saya sebut ini, sebab dalam akta ini ada.

Di seksyen 23 itu ada sebut fasal 'kutip hutang'. Jadi, pada hari ini kita tidak sebut, tetapi yang hendak dilaksanakan ini besok dia akan mengikut balik peraturan-peraturan ini. Itu sebabnya saya hendak bangkitkan perkara ini bahawa apabila lembaga ini ditubuhkan, kalau sampai masa revolving fund hari ini kita beri RM100 juta, nanti dalam masa 5-6 tahun lagi kita akan tambah lagi. Kalau tidak ditadbirkan dengan betul, maka kita takut nanti revolving fund ini makin lama ia makin habis, yang mana first batch, yang mana dapat peringkat permulaan, mungkin kita bersyukur kerana dapat. Tetapi kita khuatir kalau tidak disusun dengan baik, maka lembaga ini nanti tidak akan dapat dinikmati pula oleh generasi-generasi yang akan datang. Oleh sebab itu, daripada segi hendak melaksanakan ini, kita harus menimbulkan perkara dari segi undang-undang, kerana bila hendak bagi hutang memang tidak mengikut undang-undang, hendak kutip hutang itu nanti yang pihak pengurus ataupun lembaga yang menguruskan ini mahu tidak mahu dia akan mengutip hutang mengikut undang-undang. Itu sebabnya saya timbulkan perkara ini supaya tidak berbangkit lagi macam kes MARA, sehingga hari ini, semua Ahli Parlimen atau orang-orang Melayu pun dia terpaksa membangkitkan isu-isu kes MARA mengapa tidak boleh kutip hutang sehingga kadang-kadang kita terpaksa sampai masuk di dalam surat khabar. Jadi, mahu tidak mahu, hutang ini kita kena kutip.

Seterusnya mengenai Limitation Act seperti yang kita tahu Civil Suit boleh dalam tempoh masa 6 tahun. Jadi, kalau kita tidak dapat mengutip wang dalam tempoh 6 tahun, maka pihak lembaga tidak boleh hendak saman ataupun hendak mulakan suit, against peminjam. Oleh itu perkara Limitation Act ini juga perlu dipertimbangkan dan kalau boleh di bawah Limitation Act ini diberi pengecualian kepada lembaga ini untuk mengutip hutang.

Yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Sipitang bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Mengenai dengan penjamin tadi itu, apakah kerajaan tidak boleh memastikan bagi mereka yang ada ayah atau ibu cukuplah sekadar ibu bapa sahaja sebagai penjamin tidak payah mencari orang lain, kerana ibu bapa ini akan sentiasa ada dan merekalah yang tahu di mana anak-anak mereka itu berada. Jadi cukup dengan ibu bapa.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat setuju berkenaan dengan pemberian biasiswa atau pinjaman ini kita tawarkan kepada semua yang layak memasuki pengajian tinggi terpujalah kepada mereka sama ada hendak menerima atau tidak, kerana kita tahu pelajar luar bandar seperti di kawasan Yang Berhormat dan kawasan saya sendiri, boleh dikatakan semua kurang mampu untuk menerima biasiswa ataupun mendapat kewangan untuk membiayai pengajian tinggi. Apakah dapat kita tawarkan kesemua terpujalah kepada mereka, sama ada mereka menerima atau tidak.

Lagi satu dari segi kelayakan menerima pinjaman ini, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya jangan terlalu diperketatkan sangat, diberi kelonggaran terutama sekali pelajar luar bandar?

Tuan Noh bin Omar: Saya setuju dengan cadangan-cadangan itu, memang saya hendak cakap bab yang ketiga ini. Ini baru bab kutip hutang - ini bab yang kedua.

Bab yang kedua ini, saya juga ingin mencadangkan syarat-syarat dalam kontrak atau perjanjian ini, kita bagi pinjam ni jangan beri macam itu sahaja. Ini kadang-kadang bila kita beri tanpa kita kawal, aktiviti dalam pergerakan perlembagaan ini juga kita dapati kadang-kadang pelajar ini menjadi 'seperti kacang lupa kulit'. Jadi, kalau boleh

pihak lembaga ini dia bubuh dalam kontrak, ia ada kuasa, boleh memanggil pelajar-pelajar ini untuk diberi motivasi seperti 'Summer camp' kalau dia bercuti, panggil dia untuk memberikan kursus-kursus yang mana semua pelajar yang mendapat pinjaman ini, mereka ini akan sentiasa terkawal, kerana kita tahu kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar mendapat pinjaman ini. Dia hanya pandai di dalam bidang akademik sahaja, tetapi kita mahu kedua-dua, rohani dan juga jasmani. Kalau kita sendiri menekankan betapa pentingnya membayar hutang di segi agama, saya rasa kalau kita hari-hari menyedarkan pelajar-pelajar ini mengenai pentingnya membayar hutang ini mereka nanti tidak payah kita saman. Bila sudah habis belajar dia akan membayar. Ini dalam agama Islam pun kita tahu kalau kita mati, elok-elok jenazah turun dari rumah sahaja pak imam ataupun wakil kita akan cakap bahawa 'sekiranya ada si mati berhutang.....' yang lain dia boleh minta maaf, dia kata kalau si mati ada membuat salah maafkanlah dia semua, tetapi kalau dia ada berhutang - itu dia suruh tuntutan dengan waris-waris.

Peranan dan tanggungjawab membayar hutang ini kalau kita tekankan daripada segi agama Islam, saya yakin bahawa pelajar-pelajar ini akan menjadi satu orang yang bertanggungjawab dan tidak perlu lagi kita hendak cari dia dan mengikut undang-undang dunia. Jadi, kita harap pelajar-pelajar yang mana mendapat pinjaman daripada lembaga ini akan menjadi satu golongan pelajar yang boleh kita banggakan.

Yang akhir sekali mengenai perkhidmatan. Kita amat berharap dan persoalan-persoalan yang ditimbulkan tadi memang saya hendak cakap perkhidmatan yang cekap daripada lembaga. Oleh itu, saya ingin mencadangkan dan kita amat berharaplah supaya wang yang diuntukkan sebanyak RM100 juta ini kalau boleh betul-betullah dimanfaatkan kepada tabung atau kepada pinjaman, jangan terlampau banyak dimanfaatkan kepada pentadbiran dan urusan-urusan kakitangan. Biar benar-benar dimanfaatkan untuk memberi pinjaman bukannya digunakan untuk lain-lain aktiviti.

Saya juga bersetuju dengan cadangan-cadangan tadi, memang saya hendak cadangkan penjamin ini kalau boleh dipermudahkan pinjaman ini, jangan terlampau menyusahkan, misalnya hendak mendapat pinjaman sampai 'Surat Mati' pun hendak minta, geran tanah pun hendak tunjuk. Kalau ini berlaku saya rasa menyusah orang-orang luar bandar. Oleh kerana kita ada sistem melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mengutip hutang,

maka saya rasa penjamin ini tidak perlulah, penjamin ini kita beri dan kita yakin bahawa hutang-hutang yang kita beri ini kita boleh tuntutan dengan ejen-ejen yang telah pun kita lantik, yang mana saya percaya mereka ini kalau diberi pinjaman nanti kita boleh trace mereka dan kita boleh kutip hutang-hutang yang telah pun diberi.

Kita juga amat berharap keutamaan hendaklah diberi kepada IPTS terutamanya kepada pelajar-pelajar yang telah pun memulakan pengajian. Kadang-kadang kita merasa kasihan kepada pelajar-pelajar terutamanya bumiputera yang sudah memang belajar masuk IPTS ataupun yang sudah pergi keluar negeri sebagai contoh. Tahun pertama dia sudah keluar duitnya sendiri, ini menunjukkan dia sudah memang serius, komitmen dia memang sudah ada. Kadang-kadang peruntukan yang dia ada itu, duit yang dia ada itu hanya untuk tahun pertama sahaja, bila tahun kedua dia sudah tidak ada duit, maka hendak membuat pinjaman sudah tidak dapat. Jadi, kalau ada pelajar-pelajar yang sudah lulus tahun pertama ini janganlah banyak soal, kita terus beri, kalau hendak lebih-lebih soal atau timbang-timbang ini, pelajar baru yang belum masuk ini mungkin interview lebih sedikit. Tetapi kalau sudah memang masuk, sudahpun berada di luar negeri dan sudah lulus tahun pertama, maka pelajar-pelajar ini saya harap kita berilah mereka automatik, kerana mereka telah menunjukkan komitmen mereka sanggup masuk ke IPTS ataupun mereka pergi ke luar negeri dengan belanja sendiri. Jadi, kita juga berharap oleh kerana ini merupakan pinjaman, kita juga berharap dalam syarat-syarat perjanjian itu kalau boleh janganlah dituntut semua. Misalnya kalau dia dapat pinjaman sebanyak RM100,00 untuk dia belajar jangan tuntutan semua, buatlah syarat-syarat motivasi, kalau dia dapat first class saya ingat kita kira 'langsailah', first class ini tidak payah bayarlah.

Kalau dia dapat second class boleh jadi bayarlah sedikit 20%, 30% dan kalau dia fail kena bayar semua. Kerana ini pinjaman, jadi kalau ini dapat dibuat dengan syarat-syarat ini, saya rasa pelajar-pelajar yang dapat pinjaman ini dia rasa adalah satu kebanggaan kepada dia dan dia akan berusaha untuk belajar bersungguh-sungguh, paling tidak dia akan berusaha untuk mengurangkan bayaran pinjaman yang akan dilaksanakan.

Yang akhir sekali, saya juga merayulah kepada pihak lembaga supaya pelajar-pelajar yang sudah dapat universiti, yang sudah ditawarkan pinjaman ini keluarkanlah surat cepat-cepat, sebab hari ini hendak masuk universiti Tuan Yang di-Pertua -

kasihan, kalau tidak ada RM1,000 dalam poket atau kocek dia tidak boleh masuk universiti. Kalau dia kena pergi ke Sabah atau Sarawak kalau orang Semenanjung, tiket kapal terbang pun kadang-kadang tidak mampu hendak beli. Ini kadang-kadang hendak pergi daftar, hendak bayar yuran deposit dan macam-macam. Jadi, kalau boleh proses cepat-cepat dapat sahaja surat tawaran ini tunjuk surat tawaran kepada lembaga di universiti ini janganlah minta banyak kepada penjaga ini, kira surat itulah yang menunjukkan bahawa semua perbelanjaan ini akan dapat dilaksanakan oleh pihak lembaga. Dengan kata-kata tersebut saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya minta ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap selain daripada dua orang ini, tidak ada ya. Kepong.

10.10 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dengan harapan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional adalah benar-benar tidak mempunyai unsur-unsur politik parti dan benar-benar adil dan cekap tanpa mengira kaum, warna dan kepercayaan. Ia mestilah berteraskan kepada merit, kepada kemampuan akademik dan keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu kelemahan bagi pendapat saya ialah Rang Undang-undang ini diedarkan semalam dan kemudian dibahaskan dalam masa 24 jam - itu memang satu masa yang singkat.

Saya diberitahu bahawa pihak kementerian sudah pun menyiapkan Rang Undang-undang ini lebih awal lagi, kalau itulah yang dibuat mengapa tidak diedarkan terlebih dahulu sekurang-kurangnya tidak mempunyai cukup masa untuk meneliti dengan sedalam-dalamnya, kerana prinsipnya satu adalah satu rang undang-undang yang baik. Apakah takut, tidak payah takut, kerana ini adalah prinsip yang baik, kita mesti memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengkaji dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat

bersetuju, kerana saya percaya ramai lagi Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional dan juga Pembangkang yang ingin atau berhasrat untuk berucap, tetapi kerana pada petang ini apabila kita datang hendak tengok Order Paper, kita merasa terkejut bahawa ia sudah naik. Ini menyusahkan kita untuk membuat persediaan, kerana tidak ada fakta-fakta yang mencukupi untuk membuat satu ucapan yang baik di mana kita ada membuat homeworklah. Oleh sebab itu, sebagai satu contoh, adakah Yang Berhormat setuju bahawa apabila saya datang ialah berdasarkan kepada Standing Order semalam, di mana rang undang-undang ini hanya dibekalkan kepada Ahli Parlimen, macam satu kejutan atau satu tindakan yang tergesa-gesa. Bolehkah Yang Berhormat membuat satu cadangan bahawa perbahasan ini dilanjutkan sampai besok supaya memberi peluang yang lebih kepada semua orang kerana seperti Yang Berhormat katakan tadi ini adalah satu rang undang-undang yang boleh diterima.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sependapat dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana ramai lagi yang hendak berucap, bukan sahaja dari pihak DAP, pihak pembangkang bahkan juga di Barisan Nasional yang tidak sempat hadir kerana faktor-faktor yang tertentu. Tetapi kita tidak payah segan-segan hendak memberi masa yang cukup kerana daripada hujah Yang Berhormat Menteri tadi, hujah itu sangat fasihlah, suaranya merdu, sedap didengar dan sebagainya. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya kita sokong, [*Tepuk*] dan Yang Berhormat Menteri pun bukan seorang insan yang kamil [*Ketawa*] memanglah ada cacat celanya. Kita hanya hendak memperbetulkan mencungkil dan memaparkan kelemahan itu dan mengemukakan cara-cara, cadangan-cadangan untuk memperbetulkan cacat-celanya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang hanya 14% orang Malaysia lulus di institusi pengajian tinggi, sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, matlamat kita ialah untuk membolehkan 40% orang Malaysia mencapai tahap pendidikan tinggi. Ini satu matlamat yang baik, sekiranya kita berusaha dengan sedaya upaya kita mesti akan mencapai matlamat ini.

Walau bagaimanapun, sambil menekankan kuantiti, bilangan graduan, kita tidak boleh mengabaikan kualiti. Kita mestilah bersama-sama menjadikan negara kita sebagai pusat pendidikan cemerlang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, arus aliran masyarakat kini ialah mirip kepada kebendaan, mirip kepada jasmani. Walaupun para pemimpin termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan sentiasa memperingatkan betapa pentingnya kerohanian, moral dan spiritual, trend ialah ke arah material.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan bahawa nilai-nilai moral dan spiritual yang baik hendaklah disemaikan dalam hati nurani bangsa Malaysia. Yang Berhormat Menteri Pendidikan haruslah menginsafi bahawa perkembangan material di Malaysia dan di mana-mana negara yang berhasrat untuk mencapai status negara maju, perkembangan material adalah lebih cepat daripada perkembangan moral dan spiritual. Memang itu satu hakikat dan kenyataan.

Dengan adanya perbadanan ini, pinjaman pendidikan dan tabung pendidikan mudah-mudahan ketakseimbangan di antara jasmani dan rohani dapat diperbetulkan dengan perlahan-lahan. Mahu tidak mahu kerana zaman beralih, musim bertukar, sifat-sifat generasi baru adalah tidak serupa dengan generasi yang lepas, sama ada sifat-sifat generasi baru ini baik ataupun tidak, Kementerian Pendidikan mempunyai peranan yang penting untuk mengelakkan daripada meletupnya bom jangka sosial ekonomi.

Saya pernah berkali-kali menyebutkan mengenai bom jangka sosial ekonomi ini dan dengan

Seorang Ahli: Mana ada 'economoney'? [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Cacat-cela pun ada, salah lidah pun ada.

Seorang Ahli: Insan yang 'camel', insan 'camel'! [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Insan bukan kamil. Ya, macam-macam, tetapi ini gejala-gejala barulah ini. Kita hendakkan satu perbadanan yang benar, cekap dan bersih untuk mengelakkan ciri-ciri seumpama ini.

Seorang Ahli: Tetapi 'economoney'. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, boleh disebutkan sebagai 'economoney', meletupkan bom jangka economoney. Memang, kerana kita hendak Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil pusing mengenai masalah yang akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini kerana Yang Berhormat Menteri hendak mengkorporatkan

universiti-universiti bermula dengan Universiti Malaya. Maka kerana cara-cara untuk mengkorporatkan bagi pendapat sayalah, tanpa musyawarah, tanpa perbincangan dengan lebih teliti dengan para pensyarah, para profesor, kalau Yang Berhormat dari Balik Pulau, kalau dia benar-benar berani mesti dia bersetuju dengan pendapat saya. Tetapi nampaknya tidak berani semua! Parit Sulong pun tidak tahu hal-hal mengkorporatkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor berhijrah dari universiti-universiti ke sektor swasta atau ke seberang laut disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu dan kita tidak ada masa untuk memperbincangkan masalah ini dan kerajaan pada masa ini menanggung lebih 90% daripada perbelanjaan setiap universiti, memang satu tanggungan yang besar, sekarang universiti-universiti kekurangan lebih 1,000 tenaga pengajar, memang sangat kurang. Dan apakah pengkorporatan Universiti Malaya sekarang?

Sebab Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada pernah mengumumkan bahawa pengkorporatan ini akan diadakan pada 1 Januari tahun ini dan butirannya akan diumumkan pada bulan Mac, tetapi sehingga sekarang sudah bulan Mei kita tidak nampak lagi, apakah rumusan, formula yang digunakan untuk mengkorporatkan Universiti Malaya. Itu *alma mater* Parit Sulong, tetapi dia senyap sahaja, tak tahu apa yang hendak dibuat. Ha, cuma hendak ejek-ejek orang sahaja. [Ketawa] Itu yang pandai!

Tetapi *alma mater* dia Universiti Malaya akan dikorporatkan dan walaupun janji hendak umumkan butiran pada bulan Mac tetapi sehingga bulan Mei dah, tak ada apa-apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah universiti, kerajaan telah berusaha untuk memperbadankan universiti-universiti tersebut. Saya memang bimbang kerana walaupun tidak ada berusaha untuk mengadakan perbadanan yang dibentangkan hari ini, saya hendak menekankan bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pernah pada tahun-tahun 1970-an, saya pernah berdamping dengan dia pada tahun-tahun 1970-an, semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri aktif

di Universiti Malaya, beliau pernah mengatakan bahawa 'yang kaya semakin kaya, yang miskin papa kedana'. Itu satu cogan kata dialah!

Dan sekarang saya ada baca kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Pokok Sena bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Pokok Sena baru sahaja dapat mengelakkan kebakaran di Mekah. [Ketawa]

Seorang Ahli: Kalau hendak beri jalan, beri sahajalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, Yang Berhormat dari Kepong ini membahaskan atau membentangkan Usul? Sama ada dia hendak membentangkan Usul untuk mewujudkan 'insan camel' macam dia itu! [Ketawa] Kalau dia tidak ada point, balikkah, sudah tengah malam ini, isteri dia dok tunggu di luar itu. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak point!

Tuan Yang di-Pertua, sebab ini penting. Rang undang-undang yang dibentangkan ini kerana masalah universiti. Kita hendak memperbadankan, apakah maksudnya, kita hendak membolehkan semua orang sama ada miskin ataupun kaya mempunyai peluang untuk memasuki universiti, itulah yang dimaksudkan malam ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun sentiasa menekankan, kita tidak akan mengabaikan orang-orang ataupun keluarga yang mundur. Itu yang sentiasa disebutkan, sebab kita hendak memberi peringatan, malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebab Timbalan Perdana Menteri pun tak tahulah Pokok Sena, dia lari daripada kebakaran di Mekah. [Ketawa].

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa sekarang kerajaan adalah komited untuk memastikan tidak akan berulang yang kaya semakin kaya, yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti akan bertanggungjawab untuk mengenalpastikan pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan. Saya berharap dengan adanya perbadanan ini supaya dapat menyelesaikan masalah yang sentiasa ditimbulkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting ialah walaupun di dalam rang undang-undang ini ada peruntukan untuk mengutip balik pinjaman yang akan diberi kepada bakal para pelajar, seperti melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya pun tidak tahu sama ada kita akan berjaya melalui lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam pun menggunakan lembaga juga. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri bersama-sama berusaha untuk mengesan para peminjam yang cuai membayar balik. JPA mengeluarkan pinjaman-pinjaman kepada pelajar-pelajar dan kakitangan kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara.

Tahun ini sahaja RM1.2 bilion telah diperuntukkan untuk pinjaman dan biasiswa. JPA memang susah hendak mengesan para peminjam yang cuai. Sebelum ini menggunakan cara-cara biasa, tetapi susah hendak mengesan. Sekarang saya diberitahu bahawa JPA sedang menggunakan 'computer digital' untuk mengesan para peminjam.

MARA juga menghadapi masalah yang lebih teruk lagi. MARA mengeluarkan RM60 juta untuk para pelajar, setakat ini adanya 2,499 kes peminjam yang teruk, tidak termasuk yang tidak teruk lagi, yang belum membayar balik.

Pada bulan Januari tahun ini, satu senarai nama 389 peminjam MARA telah diumumkan dalam akhbar. Ini kali yang pertamalah saya nampak satu organisasi yang mengumumkan orang-orang yang tidak membayar balik pinjaman. Adakah Yang Berhormat dengan perbadanan ini akan mencontohi teladan yang dibuat oleh MARA pada masa hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, saya akan dengan terperinci membahaskan di dalam Jawatankuasa masalah lembaga hendak mengutip balik dengan cara-cara melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri dan secara dasarnya saya berharap cara yang digunakan oleh pihak kementerian itu akan berhasil.

Seorang Ahli: Cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Seorang Ahli: Sokonglah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah habis?

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak perkara lagi, macam mana hendak sokong? Kerana yang dimaksudkan dengan perbadanan ini ialah belajar dahulu dan bayar kemudian!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk pulang ya! *[Ketawa]* Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah, ini cuma mukadimah sahaja!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.